



MALAYSIA

PENYATARASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2193]

USUL:

Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000 dan Dasar
Pembangunan Nasional
Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri [Ruangan 2259]

MALAYSIA

PARLIMENKELAPAN—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHAN CHOONG TAK, D.S.N.S.
(Dilantik).

- „ Menteri Belia dan-Sukan, TUAN HAJI ANNUAR BIN MUSA (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S.,
D.P.M.J., S.M.J. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan
Industri, DATO DR K. S. NUHAR, S.P.M.J., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan
Hal Ehwal Pengguna, DR SAK CHENG LUM (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN MUSTAPA BIN
MOHAMED (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SYED ABDUL HAMID SAGAFF (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL MAJID BIN HAJI ABDULLAH, P.I.S., P.P.M. (Johor).
- „ TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau
Pinang).
- „ TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG (Dilantik).
- „ TUAN ADAM BIN KADIR (Dilantik).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH (Dilantik).
- „ TUAN HAJI AHIMAD ZAHID BIN HAMIDI (Dilantik).
- „ PUAN AINON BINTI ARIFFIN, A.M.N. (Dilantik—Wilayah
Persekutuan).
- „ PUAN HAJAH ASMAH BINTI HAJI ISMAIL (Pahang Darulmakmur).
- „ TUAN AZMAN ATAR BIN OTHMAN, P.J.K., P.B.M. (Dilantik).
- „ DATO' AZUMU BIN TAK, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.P.T., J.P. (Perak).
- „ PUAN HAJAH CHE PORA BINTI HAJI OMAR (Dilantik).
- „ DATO' WILLIAM CHEK LIN KWAI, D.S.D.K., A.M.K., P.P.N., J.P.
(Dilantik).

Yang Berhormat TUAN CHONG CHI SIONG *alias* CHONG FAH (Negeri Sembilan).

- .. TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE (Sabah).
- .. TUAN DAHALAN BIN HAJI EMBUN (Perlis).
- .. TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., JP. (Melaka).
- .. TUAN FOO BOON LIANG (Pahang Darulmakmur).
- .. TUAN GHAZALI BIN HAJI EMBONG (Dilantik).
- .. PUAN HAJAH HABIDAH BINTI JUSOH *alias* YUSOP, P.J.K. (Terengganu).
- .. WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD (Sarawak).
- .. TUAN HO CHENG WANG (Perak).
- .. PUAN IDA DUMPANGAL NEE IDA UN DAN, B.S.K. (Sabah).
- .. TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik—Wilayah Persekutuan Labuan).
- .. TUAN ITAM WALI BIN NAWAN (Dilantik).
- .. TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD (Negeri Sembilan).
- .. TUAN JOHAN B.O.T. GHANI *alias* CHRISTOPHER (Dilantik).
- .. PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).
- .. TUAN C. KRISHNAN, A.M.N. (Dilantik),
- .. PUAN LAW JACK YOON (Dilantik).
- .. DATO' DR MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Dilantik).
- .. TUAN MOHAMAD WAJDI BIN DATO' HAJI ISHAK, J.P. (Dilantik).
- .. JEN. (B) TAN SRI DATO' MOHD. GHAZALI BIN DATO' MOHD. SETH, M.I.D., P.P.M., K.M.N., J.M.N., S.M.J., P.P.C., P.N.B.S., D.P.M.J., P.S.M., S.P.M.J., P.M.N., S.I.M.P., D.H.M.S., P.G.A.T. (Dilantik).
- .. TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).
- .. TUAN MUNISAMY A/L KUPPAN (Dilantik).
- .. TUAN MUSTAPA BIN AWANG, P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- .. TUAN NEO TUAN CHENG (Johor).
- .. TUAN NG PENG HAY, P.J.K. (Melaka).
- .. DATO' NG THIAN HOCK (Dilantik).
- .. DR NORDIN SELAT (Dilantik).
- .. PUAN HAJAH ROGAYAH BINTI CHE MAT (Dilantik).

- Yang Berhormat PUAN HAJAH ROSNAH BINTI HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik).
- ” TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- ” PUAN HAJAH SALBIAH BINTI MOHD. AKIM, A.M.N., P.J.K., P.J.M. (Dilantik).
- TUAN V. K. SELLAPPAN, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
- ” TUAN DOUGLAS SULLANG ANAK GANDA (Sarawak).
- ” DATUK TAN GIM HUA (Pulau Pinang).
- ” DATO' TAN TIEW HOCK (Dilantik).
- ” TUAN K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI (dilantik).
- ” TUAN WONG KIE YIK (Dilantik).
- ” TUAN DAVID YEOH ENG HOCK (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu, A.M.N., B.S.D., P.I.K.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Jumaat, 26hb Julai, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**AKTA STANDARD-STANDARD
MINIMUM PERUMAHAN
DAN KEMUDAHAN
PEKERJA 1990—
PELAKSANAAN**

1. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 yang digazetkan Ogos lalu dan berkuatkuasa 1 Januari tahun ini telah dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan kerana sekarang ini masih terdapat di beberapa buah ladang pekerja masih lagi tidak menikmati kemudahan seperti yang diperuntukkan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 mula berkuatkuasa pada 1hb Disember 1990.

Untuk memastikan Akta baru ini dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan, Kementerian Sumber

Manusia telah menjalankan satu tinjauan untuk mengenalpasti estet-estet yang mana didapati keadaan perumahan pekerja, bekalan air, bekalan elektrik, perkhidmatan perubatan dan lain-lain tidak menepati peruntukan-peruntukan Akta baru. Maklumat ini sedang disusuli.

Sementara itu, di mana didapati keadaan perumahan sangal buruk, majikan-majikan berkenaan telah diarah memperbaikinya selaras dengan peruntukan Akta baru. Perlu ditegas di sini bahawa usaha untuk memperbaiki dan meningkatkan kemudahan-kemudahan asas di estet-estet selaras dengan peruntukan Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990, seperti penyediaan rumah baru untuk pekerja, mengadakan bekalan air dan bekalan elektrik dari sumber awam akan mengambil masa dan majikan-majikan estet perlu diberi tempoh yang munasabah untuk mematuhinya.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Saya mengucapkan terima kasih. Saya ingin bertanya jika terdapat majikan-majikan yang tidak mahu patuh kepada peraturan-peraturan dan undang-undang ini, apakah tindakan Kementerian selanjutnya?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, menjawab Yang Berhormat berkenaan, di dalam Akta baru ini ada peruntukan di mana ada diberi kuasa kepada Ketua Pengarah. Ketua Pengarah boleh arah robohkan rumah dan dirikan rumah serta-merta dan boleh fine. Ada diperuntukkan dalam Akta baru.

Puan Law Jack Yoon: Soalan tambahan. Apakah tempoh masa yang diberikan sebelum tindakan diambil oleh pihak berkuasa terhadap mereka yang tidak mematuhi Akta itu dan berapa jumlah pekerja ladang dan berapa buah ladang yang ada di negara kita?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan kedua, rumah-rumah yang ada di dalam estet, walaupun ada beberapa ribu yang didafiir sebagai estet sebab di dalam Akta itu kalau ada 50 ekar, jadilah satu estet tetapi rumah-rumah yang 1,554 estet ada rumah-rumah pekerja ladang. Kementerian Sumber Manusia ada membuat satu tinjauan ataupun satu banci di mana kita ambil kedudukan estet dan Kementerian fikir memberikan satu rancangan lima tahun di dalam estet ini. Kita ada membuat satu rancangan untuk memperbaiki keadaan estet ini dan mengemukakan kepada Kerajaan sebelum kita laksanakan.

LETUPAN KILANG BUNGA API, SUNGAI BULUH—PENGAWALAN

2. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejak berlakunya peristiwa letupan kilang bunga api di Sungai Buluh, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan kemalangan seperti ini tidak berlaku semula. Setakat ini, berapakah kilang-kilang haram yang mengancam penduduk-penduduk telah dikenalpastikan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan apakah tindakan yang akan/ sedang diambil terhadap mereka.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kewajipan mengawal

pengeluaran bahan-bahan letupan adalah terkeluar dari bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Walaupun bagaimanapun, seperti yang kita maklum, suatu Suruhanjaya Diraja telahpun dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi menyoiasat kejadian ini.

Di antara bidang tugas Suruhanjaya ini ialah membuat syor kepada Kerajaan mengenai langkah-langkah yang sesuai diambil bagi mengawal bahaya ini.

Kementerian ini tidak mempunyai maklumat mengenai kilang-kilang haram kerana ia terkeluar dari bidang kuasa Kementerian ini. Walaupun bagaimanapun, adalah dipercayai kebanyakan kilang-kilang haram dianggap haram kerana didirikan atau dibina di atas tanah yang tidak sepatutnya digunakan sebagai tapak kilang. Oleh kerana itu, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan tidak boleh mengeluarkan lesen premis atau lesen bangunan. Masalah tanah sebagaimana yang kita tahu adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Adalah diketahui beberapa negeri telahpun mengambil langkah mengkaji kedudukan kilang-kilang haram ini.

ARTIFACT DALAM KAPAL FLOR DE LA MAR

3. **Tuan K. Vijayanathan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil dengan Kerajaan Indonesia untuk mendapat kembali artifact-artifact kepunyaan kepada Sultanat Melayu Melaka dan yang masih terbenam dan terbaring di dalam kapal Flor de la Mar".

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, soalan

yang seumpama ini telahpun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 28-3-90 dan 18-6-90.

Sepertimana yang telah dimaklumkan dahulu, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah dalam usaha memperolehi kembali barang-barang warisan kebudayaan dan sejarah Melaka daripada bangkai kapal Flor de la Mar.

Sesuai dengan persetujuan yang telah tercapai dalam perundingan dengan pihak Indonesia, satu Jawatankuasa Penyelaras Bersama telahpun ditubuhkan bagi meneliti barang-barang warisan yang ditemui nanti untuk dikembalikan kepada Malaysia.

Walau bagaimanapun, Jawatankuasa tersebut belum mengadakan pertemuan kerana Indonesia ingin terlebih dahulu untuk mengenalpasti lokasi bangkai Flor de la Mar itu. Namun demikian, pihak Indonesia telah mengulangi bahawa mereka akan memenuhi persetujuan yang telah diberikan oleh Presiden Suharto untuk memulangkan kembali barang-barang warisan Meiaka.

PEMBIAKAN HAIWAN TERNAKAN DI KAWASAN PERUMAHAN

4. **Tuan K. Munisamy** minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengawasi pembiakan haiwan seperti babi, ayam, lembu dan kambing berhampiran dengan kawasan-kawasan perumahan memandangkan perkara ini membahayakan kesihatan dan mencemarkan alam sekitar.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi strategi Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk membiak haiwan ternakan seberapa

banyak yang mungkin agar matlamat negara untuk mencapai tahap sara diri yang ditentukan dalam sumber protein dari lernakan tercapai.

Strategi ini dijalankan dalam keadaan dan tempat yang sesuai agar ianya tidak memberi mudarat kepada alam sekitar dan penduduk-penduduk di kawasan tersebut.

Dengan itu, Jabatan sentiasa menumpukan pembangunan ternakannya di kawasan-kawasan terpencil dan dalam kawasan-kawasan tanaman kekal untuk diintegrasikan dengan ternakan.

Walau bagaimanapun, memandangkan kepesatan pembangunan sesuatu kawasan, kawasan-kawasan penternakan telah menjadi begitu hampir kepada kawasan perbandaran, perumahan dan perindustrian. Ini menimbulkan masalah kepada ternakan dan kepada penduduk sekitaran. Pihak Jabatan, dengan itu merancang kawasan penternakan terutama sekali ternakan khinzir yang diberi nama 'kawasan ternakan khinzir' khususnya di negeri Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Melaka dan Johor. Perancangan dibuat dari segi mengenalpasti kawasan hingga mewartakan perundangan yang berkaitan dengan Kerajaan Negeri berkenaan.

Sementara itu, pemeliharaan ternakan dalam kawasan Majlis Tempatan dan Perbandaran adalah dikawal oleh perundangan Majlis Tempatan terlibat. Kuasa-kuasa Tempatan ini mengeluarkan lesen operasi dan menentukan syarat-syarat tertentu, dipatuhi terlebih dahulu sebelum lesen operasi dikeluarkan.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada negeri-negeri yang ternakan khinzir

tadi ditentukan. Saya ingin dapat kepastian adakah sudah dikenalpasti kawasan-kawasan di mana ternakan ini patut diadakan kerana saya rasa ternakan ini banyak menimbulkan masalah kerana paling sekali mencemarkan alam sekitar kita.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar tentang masalah itu dan oleh kerana itu kita dengan kerjasarna Kerajaan-kerajaan Negeri telah memastikan kawasan-kawasan tertentu yang dinamakan 'kawasan ternakan khinzir'. Buat masa sekarang kawasan-kawasan yang dipastikan adalah dalam beberapa peringkat rancangan.

JALAN RAYA KG. KAYAN-KG-KOH, SITIAWAN—KOS PROJEK

5. Tuan Mohamad Wajdi bin Dato' Haji Ishak minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) jumlah dan kos projek Lebuhraya Kayan-Kg. Koh, Sitiawan, Perak; dan
- (b) adakah Kerajaan telah berpuas hati dengan pelaksanaan kerja projek tersebut. Kalau tidak berpuas hati, apakah langkah yang sedang diatur bagi memastikan ianya berjalan dengan baik dan disiapkan mengikut tempoh masa.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kos projek jalan raya Kg. Kayan-Kg. Koh, Sitiawan, Perak ialah \$14.188 juta.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek tersebut adalah sebahagian daripada projek menaikkan taraf dan memperelokkan jalan sedia ada dari Kg. Koh ke Kg. Kayan. Oleh kerana pembinaan jalan ini melalui tanah yang lembut (marine clay), Jabatan Kerja

Raya telah menggunakan dua kaedah baru untuk projek ini iaitu Pakej 1 daripada Kg. Koh ke Batu 18 menggunakan kaedah 'surcharge' dan Pakej 2 daripada Batu 18 ke Kg. Kayan dengan 'sistem cakar ayam'. Keadaan ini telah menyebabkan pembinaan jalan ini mengambil masa yang lebih lama.

Pakej 2 projek ini telah siap pada April 1991 dan telah dibuka untuk kegunaan awam. Kementerian Kerja Raya memang tidak berpuas hati di atas prestasi pelaksanaan projek Pakej 1 iaitu daripada Kg. Koh ke Batu 18. Kelewatan projek ini adalah disebabkan oleh kekurangan bahan-bahan binaan dan masalah pengambilan balik tanah setengah-setengah lot tidak dapat diselesaikan semasa penyerahan tapak dibuat. Walau bagaimanapun, kontraktor tersebut telah diberi lanjutan masa sehingga 12-11-1991 untuk menyiapkan projek ini. Kemajuan kerja sebenar sehingga Julai 1991 ialah 90%. Berdasarkan kemajuan yang ditunjukkan oleh kontraktor, Kementerian ini percaya projek ini akan disiapkan dalam tempoh lanjutan masa yang diberikan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Azumu Tak.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke-6.

**UNIVERSITI MALAYA—
BILANGAN PROFESOR**

6. Tuan Chong Chi Siong (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan Profesor yang sedang berkhidmat di Universiti Malaya mengikut Fakulti-fakulti yang sedia ada;

- (b) daripada bilangan tersebut, nyatakan bilangan Profesor yang bukan rakyat Malaysia; dan
- (c) apakah rancangan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah kekurangan pensyarah di universiti tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan profesor yang sekarang berkhidmat di Universiti Malaya adalah seramai 71 orang.
- (b) Daripada bilangan tersebut, 16 orang daripadanya adalah profesor yang bukan rakyat Malaysia.
- (c) Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang perlu untuk menyelesaikan masalah kekurangan pensyarah di universiti tersebut. Antara langkah-langkah tersebut ialah membuat pengambilan baru yang dilakukan dari masa ke semasa, menggalakkan pensyarah muda melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat lepasan Ijazah hingga ke Ph.D dan membuat kursus kepakaran dan juga mengambil tenaga pengajar asing yang berkualiti bagi membantu pembangunan dan perkembangan sesuatu fakulti di universiti tersebut.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Perlu, soalan tambahan. Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh sebab kekurangan profesor-profesor ini difahamkan kerana meletakkan jawatan, apakah sebab-sebab mereka meletakkan jawatan? Adakah kerana sebab-sebab syarat-syarat perkhidmatan?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, dalam institusi pengajian tinggi kita dan di mana-mana tempat institusi pengajian tinggi, pegawai-pegawai atau pensyarah-pensyarah atau profesor-profesor yang memegang jawatan dalam Bahagian Akademik ini adalah mereka yang ada pendirian sendiri dan ini adalah sebab-sebab mereka meletakkan jawatan atau berpindah ke institusi-institusi pengajian lain atas berbagai sebab, ada sebab peribadi dan juga sebab perkembangan kerjaya masing-masing dan juga berlain-lainlah sebab mereka ini dan tidak dapat kita menyatakan sasaran atau tekanan bebanan kerja kerana mereka ini adalah satu golongan yang sentiasa tekun dan dedikasi dalam kerjaya mereka ini.

KAWASAN HUTAN YANG MENCUKUPI

7. Puan Hajah Habidah binti Jusoh minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) sehingga kini apakah usaha Kerajaan bagi memperbanyakkan atau menyediakan kawasan hutan yang mencukupi bagi menghadapi tahun 2020; dan
- (b) kenapakah Kerajaan masih lagi belum menubuhkan satu lagi lembaga penting iaitu Lembaga Perusahaan Buah-buahan seperti salak, rambutan, mampalam dan lain-lain yang boleh dijadikan perusahaan yang menguntungkan seperti juga nenas dan koko.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di antara usaha Kerajaan bagi mencukupkan kawasan hutan menjelang tahun 2020 adalah:
 - (i) Mengurangkan kadar tebanan hutan tahunan. Misalnya, di Semenanjung

Malaysia kita telah kurangkan dari 71,200 hektar setahun dalam Rancangan Malaysia Kelima kepada 52,250 hektar dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam dan begitu juga Sarawak dan ini sesuai dengan perakuan Pertumbuhan Kayu-Kayan Tropika Antarabangsa (ITTO).

- (ii) Meningkatkan kegiatan pemulihan semula hutan. Misalnya, dalam Rancangan Malaysia Keenam ini adalah diharapkan 276,000 hektar hutan yang telah dibalok di Semenanjung Malaysia akan diberikan rawatan silvikultur.
- (iii) Meneruskan program penubuhan ladang hutan di mana di Semenanjung dianggarkan 188,000 hektar sehingga menjelang tahun 2000. Di Sabah 500,000 hektar dan di Sarawak 250,000 hektar.
- (iv) Menggalakkan industri hiliran iaitu meningkatkan pemprosesan balak dan juga meningkatkan nilai tokok di dalam industri kayu-kayan.
- (v) Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penguurusan hutan terutamanya dalam pengawasan aktiviti pembalakan dan penguatkuasaan peraturan-peraturan penghasilan hutan seperti melalui penambahan bilangan kakitangan dan peningkatan kemudahan/peralatan yang digunakan.

- (b) Sehingga ini Kerajaan tidak berhasrat untuk menubuhkan sebuah badan berkanun khasnya yang dikenali sebagai Lembaga Perusahaan Buah-buahan kerana sebuah Majlis Industri Buah-buahan Malaysia telahpun ditubuhkan sejak tahun 1987 lagi yang diletakkan di bawah Kementerian Pertanian.

Majlis ini bertanggungjawab bagi menasihati dan membantu Kerajaan dalam penggubalan dasar mengenai pengeluaran, pemprosesan, pemasaran, pengeksportan dan pengimportan buah-buahan. Dan begitu juga Majlis ini dipertanggungjawabkan mengenai aspek promosi pemasaran dan perisikan pasaran buati-buahan Malaysia di dalam dan di luar negeri. Seterusnya Majlis ini bertanggungjawab bagi mengesan, menilai dan menyelaras pembangunan industri buah-buahan di Malaysia. Begitu juga baru-baru ini Kerajaan telahpun menubuhkan Jawatankuasa Khas Industri Buah-buahan Malaysia dan badan ini juga boleh digunapakai bagi kepentingan tersebut.

CUKAI PENDAPATAN KE ATAS SYARIKAT DI LABUAN

8. Tuan Isli bin Haji Siput minta Menteri Kewangan menyatakan pecahan perangkaan dari segi cukai pendapatan negara ke atas industri-industri yang terdapat di Wilayah Persekutuan Labuan seperti berikut:

- (a) Perkapalan;
- (b) Petroleum dan Gas;
- (c) Perikanan;
- (d) Perindustrian; dan
- (e) Tukar-Barang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua,

pecahan perangkaan cukai pendapatan ke atas syarikat-syarikat yang beroperasi di Wilayah Persekutuan Labuan yang dikutip dalam tahun 1990 adalah seperti berikut:

Daripada 5 buah syarikat perkapalan, sejumlah \$15,653 telah dikutip. Tidak ada syarikat yang terlibat dalam perusahaan petroleum dan gas dan dengan itu tidak ada cukai pendapatan yang dikutip. Daripada dua buah syarikat perikanan di Labuan, Tidak ada cukai pendapatan yang dikutip dalam tahun 1990. Dalam sektor perindustrian, daripada 6 buah syarikat yang beroperasi di Labuan, sebanyak \$10,545 dikutip. Daripada 9 buah syarikat tukar-barang, sejumlah \$74,090 telah dikutip. Dengan itu jumlah yang dikutip daripada syarikat-syarikat yang saya nyatakan tadi bagi tahun 1990 ialah \$100,288.

KANDUNGAN NICOTINE DALAM ROKOK

9. Tuan Dahalan bin Haji Embun minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah kandungan nicotine (nicotine content) dalam setiap jenis rokok yang dipasarkan di Malaysia; dan mengapa cukai di atas rokok tidak dikenakan mengikut kadar 'nicotine content'nya.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan kandungan nicotine yang terdapat dalam daun tembakau berbeza mengikut jenis daun tersebut, tanah di mana ianya ditanam serta keadaan musim. Di antara 34 jenis jenama rokok yang dijual di negara kita, 20 jenis mempunyai purata kandungan nicotine antara 0.5 hingga 1.0 miligram bagi setiap batang rokok. 12 mempunyai 1.1 hingga 2.0 miligram, manakala bakinya iaitu 2 jenis rokok mempunyai 2.4 dan 2.6 miligram bagi setiap batang rokok. Dengan itu, dari

segi pentadbiran, adalah sukar bagi Kerajaan untuk mengenakan duti kastam berdasarkan kadar kandungan nicotinenya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negara-negara jiran kita seperti Indonesia, Thailand dan Singapura juga mengenakan cukai ke atas tembakau sepertimana yang diamalkan oleh negara kita.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jenis-jenis rokok tadi, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu apakah brand-brand yang agak berbahaya mengikut gred tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan untuk mendapat buah fikiran, maka tidak payah dijawab.

ORANG ASLI MENGUSAHAKAN HASIL HUTAN

10. Tuan Itam Wali bin Nawan minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah timbangtara serta peluang-peluang Orang Asli menjadi pengusaha hasil hutan (kayu balak, rotan, buluh dan sebagainya) dalam kawasan yang diluluskan sebagai rezab dan kawasan Orang Asli supaya hasil usaha itu dapat disumbangkan kepada pembangunan tempat itu dan menolong meningkatkan ekonomi mereka.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tanggungjawab pembangunan bagi Orang Asli ini adalah terletak di bawah bidangkuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Namun demikian, sebagaimana yang kita ketahui, berdasarkan peraturan-peraturan yang dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri pada masa ini, peluang-peluang adalah terbuka bagi masyarakat Orang Asli bagi mengusahakan hasil hutan khususnya di dalam kawasan rezab atau kawasan Orang Asli.

Walau bagaimanapun, pada umumnya mereka perlulah terlebih dahulu mempunyai kemahiran dan berkemampuan untuk menceburi bidang berkenaan. Misalnya, dalam bidang pembalakan, Kementerian saya ada menganjurkan latihan membalak, iaitu di Sekolah Latihan Membalak dan begitu juga dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan kayu-kayuan, kita ada pusat-pusat latihan yang berkaitan yang dikelolakan oleh MTIB dan FRIM. Jadi, dengan sebab itu untuk menyenangkan Orang-orang Asli, adalah digalakkan supaya mereka dapat berusaha mengusahakan hasil hutan ini melalui koperasi-koperasi bagi menyenangkan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memberi pertimbangannya.

MASYARAKAT PENYAYANG - PROGRAM KESEDARAN

11. Tuan Shuib bin Endut minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan perkara-perkara berikut:

- (a) sejauh manakah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melaksanakan program-program kesedaran tentang hasrat Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat penyayang atau 'caring society' di negara ini;
- (b) apakah rancangan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dalam usaha untuk melatih personellnya agar mereka berketrampilan untuk memenuhi hasrat Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat penyayang ini;
- (c) setakat hari ini berapakah jumlah kes yang telah dilaporkan sejak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat

melancarkan kempen untuk membasmi kes penderaan kanak-kanak; dan

- (d) apakah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah mengenalpasti sebab berlakunya kes penderaan kanak-kanak ini. Apakah langkah-langkah yang sudah diambil untuk memulihkan mereka yang dilaporkan terlibat,

**Menteri Perpaduan Negara dan
Pembangunan Masyarakat (Dato'
Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sedang menggalak dan menjalankan program dan aktiviti pendidikan awam dengan mengadakan seminar, forum, bengkel, expo serta melalui media massa cetak dan televisyen supaya dapat meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai konsep masyarakat penyayang serta menggalakkan penglibatannya dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan.
- (b) Kakitangan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sedang dan akan diberi latihan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka serta memupuk sikap yang perlu bagi melaksanakan konsep masyarakat penyayang.
- (c) Dalam tahun 1990, sejumlah 511 kes telah dirujuk oleh orang awam kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Di samping itu, sebanyak 477 kes telah dilaporkan sehingga sekarang melalui perkhidmatan Teledera.

- (d) Secara umum, beberapa faktor yang boleh membawa kepada berlakunya penganiayaan terhadap kanak-kanak ialah:
- keciciran dalam arus kemajuan masyarakat sekeliling akibat kemiskinan atau penginayaan;
 - kepincangan keluarga kerana penghijrahan ke bandar mengakibatkan kekurangan bantuan dan sokongan moral daripada saudara-mara atau masyarakat sekeliling dalam usaha mengatasi masalah keluarganya;
 - kelemahan peribadi ibu bapa dalam menghadapi cabaran kerana tekanan hidup dalam suasana kerja dan kehidupan harian;
 - masalah emosi atau peribadi yang khusus kepada individu; dan
 - sikap dan nilai terhadap kebudayaan, adat atau kepercayaan karut yang mempengaruhi perhubungan ibu bapa terhadap anaknya.

Di antara langkah-langkah yang diambil untuk memulihkan kanak-kanak dan keluarga yang berkenaan adalah:

- (i) memberi perlindungan dan jagaan diinstilusi-institusi bagi kanak-kanak;
- (ii) mengadakan jagaan ganti melalui cara penyaraan kanak-kanak atau pengambilan secara anak angkat;
- (iii) merujuk kepada pegawai perubatan atau pakar sakit jiwa untuk mendapatkan rawatan;
- (iv) memberi bantuan kewangan di bawah beberapa skim bantuan tertentu yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan
- (v) untuk mengadakan penyeliaan susulan dan kaunseling untuk membantu keluarga yang terlibat supaya mengubah sikap terhadap kanak-kanak berkenaan,

Tuan Azman Atar bin Othman:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri di dalam mewujudkan program masyarakat penyayang ini, adakah Yang Berhormat Menteri melatih staf-staf ataupun pegawai-pegawai daripada Kementerian Yang Berhormat sendiri dahulu contoh, kemudian baru dibawa ke lain-lain?

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya sebutkan tadi, memang ada.

Puan Aionon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Dato' Menteri yang charming, iaitu soalan tambahan yang bermaksud, adakah Kementerian Dato' bercadang untuk menambah petugas-petugas yang berbentuk sukarelawan bagi membuat kerja-kerja perhubungan awam atau pendidikan awam untuk mewujudkan masyarakat penyayang dan meredakan kes-kes penderaan kanak-kanak dan kes-kes penganiayaan dan penyeksaan kepada isteri-isteri juga?

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, memanglah hasrat Kerajaan untuk meringankan ataupun meredakan masalah dan beban yang dihadapi oleh masyarakat masa kini. Saya sebenarnya mengucapkan terima kasih atas soalan Yang Berhormat tadi. Sepertimana saya sebutkan tadi, memanglah hasrat kita dan Kerajaan

tidak dapat menjalankan semuanya program bersendirian tanpa sokongan daripada masyarakat.

Sebab itu saya akan berterima kasih sekiranya badan-badan bukan Kerajaan ataupun badan-badan sukarela dengan ahli-ahlinya tampil ke hadapan untuk bersama-sama dengan Kerajaan untuk menjalankan tanggungjawab kita bersama.

Kerajaan memang berhasrat untuk mengadakan program-program seperti latihan dan sebagainya untuk dibcri kepada badan-badan sukarela supaya dapat kita melatih mereka supaya mereka boleh menjadi penasihat atau counsellor di dalam masyarakat.

PAKAR PERUBATAN— KEKURANGAN

12. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Kesihatan menyatakan dari 31 Disember, 1990:

- (a) jumlah pakar-pakar perubatan yang berkurangan di hospital-hospital Kerajaan dan di bidang
 - (b) sebab-sebab kekurangan ini;
- dan
- (c) langkah-langkah serta-merta yang diambil supaya pesakit-pesakit yang miskin tidak menderita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Datuk K. Kumaran):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut keperluan bagi tahun 1991, Kementerian ini memerlukan sekurang-kurangnya 260 lagi pakar-pakar dalam bidang-bidang tertentu bagi penyediaan perkhidmatan yang berkesan. Kekurangan ini adalah bagi semua bidang khususnya bidang-bidang Bius, Bedah, Kajipenyakit, O&G dan E.N.T.

(b) Di antara sebab-sebab kekurangan ini adalah:

- peningkatan skop perkhidmatan kepakaran yang memerlukan lebih ramai pakar-pakar.
- rancangan Kementerian untuk menyediakan perkhidmatan kepakaran di lebih banyak hospital-hospital daerah juga memerlukan lebih ramai pakar-pakar.
- perletakan jawatan pakar-pakar.
- bilangan tempat-tempat untuk latihan Ijazah Lanjutan adalah terhad dan tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan negara.

(c) Dalam penyediaan perkhidmatan rawatan perubatan, Kementerian sentiasa berusaha untuk memastikan semua lapisan masyarakat mempunyai peluang untuk mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan. Dalam hal ini mana-mana pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan kepakaran akan dirujuk ke hospital-hospital di mana terdapat perkhidmatan tersebut.

PENGGUNAAN CERMIN GELAP DI KENDERAAN

13. Tuan Frankie Chong Yu Chee minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk mengubahsuai Akta Pemasangan Cermin Gelap (tinted glass) ke atas kenderaan-kenderaan daripada pancaran cahaya 70% kepada 50% memandangkan keadaan cuaca di negara kita yang panas; dan

- (b) sejak Akta tersebut dikuatkuasakan berapakah jumlah kenderaan yang telah ditangkap dan didenda dan berapakah jumlah kenderaan yang menggunakan cermin gelap terlibat dalam hal jenayah.

Menteri Pengangkutan (Dato' Seri Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Kaca Tertentu) yang melarang penggunaan cermin gelap di kenderaan. Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah atas sebab keselamatan. Ini adalah sebab pancaran cahaya 70% yang ada sekarang akan membolehkan orang dari luar kereta melihat pemandu dan penumpang dalam kereta dengan jelas dalam jarak jauh tidak melebihi 10 kaki.

Dan dari ujian-ujian yang telah dijalankan, jika peratusan pancaran cahaya ini diturunkan, kebolehan melihat oleh orang dari luar kereta akan terjejas dan ini akan mengancam keselamatan pegawai-pegawai yang menjalankan tugas-lugas keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan 13

Dato' Seri Dr Ling Liong Sik: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Jawapan kepada:

- (b) Sejak kaedah-kaedah ini dikuatkuasa pada 1hb Februari tahun ini sebanyak 303 buah kenderaan telah ditangkap dan kutipan saman yang telah dipungut adalah berjumlah \$15,150.00. Sejak 1hb Februari tahun ini Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai maklumat sama ada terdapat penglibatan kenderaan-kenderaan bercermin gelap dalam hal jenayah.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun tadi ada peraturan mengatakan tidak boleh menggunakan cermin gelap seperti syarat-syarat yang dinyatakan tetapi masih kedapatan ada lagi orang-orang menggunakan cermin gelap. Saya ingin minta penjelasan siapakah orang-orang yang dibenarkan menggunakan cermin gelap?

Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta Pengangkutan Jalan, orang-orang yang dikecualikan dari larangan ini adalah:

- (1) Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong;
- (2) Duli Yang Maha Mulia Raja sesuatu Negeri atau Consortnyanya;
- (3) Pemangku Raja sesuatu Negeri atau Consortnyanya;
- (4) Pembesar memerintah negeri bagi Negeri Sembilan atau consortnyanya;
- (5) bakal Raja sesuatu negeri atau consort bakal Raja itu;
- (6) bekas Raja sesuatu negeri atau consortnyanya;
- (7) Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri sesuatu negeri;
- (8) Hakim Mahkamah Agung atau Mahkamah Tinggi;
- (9) Pegawai Polis atau Pegawai Tentera sebagaimana yang dinyatakan masing-masingnya oleh Ketua Polis Negara atau Ketua Turus Angkatan Tentera;

yang berkenaan dengannya Menteri telah memberikan pengecualian secara bertulis.

**PERKHIDMATAN TELEFON
DI ALOR SETAR**

14. Dato' William Chek Lin Kwai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) mengapa terdapat ramai penduduk skim perumahan baru di Alor Setar masih belum mendapat perkhidmatan telefon walaupun mereka telah memohon sejak dua tahun yang lalu; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk memperbaiki keadaan ini yang telah menimbulkan banyak rungutan dari orangramai.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Penduduk skim perumahan baru di sekitar bandar Alor Setar lambat mendapat perkhidmatan telefon oleh kerana kawasan-kawasan perumahan berkenaan tidak dibekal kemudahan infrastruktur telekomunikasi semasa kawasan-kawasan itu dibangunkan. Ini adalah kerana di kebanyakan negeri penyediaan kemudahan telekomunikasi tidak diwajibkan sebagai syarat pengeluaran Certificate of Fitness.
- (b) Walau bagaimanapun masalah penunggu di Alor Setar yang berjumlah 984 orang pada masa kini dijangka dapat diatasi secara berperingkat-peringkat mulai akhir tahun ini sehingga akhir tahun 1992.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Telekom Malaysia telah memperuntukkan sebanyak \$4.6 juta bagi menyediakan kemudahan

infrastruktur telekomunikasi bagi kira-kira 49 projek perumahan baru di kawasan Alor Setar. Dengan terlaksananya rancangan infrastruktur ini masalah yang dihadapi masa kini akan dapat diatasi.

**USTAZ ASHAARI
MOHAMED—KEGIATAN
DAKWAH**

15. Tuan Azman Atar bin Othman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada pemimpin besar kumpulan Aurad Muhammadiyah (Darul Arqam) akan ditangkap jika Ustaz Ashaari Mohamed balik ke Malaysia. Jika tidak mengapa Ustaz Ashaari Mohamed takut balik berdakwah di Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum ada sebarang rancangan atau langkah untuk menangkap Ustaz Ashaari Mohamed, pemimpin Al-Arqam. Alasan yang mengatakan beliau takut untuk balik berdakwah di negara ini adalah andaian semata-mata. Terpulanglah kepada beliau sama ada hendak balik atau tidak. Pihak Kerajaan akan terus menjalankan pengawasan ke atas mana-mana pertubuhan atau kumpulan termasuk yang bercorak dakwah bagi memastikan kegiatan-kegiatan mereka tidak menjejaskan kestabilan ketenteraman awam dan memudaratkan keselamatan negara.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Boleh atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri memberikan serba sedikit latar belakang Ustaz Ashaari dalam Dewan ini dan kenapa beliau berada di luar negeri?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Ashaari bin Mohamed, Kad Pengenalan 3402483 (Biru). Lahir pada 30.10.1937

di Kampung Pilin, Rembau, Negeri Sembilan. Mendapat didikan di Sekolah Mahad Hishamuddin (sekarang Kolej Islam Kelang) sehingga lulus Thalits Thanawi (Menengah 3). Beliau pernah menjadi guru Agama di Tanjong Karang, Selangor dan Kampong Dato' Keramat, Kuala Lumpur pada tahun 1960an. Dalam pada itu beliau bergiat aktif dalam PAS dan pernah memegang jawatan Ahli Jawatankuasa Perhubungan PAS Selangor.

Pada penghujung tahun 1970, Ashaari bin Mohamad telah meninggalkan sama sekali kegiatan siasahnya dan mengalih pandangan kepada kegiatan dakwah dengan menubuhkan Darul Arqam. Sejak itu beliau mengetuai badan dakwah itu selaku Saiful Arqam. Ini Setiausaha sahaja yang boleh menyebutnya dengan betul. (*Ketawa*)

Mengapa beliau berada di luar negeri sejak bulan November, 1988 iaitu selepas Ashaari bin Mohammad mempertikaikan keberkesanan pentadbiran Pusat Islam dan Jabatan Agama Islam di negeri-negeri dan berhasrat mengambilalih pentadbiran agensi-agensi tersebut, beliau didapati terus menetap di luar negeri terutama di Thailand, Indonesia dan Mesir dan dari negara-negara tersebut beliau sering mengunjungi rangkaian cawangan Darul Arqam yang berada di luar negeri. Penetapannya di luar negeri kononnya untuk terus mengembangkan Islam secara global kerana gelanggangnya di Malaysia terlalu kecil baginya. Beliau mendakwa tindakan itu juga ialah untuk menguji ketahanan Darul Arqam bergerak di negara ini tanpa kehadirannya.

Puan Aionon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, tahniah dan alhamdulillah nampaknya Timbalan Menteri Dalam Negeri amat arif dengan perkembangan Syaiqul Al-Ashaari tetapi soalan tambahan saya,

tidakkah boleh Kerajaan kita bertindak untuk menyekat kemaraan dan pengembangan ajaran-ajaran sesat beliau yang kini sudah mula hendak berglobal di peringkat ASEAN dan juga antarabangsa?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pihak-pihak yang berkuasa dan pihak-pihak yang arif dalam hal ini belum pun menjatuhkan fatwa ke atas apa yang telah dilakukan oleh beliau, dengan sebab itu sukarlah untuk kita bertindak sepertimana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu.

PROJEK PENGANGKUTAN— PENYELARASAN

16. Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapakah langkah Kerajaan terhadap berbagai program pembangunan berkenaan dengan "Commuter Transport Service" itu tidak dikoordinasikan projek kedua-dua agensi itu. Mungkin ada baiknya kalau diberi tanggungjawab koordinasi itu kepada Keretapi Tanah Melayu (KTM)s, oleh kerana ianya akan diswastakan tidak lama lagi. Tambahan pula KTM telah lama mencebur di dalam "Rail Business". KTM sekarang difahamkan sedang mengambil tindakan di dalam "Double Tracking". Dengan demikian, mungkin ada baiknya pihak Kerajaan mengarahkan pihak yang tersebut berhubung rapat di peringkat awal ini, supaya rancangan Bandaraya untuk menswastakan "The Monorail, Metrolink dan Light-Rail" transport itu akan berjaya.

Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklum dan menjelaskan bahawa segala projek pengangkutan memang diselaraskan dari peringkat perancangan awal sehinggalah ke peringkat perlaksanaan. Penyelarasan

ini dilaksanakan melalui penubuhan Jawatankuasa Pemandu dan juga Jawatankuasa Kecil Teknikal bagi sesuatu projek tersebut. Keanggotaan Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Kecil Teknikal adalah terdiri daripada semua agensi yang berkaitan. Dengan demikian adalah tidak tepat jika dikatakan bahawa tidak terdapat penyelarasan di antara projek-projek pengangkutan seperti projek landasan berkembar Keretapi Tanah Melayu dengan projek-projek Monorail, Metrolink dan Light-Rail Transit.

Mengenai cadangan supaya KTM diberi tanggungjawab untuk menyelaraskan program pembangunan yang dimaksudkan, Kementerian Pengangkutan berpandangan bahawa ini adalah tidak perlu kerana tugas ini adalah di bawah pengendalian agensi-agensi pusat yang bertanggungjawab dalam aspek perancangan dan penyelarasan iaitu Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dari segi perancangan dan Unit Penyelarasan Perlaksanaan Jabatan Perdana Menteri dari segi pelaksanaan projek-projek pembangunan.

UNIVERSITI TEMPATAN— PENGAMBILAN PELAJAR

17. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sila nyatakan bilangan pengambilan pelajar Universiti Tempatan Sessi 1991 mengikut pengkhususan mereka dan Universiti tertentu; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang membenarkan penubuhan Universiti Swasta.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pengambilan pelajar ke universiti tempatan bagi sesi 1991/1992

sehingga ini ialah 10,604 orang. Oleh kerana urusan pendaftaran bagi sesetengah universiti masih belum selesai, maklumat terperinci dan muktamad mengenai jumlah calon yang ditawarkan masih belum diperolehi oleh Kementerian Pendidikan.

- (b) Buat masa sekarang pihak Kerajaan tidak bercadang membenarkan penubuhan universiti swasta. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan akan meneruskan usahanya dengan lebih gigih bagi memperluaskan peluang pendidikan tinggi di Institusi Pengajian Tinggi kita dengan pembesaran kampus yang sedia ada, menambah program baru serta menambah pengambilan pelajar setiap tahun. Di samping itu Kerajaan sentiasa menggalakkan pihak swasta menyediakan peluang pendidikan tinggi melalui program berkembar dan persediaan di dalam negeri ini.

GURU-GURU—KEKURANGAN

18. Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa ramaikah kekurangan guru-guru di negara kita. Kalau ya, bilakah bilangan kekosongan ini hendak dipenuhi.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekurangan guru kita di sekolah rendah adalah seramai 12,492 orang pada 1hb Januari, 1991 dan kekosongan ini akan diisi oleh guru-guru lepasan maktab yang ditambah dari setahun ke setahun. Di sekolah menengah, kekurangan guru lepasan maktab pada 31hb Januari 1991 adalah seramai 1,824 orang dan kekosongan ini akan diisi oleh guru lepasan maktab yang akan keluar pada akhir tahun ini. Manakala kekurangan

guru siswazah adalah seramai 1,700 dan kekosongan ini akan diisi oleh guru siswazah dari universiti-universiti tempatan yang keluar dari masa ke semasa.

GENERASI MUDA LEWAT BERKAHWIN

19. Puan Kalthom binti Haji Othman minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) apakah faktor yang menyebabkan generasi muda dalam era RRJP2 lewat kahwin;
- (b) jika ia dirancang demikian oleh Kerajaan, apa sebabnya; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk membuat dasar umur perkahwinan dan lengkongan berapakah usia yang terbaik bagi seorang lelaki berkahwin dan dia sepatutnya berkahwin dengan gadis yang berusia berapa tahun.

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Perlu,

- (a) Di antara faktor yang menyebabkan generasi muda lewat berkahwin atau bernikah ialah:
 - (i) ingin melanjutkan pelajaran dan mengambil peluang menceburkan diri dalam bidang kerjaya yang diminatinya sebelum menyediakan diri untuk berumah tangga;
 - (ii) mengambil sikap yang lebih bersedia sebelum mendirikan rumahtangga seperti menyimpan duit, membeli perkakas-perkakas rumah sebelum berkahwin; dan
 - (iii) bersikap berhati-hati dalam memilih pasangan.

(b) Perkara ini tidak dirancang oleh Kerajaan iaitu Kerajaan Barisan Nasional, mungkin Kerajaan lain saya tidak tahulah; dan

(c) Setakat ini Kerajaan belum bercadang membuat dasar tentang umur untuk berkahwin sama ada bagi lelaki ataupun perempuan, mungkin Kerajaan yang lain, tidak tahulah saya.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat sekarang berapakah jumlah perempuan dan lelaki yang berumur lebih 40 tahun yang belum berkahwin tidak termasuk janda, balu dan yang bercerai?

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak simpan angka-angka ini (*Ketawa*) tetapi kalau Yang Berhormat berminat, insya-Allah, saya akan hantarkan secara bertulis.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi kita mendengar Menteri yang berkenaan mengatakan alasan lambat kahwin itu kerana bersedia untuk menghadapi perkahwinan dengan menyediakan wang dan rumah serta kelengkapan yang lain, tetapi ramai orang yang sudah bersedia — rumah besar, pangkat besar, umurnya sudah sampai 40, 50 pun tidak mahu kahwin. Apakah penyakit yang dia tidak hendak kahwin itu? (*Ketawa*)

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah ada rumah besar, pangkat besar dan umur sudah 40 dan tidak berkahwin, mungkin dia ada masalah peribadi. (*Ketawa*)

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Dato' Menteri ada menyebutkan Kerajaan Barisan Nasional tidak bercita-cita untuk menghadkan umur kahwin. Kalau sekiranya Kerajaan PAS sudah mengadakan dasar ini, bagaimana? Adakah Yang Berhormat Dato' akan mengikut dasar Kerajaan PAS nanti?

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional tidak mengikut mana-mana Kerajaan. Kita merancangkan dasar-dasar kita mengikut acuan kita sendiri untuk kebaikan negara kita. *(Tepuk)*

PROGRAM INDUK BELIA NEGARA—AKTIVITI

20. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah aktiviti-aktiviti yang diadakan dalam Program Induk Belia Negara (PIBN) demi untuk memupuk generasi pelapis pemimpin dari kalangan belia untuk menghadapi dan mengisi Wawasan 2020.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan): Tuan Yang di-Pertua, di antara aktiviti-aktiviti yang telah dan akan diadakan di dalam Program Induk Belia Negara bagi memupuk generasi pelapis pemimpin dari kalangan belia untuk menghadapi dan mengisi Wawasan 2020 adalah melalui Program Malaysia Patriotik. Di antara aktiviti-aktiviti di bawah program ini seperti Kursus Kepimpinan peringkat Daerah, Negeri dan Kebangsaan. Di samping itu pemimpin-pemimpin belia juga diberi pendedahan di peringkat arena antarabangsa melalui program Malaysia Sejagat.

Seterusnya pemimpin-pemimpin belia juga akan diberi latihan yang lebih khusus dalam bidang pembentukan nilai-nilai dan perubahan sikap. Di dalam kurikulum setiap aktiviti, mereka ini akan diberi kefahaman mengenai Wawasan 2020 dan Dasar Pembangunan Nasional serta arah perjuangan bangsa dan negara untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju dan bermaruah.

Puan Hajah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Kementerian

bercadang untuk mengadakan aktiviti berupa brigade belia yang ditubuh di-tiap-tiap jajahan, daerah atau di satu-satu kawasan Dewan Undangan Negeri bagi menampung keseluruhan belia yang gagal dalam SRP, SPM dan mana-mana belia yang menganggur supaya peranan Kementerian Belia dijayakan dengan betul-betul dan lebih berkesan?

Cik Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Belia dan Sukan telah bercadang mengadakan program di daerah melalui Pelapis dan Pelopor. Kalau program ini dijalankan ia akan melibatkan 70,000 belia di seluruh negara kita, dan dengan itu kita akan menghadapi kesulitan kerana seperti yang disebutkan pada hari semalam di dalam taklimat iaitu pegawai di daerah-daerah adalah seorang sahaja, jadi tidak mencukupi. Itulah sahaja jawapan saya.

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan pegawai ataupun kakitangan Jabatan di daerah-daerah amat terhad, bagaimanakah Kementerian Yang Berhormat akan melaksanakan program-program yang dirancang itu?

Cik Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, kila telah bercadang mengemukakan satu kertas-kerja kepada Kabinet mengenai kekurangan pegawai-pegawai dan lagi satu cara ialah sepertimana saya sebutkan tadi iaitu melalui belia sukarela untuk membantu kita.

AIR—MASALAH BEKALAN/ PENTADBIRAN DI SABAH

21. Tuan Johan B.O.T. Ghani Christopher minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah tindakan Kerajaan Persekutuan di atas masalah bekalan air dan masalah pentadbiran pembekalan air di negeri-negeri terutamanya di Sabah pada ketika ini yang seringkali menjadi masalah kepada rakyat.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, masalah bekalan air di seluruh negara memang sentiasa diawasi supaya keadaan kekurangan bekalan air tidak berlaku dan juga seboleh-bolehnya semua rakyat dapat menikmati bekalan air yang bersih.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat tahu perkara air adalah di bawah Kerajaan Negeri. Namun demikian, Kerajaan Persekutuan melalui Projek Bekalan Air Luar Bandar, Rancangan Khas yang dilaksanakan oleh Syarikat Antah Biwater J.V. telahpun memperuntukkan lebih kurang \$150 juta untuk 10 skim dilaksanakan di negeri Sabah. Skim-skim ini meliputi pembinaan enam puluh buah reservoir dan pemasangan sejumlah 450,400 meter paip. Setakat ini 4 skim telah siap.

Pihak Kerajaan Negeri juga sedar mengenai masalah bekalan air di Sabah dan ianya akan melaksanakan beberapa projek dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk mengurangkan masalah ini.

Bagi keseluruhan negeri Sabah, adalah difahamkan bahawa Kerajaan Negeri akan meningkatkan kadar penduduk yang menikmati bekalan air daripada 65% kepada 80% dalam Rancangan Malaysia Keenam. Bagi penduduk-penduduk di kawasan luar bandar, kadar ini akan ditingkatkan daripada 52% kepada 80% juga dalam tempoh yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Nordin Selat.

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 22.

SISWAZAH MENGANGGUR— JUMLAH

22. Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim (di bawah S.O. 23(2)) minta Perdana Menteri menyatakan berapa

ramaikan siswazah-siswazah yang masih menganggur.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tuan Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, bilangan siswazah termasuk pemegang ijazah ataupun diploma yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat, untuk mendapat pekerjaan sehingga bulan Disember 1990 ialah seramai 4,698 orang. Jumlah ini termasuklah sebilangan kecil yang sudahpun bekerja tetapi mendaftarkan diri untuk mencari kerja yang lebih baik.

Di dalam keadaan ekonomi negara yang sedang membangun dengan pesat, dan adanya sungutan-sungutan pelabur berkenaan kekurangan pekerja pada semua peringkat, keadaan pengangguran siswazah yang tinggi ini sepatutnya tidak timbul lagi oleh kerana ada banyak peluang pekerjaan. Adalah wajar siswazah ini tidak terus menganggur. Sebaliknya mereka harus bertukar sikap merebut peluang pekerjaan yang sedia ada untuk mendapat ataupun menambah pengalaman kerja untuk kemahiran. Hanya dengan ini sahajalah dapat mereka meningkatkan, dengan izin, 'marketability' mereka ini di dalam pasaran tenaga buruh.

INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA—BILANGAN

23. Tuan V.K. Sellappan minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah bilangan pusat-pusat belia di negara ini mengikut negeri masing-masing;
- (b) berapa banyak peserta yang sedang menyertai pusat-pusat belia ini; dan
- (c) mengapakah bilangan peserta bukan Bumiputera berkurangan dalam pusat latihan tajaan

Kerajaan kita. Apakah langkah-langkah Kementerian untuk menambahkan bilangan peserta bukan bumiputera.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat;

(a) Sehingga kini terdapat 7 buah Institut Kemahiran Belia Negara di bawah Kementerian Belia dan Sukan iaitu seperti berikut:

- (i) IKBN Dusun Tua, Hulu Langat, Selangor.
- (ii) IKBN Peretak, Kuala Kubu Bharu, Selangor.
- (iii) IKBN Terengganu, Terengganu.
- (iv) IKBN Skudai, Johor Bharu, Johor.
- (v) IKBN Ipoh, Perak.
- (vi) IKBN Jitra, Kedah.
- (viii) IKBN (Tinggi) Sepang, Selangor.

(b) Sebanyak 3,377 pelatih yang sedang mengikuti latihan di Institui-institui Kemahiran Belia Negara. Pecahan bilangan Pelatih mengikut Insititut Kemahiran Belia Negara adalah seperti berikut:

(i) IKBN Dusun Tua, Selangor	1,229
(ii) IKBN Peretak Selangor	419
(iii) IKBN Terengganu	410
(iv) IKBN Skudai, Johor	532
(v) IKBN Ipoh, Perak	499
(vi) IKBN Jitra	120
(vii) IKBN (T) Sepang, Selangor	114
Jumlah	3,323

(c) Bilangan peserta bukan bumiputera berkurangan mengikuti latihan di Institut Kemahiran berkenaan kerana permohonan daripada bukan bumiputera tidak ramai dan mereka lebih berminat mengikuti latihan di Institusi Swasta.

Sehubungan dengan ini, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa memberi penerangan kepada semua masyarakat belia, termasuk belia bukan bumiputera mengenai kemudahan latihan di Institut di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

PEMERIKSAAN KESIHATAN PELAJAR KE UNIVERSITI

24. Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji balik sistem pengambilan dan kemasukan pelajar-pelajar ke universiti-universiti negara ini supaya tidak serentak. Ini bagi mengelakkan kesesakan pemeriksaan kesihatan (Medical Exam) di hospital-hospital tempatan, oleh kerana kurangnya doktor-doktor pakar (Specialist) di hospital-hospital Kerajaan di negara ini.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada hakikatnya sistem pengambilan pelajar-pelajar ke universiti secara serentak tidak menimbulkan masalah dari segi pemeriksaan kesihatan kerana ia melibatkan tujuh buah universiti sahaja dan pemeriksaan kesihatan itu dijalankan oleh pihak setempat, bukannya oleh sebuah pusat tertentu.

Jika jadual pengambilan ini dipinda, kemungkinan besar ia akan bertindih dengan pengambilan bagi institusi pendidikan tinggi yang lain, termasuk universiti luar negeri. Walau

bagaimanapun, perkara ini boleh dikaji sekiranya ia menjadi masalah pada masa hadapan,

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Soalan sudah cukup, urusan yang lain.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.25 hingga 52 adalah diberi di bawah ini)

BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH—TARAF PENGUASAAN

25. Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian berhubung dengan penggunaan Bahasa Inggeris dan cara panduan aktiviti-aktiviti untuk meningkatkan penggunaan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan menyedari dan peka terhadap keperluan untuk meningkatkan taraf penguasaan matapelajaran Bahasa Inggeris di kalangan pelajar.

Antara tindakan-tindakan yang diambil ialah:

- (i) menyemak sukatan mata-pelajaran Bahasa Inggeris;
- (ii) mengadakan bimbingan khas kepada sekolah yang berprestasi rendah;
- (iii) pendedahan kursus dan teknik pengajaran yang baru dan bekalan modul kepada guru-guru;
- (iv) penubuhan Jawatankuasa Perancangan dan Penyelarasan Program-program Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah;

(v) menambah bilangan guru yang terlatih, mengadakan Latihan Perguruan Asas Bahasa Inggeris dan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI/TESL) di maktab-maktab perguruan, dan kursus TESL di ITM, UKM, UPM, UM; dan

(vi) menghantar pelajar ke luar negeri untuk kursus TESL.

HOSPITAL DAERAH DI CAMERON HIGHLANDS

26. Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bercadang hendak melengkapkan semua jenis kemudahan untuk pesakit-pesakit di Cameron Highlands, Pahang, termasuk bilik pembedahan yang lengkap di hospital tersebut.

Dato' K. Kumaran: Kementerian Kesihatan memang ada cadangan untuk membina sebuah hospital daerah yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan seimbang dengan keperluan penduduk di Cameron Highlands. Berasaskan kajian terperinci, sebuah hospital dengan 50 katil serta kemudahan-kemudahan sokongan yang lengkap seperti Dewan Bedah, Jabatan X-Ray, Makmal dan lain-lain kemudahan akan disediakan.

SIJIL KERAKYATAN—PROSES PERMOHONAN

27. Dato' Tan Tiew Hock minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang memegang kad pengenalan merah, dan adakah Kementerian bercadang meringkaskan kerja memproses permohonan sijil kewarganegaraan untuk memudahkan pemohon-pemohon yang berkeelayakan mendapatkan sijil berkenaan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Rakyat Malaysia tidak ada yang memegang kad pengenalan merah kerana mereka adalah warganegara. Pemegang kad pengenalan merah adalah bertaraf Penduduk Tetap Malaysia.

Sijil Kerakyatan hanya diberi kepada mereka yang telah mendapat kelulusan warganegara dan telah mengangkat sumpah serta membayar fee yang ditetapkan. Proses ini tiada rumit dan amat mudah.

PERTUBUHAN PELADANG— KEMAJUAN

28. Tuan Saidin bin Mohamad minta Menteri Pertanian menyatakan berapa buahkah PPN dan PPK diwujudkan dalam negara ini dan sampai ditahap manakah pencapaian kemajuan pertubuhan itu yang membolehkan PPK berdikari sedangkan banyak PPK tidak menjalankan projek-projek jangka panjang yang boleh membawa keuntungan yang banyak bagi tujuan berdikari.

Dato' S. Subramaniam: Bilangan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang diwujudkan di seluruh negara adalah seperti berikut:

- (a) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)—1 buah.
- (b) Pertubuhan Peladang Negeri (PPN)—13 buah.
- (c) Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)—259 buah.

Daripada bilangan itu, NAFAS, 11 buah PPN dan 181 PPK adalah di bawah kawalan terus Lembaga Pertubuhan Peladang. Manakala yang lain adalah diwakilkan kepada pihak MADA, KADA, Negeri Sabah dan Sarawak.

Mengenai kemajuan Pertubuhan Peladang, ianya dapat dibahagi kepada tiga peringkat:

(i) *Peringkat Berdikari*

Di mana kos perbelanjaan pembangunan dapat ditampung sendiri oleh Pertubuhan Peladang tersebut. Pertubuhan Peladang dalam kategori ini ialah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ).

(ii) *Peringkat Pertubuhan Peladang Perintis*

Pertubuhan Peladang ini mempunyai potensi dan sedang maju untuk mencapai taraf berdikari dalam masa yang singkat mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Terdapat 38 PPK dan 1 PPN dalam kategori ini.

(iii) *Peringkat Pertubuhan Peladang Yang Belum Perintis*

Pertubuhan Peladang ini mempunyai potensi dan belum maju untuk mencapai tahap Pertubuhan Peladang Perintis. Terdapat 143 PPK dan 9 PPN dalam kategori ini.

Memandangkan projek jangka panjang diperlukan untuk membawa keuntungan bagi tujuan berdikari, PPN dan PPK sedang berusaha untuk mendapatkan tanah bagi dijadikan ladang kelapa sawit dan getah. Hingga kini beberapa buah Kerajaan Negeri telah bermurah hati mengurniakan tanah seluas 18,502.27 (ha) untuk dimajukan sebagai projek korporat. Kajian juga sedang dibuat untuk menubuhkan sebuah syarikat "Permodalan Peladang Berhad", untuk membolehkan badan tersebut menerokai bidang pelaburan kewangan dan industri secara lebih besar.

**PETRONAS—PENYERTAAN
KONTRAKTOR BUMIPUTERA**

29. **Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) projek-projek PETRONAS sebahagiannya adalah projek-projek yang berteknologi tinggi. Dari jumlah projek-projek yang dilaksanakan oleh PETRONAS, berapa peratuskah yang diberi kepada kontraktor bumiputera dan kontraktor bukan bumiputera; dan
- (b) apakah usaha-usaha Kementerian ini untuk mempertingkatkan penyertaan kontraktor bumiputera dalam pelaksanaan projek-projek PETRONAS yang berteknologi tinggi.

Dato' Wong See Wah:

- (a) Projek-projek yang dilaksanakan oleh PETRONAS boleh dibahagikan kepada dua sektor iaitu projek-projek di Sektor Huluan dan Sektor Hiliran. Di Sektor Huluan, dalam tempoh lima tahun yang lepas 1986—1990 sejumlah 4,128 kontrak bernilai \$9,111 juta telah ditawarkan di mana 2,679 kontrak (65%) bernilai \$6,950 juta ditawarkan kepada kontraktor bumiputera, 696 kontrak (17%) bernilai \$611 juta ditawarkan kepada kontraktor bukan bumiputera dan 753 kontrak (18%) bernilai \$1,547 juta ditawarkan kepada kontraktor asing. Manakala di Sektor Hiliran di dalam tempoh yang sama sejumlah 728 kontrak bernilai \$4,037 juta telah ditawarkan di mana 485 kontrak (67%) bernilai \$2,136 juta ditawarkan kepada kontraktor bumiputera, 202 kontrak (28%) bernilai \$321 juta ditawarkan kepada

kontraktor bukan bumiputera, dan 41 kontrak (5%) bernilai \$1,580 juta ditawarkan kepada kontraktor asing.

- (b) Di antara langkah-langkah yang telah diambil bagi meningkatkan penyertaan kontraktor bumiputera di dalam pelaksanaan projek-projek PETRONAS ialah:
 - (i) mensyaratkan penyertaan secara usahasama di antara syarikat-syarikat asing dengan syarikat-syarikat tempatan terutamanya syarikat bumiputera di dalam tender-tender PETRONAS;
 - (ii) memecahkan tender kepada beberapa kategori supaya kontraktor bumiputera dapat turut mengambil bahagian;
 - (iii) mengenalpasti di dalam dokumen tender kerjakerja sub-kontrak untuk diusahakan oleh syarikat-syarikat bumiputera;
 - (iv) memastikan syarikat-syarikat asing melantik syarikat-syarikat bumiputera sebagai agen di dalam bidang pembekalan kelengkapan dan perkhidmatan teknikal;
 - (v) menggalakkan gabungan di antara syarikat-syarikat juruperunding asing dan bumiputera;
 - (vi) mensyaratkan penyertaan tender khasnya dalam projek di Sektor Huluan hanya kepada syarikat-syarikat yang berlesen dan mempunyai sekurang-kurangnya ekuiti 30% bumiputera; dan

- (vii) menawarkan kontrak secara 'Konsep Payung' khasnya bagi projek di Sektor Hulu, di mana syarikat-syarikat yang berlesen akan dijemput untuk menyertai tender bagi sesuatu bidang kerja yang diperlukan didalam jangkamasa yang panjang tetapi tidak berterusan seperti kerja-kerja rekabentuk, fabrikasi dan perkhidmatan tenaga.

MAHKAMAH JUVANA

30. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) bagaimanakah Mahkamah Juvana diwujudkan;
- (b) adakah setiap daerah perlu ada Mahkamah Juvana;
- (c) di manakah kanak-kanak yang sabit kesalahan menjalani hukuman; dan
- (d) jumlah Mahkamah Juvana di seluruh negara.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri Tuan Douglas Uggah Embas:

- (a) Mahkamah Juvana diwujudkan di bawah Akta Mahkamah Juvana 1947, dan anggotanya terdiri dari seorang Majistret dengan dibantu oleh 2 orang Penasihat. Pembicaraan dijalankan di dalam Kamar secara tertutup.
- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, memang perlu setiap daerah diadakan Mahkamah Juvana untuk membicarakan kes-kes juvana.
- (c) Untuk makluman Yang Berhormat, Hukum tidak boleh digunakan berhubung dengan

Juvana sebaliknya sesuatu keputusan yang dibuat ditarsirkan sebagai Suatu Perintah Juvana yang bersalah, ia diperintahkan sama ada:

- (a) melepaskan juvana itu setelah ia mengikat suatu bon untuk berkelakuan baik;
 - (b) memerintahkan ibu bapa atau penjaga menyempurnakan suatu bon untuk menjalankan pemeliharaan yang sewajarnya,
 - (c) membuat suatu perintah cubaan Akhlak;
 - (d) memerintahkan juvana itu dihantar ke suatu sekolah yang diluluskan atau ke Sekolah Henry Gurney.
- (d) Jumlah Mahkamah Juvana di seluruh negara ialah 156 buah iaitu:
- | | |
|-----------------|----------|
| (1) Semenanjung | 116 buah |
| (2) Sabah | 15 buah |
| (3) Sarawak | 25 buah |

CADANGAN MENDIRIKAN PENJARA BARU

31. Tuan K. Vijayanathan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, memandangkan kepada sebilangan besar kes-kes jenayah yang sedang menunggu di Mahkamah dan faktor-faktor dalam kebanyakan kes-kes ikat jamin tidak boleh didapati atau oleh sebab ketiadaan penjamin-penjamin dalam mana banduan-banduan yang dihukum dan banduan-banduan tahanan ditempatkan dalam penjara yang sama dan dalam hal yang demikian, menimbulkan keadaan kesesakan. Bolehkah Menteri menyatakan sama ada cadangan dibuat untuk mendirikan penjara-penjara baru di pekan-pekan besar.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk mengatasi masalah kesesakan di Penjara, Kerajaan telahpun membina sebanyak 4 buah penjara baru iaitu di Jelebu, Penor, Simpang Rengam dan Marang. Selain dari itu 3 buah penjara sedang dirancang pembinaannya iaitu di Kepong, Pokok Sena, Kedah dan di Kuching.

Penjara-penjara baru di Jelebu, Penor, Simpang Renggam dan Marang yang kini telahpun beroperasi telah dapat menampung seramai 6700 banduan. Adalah diharapkan dengan pembinaan Penjara-penjara baru di Kepong, Pokok Sena dan di Kuching yang dijangka seramai 5,500 banduan lagi, masalah kesesakan akan dapat diatasi.

JEMAAH HAJI DARI NEGARA MINORITI ISLAM

32. Tuan Dahalan bin Haji Embun minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan menggalakkan supaya bakal-bakal haji dari negara bukan Islam menggunakan khidmat Tabung Haji untuk menguruskan pemergian mereka ke Tanah Suci.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Kerajaan tidak pernah menggalakkan supaya bakal-bakal haji dari negara bukan Islam menggunakan khidmat Tabung Haji untuk pemergian ke Tanah Suci. Apa yang berlaku ialah Tabung Haji dengan kerjasama Penerbangan Malaysia dan RISEAP (Regional Islamic Dakwah Council of Southeast Asia and The Pasific) memberi kemudahan kepada jemaah haji dari negara minoriti Islam yang menjadi ahli gabungan RISEAP semasa mereka menunaikan fardu haji.

Selain dari itu terdapat juga beberapa kes di mana rakyat Malaysia yang mempunyai muhrim/saudara di luar negeri yang bukan berwarganegara Malaysia tetapi menunaikan fardu haji

melalui Tabung Haji kerana menemani muhrim mereka. Rakyat luar negeri kategori ini selalunya mendapat kelulusan dari pihak kedutaan masing-masing di Kuala Lumpur.

PAGAR/TEMBOK KESELAMATAN DI SEMPADAN MALAYSIA—THAILAND

33. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah Yang Berhormat bercadang untuk membina pagar di sepanjang sempadan Malaysia Thai. Kalau ada bilakah pembinaannya akan bermula; dan
- (b) apakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PEMADAM di peringkat Daerah. Sejauh manakah Ahli Jawatankuasa ini berfungsi dalam membantu Kerajaan mencegah penyalahgunaan dadah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Kerajaan telahpun membina pagar/tembok keselamatan di kawasan-kawasan tertentu sempadan Malaysia—Thailand secara berperingkat-peringkat. Pembinaan pagar/tembok keselamatan di sempadan ini akan terus dilaksanakan di kawasan-kawasan yang belum didirikan pagar/tembok dalam Rancangan Malaysia Keenam.
- (b) Di antara tujuan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) ditubuhkan ialah untuk melancarkan kegiatan-kegiatan dalam bidang Jagaan Lanjutan. Pencegahan dan Penerangan di peringkat Negeri dan Daerah. PEMADAM juga

bekerjasama dengan persatuan-persatuan dan badan-badan yang mempunyai tujuan yang sama dengannya.

Aktiviti PEMADAM di peringkat daerah adalah seperti berikut:

- (i) mengendalikan Pusat Jagaan Lanjutan bersama dengan Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri;
- (ii) melatih pada kaunselor yang memberi khidmat kaunseling kepada pelatih-pelatih di bawah Jagaan Lanjutan dan ahli-ahli keluarga mereka;
- (iii) membantu mengintegrasikan bekas-bekas penagih kembali ke pangkuan keluarga dan masyarakat;
- (iv) berusaha untuk mencari pekerjaan dan memberi latihan kepada bekas-bekas penagih yang telah dibebaskan daripada Pusat Jagaan Lanjutan;
- (v) mengeluarkan bantuan pelancaran kepada bekas-bekas penagih yang berminat dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

Dari segi pencegahan pula, PEMADAM Daerah menumpukan perhatian kepada 4 kumpulan sasaran utama seperti berikut:

- (i) Pelajar-pelajar/Belia;
- (ii) Ibu bapa;
- (iii) Pemimpin-pemimpin (belia/masyarakat/politik);
- (iv) Masyarakat umum.

PEMADAM Daerah juga terlibat dalam mengaturkan program pendidikan pencegahan yang disertai oleh kumpulan masyarakat seperti berikut:

- (i) Kumpulan-kumpulan Agama;
- (ii) Persatuan-persatuan sukarela;

- (iii) Kelab-kelab dan Persatuan-persatuan belia;
- (iv) Jawatankuasa-jawatankuasa dan institusi-institusi tempatan;
- (v) Sekolah-sekolah dan Yayasan Pelajaran Tinggi;
- (vi) Sektor swasta;
- (vii) Agensi Kerajaan.

Dalam bahagian ini PEMADAM Daerah membantu dan bekerjasama dalam projek-projek anti dadah yang dianjurkan oleh Kerajaan seperti Gerakan Tumpuan.

JEJANTAS/LINTASAN PEJALAN KAKI—PEMBINAAN

34. Tuan David Yeoh Eng Hock minta Perdana Menteri menyatakan memadangkan kepada keadaan trafik yang sibuk sekarang, adakah Kerajaan bercadang membina lebih banyak jejantas tertutup demi kemudahan pejalan kaki untuk menyeberangi jalanraya yang sesak di Bandaraya Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Drs Suleimen bin Mohamed: Pembinaan kemudahan lintasan jalan bagi pejalan kaki merupakan satu usaha berterusan DBKL untuk menjamin keselamatan pejalan kaki semasa melintas. Kemudahan lintasan ini mempunyai dua bentuk iaitu:

- (i) pembinaan jejantas;
- (ii) pemasangan lintasan pejalan kaki berlampu isyarat;

Dalam tahun 1991, pihak DBKL telah memperuntukkan \$1.0 juta untuk membina empat buah jejantas di lokasi-lokasi berikut:

- (i) Jalan Semantan di hadapan Wisma Damansara;
- (ii) Jalan Ampang berdekatan Lorong Damai 13;

- (iii) Jalan Gombak berhadapan Kilang Lee Rubber; dan
- (iv) Jalan Kepong berdekatan SRJK(C) Kepong.

Disamping itu, pada tahun ini DBKL telah memasang empat lintasan pejalan kaki berlampu isyarat di jalan-jalan berikut, iaitu:

- (i) Jalan Ipoh;
- (ii) Jalan Cochrane;
- (iii) Jalan Puchong; dan
- (iv) Jalan Bukit Bintang.

KLINIK UNDANG-UNDANG

35. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Kehakiman menyatakan berapakah jumlah Klinik Undang-undang yang telah ditubuhkan di seluruh negara dan di negeri-negeri manakah Klinik Undang-undang ini telah ditubuhkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Pada masa kini sejumlah 15 buah Klinik Undang-undang telah ditubuhkan di seluruh negara dan sedang dijalankan oleh cawangan-cawangan Biro Bantuan Guaman yang berkenaan. Klinik-klinik tersebut seperti berikut:

1. Di Perlis — Dua buah klinik dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman Cawangan Perlis di Kaki Bukit dan Kuala Sanglang iaitu sebulan sekali secara bergilir gilir.
2. Di Pahang— Dua buah klinik dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman Cawangan

Kuantan iaitu di Temerloh dan Rompin; dan Dua buah klinik dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman Cawangan Raub iaitu di Kuala Lipis dan Bentong. Klinik-klinik ini dijalankan secara tetap sebulan sekali.

3. Di Johor — Tiga buah klinik dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman Cawangan Johor Bahru iaitu di Mersing, secara tetap sebulan sekali dan di Kluang dan Kota Tinggi sebulan sekali secara bergilir-gilir.

4. Di Sabah — Enam buah klinik dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman Cawangan Sabah iaitu di Sandakan, Labuan, Tawau, Lahad Datu dan Kudat. Klinik-klinik ini diadakan apabila pegawai di Cawangan tersebut mempunyai kes-kes di mana-mana Mahkamah ditempat-tempat yang berkenaan itu.

Soalan No. 36 Sila lihat jawapan No. 4 pada 24-7-91

**SUBSIDI PEMBANGUNAN
KEPADA SEKOLAH BANTUAN
MODAL**

37. Tuan Frankie Chong Ye Chee minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah peruntukan yang telah disediakan bagi subsidi pembangunan 50% kepada sekolah-sekolah separuh bantuan Kerajaan di seluruh negara dan berapa buahkah sekolah yang telah menikmati dasar tersebut.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak mempunyai dasar pemberian 50% subsidi pembangunan kepada Sekolah Separuh Kerajaan atau mengikut Akta Pelajaran 1961 disebut Sekolah Bantuan Penuh bukan milik Kerajaan (Sekolah Bantuan Modal). Walau bagaimanapun, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (1986—1990) Kementerian Pendidikan telah membelanjakan sebanyak \$18,724,676 kepada sekolah-sekolah Bantuan Modal di seluruh negeri dan bilangan sekolah-sekolah yang menerima peruntukan tersebut adalah sebanyak 719 buah.

**KELAS PERALIHAN—SYARAT
PENGECEUALIAN**

38. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah murid-murid di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di negara kita yang mengambil peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah pada tahun 1991; dan
- (b) apakah syarat-syaratnya untuk membolehkan murid-murid itu melompat kelas peralihan dan masuk ke Tingkatan Satu.

Dr. Leo Michale Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Bilangan murid dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) yang mengambil peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun 1991 adalah seperti berikut:
 - (i) SRJK(C)-95,404 orang
 - (ii) SRJK(T)-14,088 orang
- (b) Syarat-syarat untuk membolehkan murid-murid SRJK (C) dan SRJK (T) dikecualikan daripada mengikuti kelas peralihan dan meneruskan pelajaran di Tingkatan Satu adalah seperti berikut:
 - (i) Mereka mesti mengambil kertas Bahasa Malaysia kod 011 dan 012 yang dikhaskan bagi Sekolah Kebangsaan/Sekolah Rendah Kebangsaan (SK/SRK) dalam peperiksaan UPSR.
 - (ii) Mereka hendaklah mencapai satu tahap yang sesuai iaitu mendapat gred yang menunjukkan taraf penguasaan mereka dalam Bahasa Malaysia kod 011 dan 012 boleh melayakkan mereka mengikuti pengajaran dan pembelajaran di Tingkatan Satu yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar.
 - (iii) Mereka hendaklah mendapat 'A' dalam semua mata pelajaran yang lain.

**PENANGKAPAN PEGAWAI
PERHUTANAN NEGERI
KELANTAN**

39. Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah meminta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan

Kerajaan berhubung dengan penangkapan Pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan yang terlibat dengan penahanan di negara jiran atas dakwaan menebang balak dan memasuki negara jiran tanpa dokumen.

29-7-91

35. Tuan Shuib bin Endut minta Menteri Luar Negeri menyatakan perkara-perkara berikut:

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Luar Negeri untuk menjelaskan perkembangan dasar-dasar luar yang terkini kepada rakyat negara ini supaya mereka memperoleh manfaat daripada langkah yang telah diterokai oleh Kerajaan (misalnya hubungan perdagangan);
- (b) mengapakah peristiwa yang berlaku di sempadan negeri Kelantan dengan Thailand baru-baru ini terjadi (penahanan pegawai hutan Malaysia oleh pihak berkuasa Thailand); dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Luar Negeri untuk mengelakkan berulangnya peristiwa yang berlaku di Padang Besar dan Kelantan (pihak berkuasa Thailand merampas barang-barang peniaga Malaysia).

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Izinkan saya menjawab soalan ini bersama soalan oleh Yang Behormat Tuan Shuib bin Endut yang sepatutnya dijawab pada 29-7-1991. Kementerian saya telah mengadakan usaha-usaha diplomatik untuk menyelesaikan isu berkenaan, di antaranya ialah: -

- (i) memanggil Duta Besar Thailand ke Wisma Putra untuk mendapatkan penjelasan beliau mengenai kejadian tersebut.
- (ii) Pertemuan di antara Duta Besar Malaysia dengan pegawai-pegawai Tinggi, Kementerian

Luar Negeri Thailand dan juga dengan pihak Perisikan Tentera Thailand.

- (iii) Pertemuan di antara Ketua Setiausaha, Kementerian Luar Negeri dengan Menteri Luar Negeri Thailand.

Sebagaimana kita semua maklum, pendakwaan terhadap pegawai-pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah digugurkan oleh Mahkamah Narathiwat, Thailand dan sekaligus menyelesaikan isu tersebut. Kita percaya bahawa penyelesaian tersebut adalah berkait rapat dengan usaha-usaha diplomatik tersebut. Memandangkan kedua-dua negara berkongsi sempadan bersama, adalah agak sukar untuk kita mengelakkan daripada peristiwa-peristiwa sedemikian terjadi. Namun begitu, hubungan rapat di antara kedua-dua negara akan membolehkan sebarang isu sempadan diselesaikan dengan sebaik-baiknya.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DI LABUAN

40. Tuan Isli bin Haji Siput minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah nilai pelaburan Kerajaan Pusat yang terdapat di Wilayah Persekutuan Labuan melalui agensi-agensinya.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed:

Di bawah Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan sebanyak \$260.6 juta untuk projek pembangunan di Labuan. Agihan perbelanjaan pembangunan adalah seperti berikut:

(a) Sektor Ekonomi	—	\$84.797 juta
(b) Sektor Sosial	—	\$83.080 juta
(c) Sektor Keselamatan	—	\$57.556 juta
(d) Sektor Pentadbiran	—	\$35.153 juta

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam (RM6), peruntukan pembangunan yang disediakan adalah sebanyak \$362.0 juta. Agihan peruntukan seperti berikut: -

(a) Sektor Ekonomi	—	\$179.47 juta
(b) Sektor Sosial	—	\$106.92 juta
(c) Sektor Keselamatan	—	\$ 25.34 juta
(d) Sektor Pentadbiran	—	\$ 47.88 juta

Peruntukan pembangunan ini disalurkan melalui agensi-agensi Kerajaan Persekutuan seperti Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Perusahaan Awam, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

PENGARAH PERKHIDMATAN FARMASI MENYALAHGUNA KUASA

41. Dato' Tan Tiew Hock minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada ianya benar bahawa pada bulan Oktober, 1990, seorang pemangku pengarah perkhidmatan farmasi dari Kementerian Kesihatan telah mewakili Kementerannya menandatangani satu perjanjian perdagangan dengan sebuah syarikat perubatan tradisi Cina di Tian Jin, China, dengan tanpa diketahui oleh Kementerian Kesihatan, demi untuk membolehkan Malaysia mengimpot ubat buatan China dan ubat herba China yang bermutu tinggi, jika benar:

- (a) adakah pegawai tersebut telah dianggap sebagai menyalahgunakan kuasanya; dan
- (b) apa tindakan telah diambil supaya satu skandal dapat dielakkan daripada berlaku.

Dato' K. Kumaran: Pengarah Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan semasa menghadiri suatu bengkel mengenai kegunaan industri tumbuh-tumbuhan perubatan di Beijing pada bulan Oktober, 1990 tidak menyalahgunakan kuasanya. Beliau hanya menandatangani persefahaman untuk menyampaikan maklumat berkenaan ubat-ubat Cina kepada Persatuan Pengamal Perubatan China Malaysia. Persefahaman itu bukan perjanjian sah bagi mendapatkan bekalan daripada mana-mana pihak di China untuk pihak-pihak tertentu di Malaysia. Dengan itu tiada tindakan diambil ke atas pegawai itu.

TAHANAN ISA DI KEM KEMUNTING, TAIPING

42. Dato' Azumu bin Tak minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan tahanan yang masih ada di bawah ISA yang ditahan di Kem Kemunting, Taiping dan sama ada Jawatankuasa yang mengkaji kedudukan tahanan tersebut masih wujud lagi pada masa ini memandangkan ancaman komunis sudah dihapuskan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Pada masa ini jumlah orang tahanan yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 di Tempai Tahanan Perlindungan Kemunting Taiping adalah seramai 173 orang.

Sebuah Jawatankuasa yang dipanggil Lembaga Penasihat yang ditubuhkan di bawah Perkara 151(2) Perlembagaan Persekutuan adalah bertanggungjawab mengkaji kes-kes orang Tahanan yang ditahan di bawah Akta ini. Walaupun ancaman komunis tidak lagi wujud, tidaklah bermakna negara ini bebas sepenuhnya dari lain-lain bentuk ancaman dan bahaya yang boleh menimbulkan gangguan kepada ketenteraman awam dan menjejaskan kestabilan keselamatan negara. Di

antaranya bentuk-bentuk ancaman ini boleh berpunca dari isu-isu sensitif yang menyentuh hal-hal perkauman, agama, kebudayaan dan kegiatan lain-lain anasir yang tidak diingini yang bergerak secara sulit atau secara berselindung.

**INSTITUT PENYELIDIKAN
PERHUTANAN MALAYSIA—
PUNGSU**

43. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bilakah Pusat Penyelidikan Perhutanan Malaysia ditubuhkan dan apakah fungsi-fungsinya didalam memelihara dan menyelamatkan warisan hutan-hutan Malaysia.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah ditubuhkan sebagai sebuah badan berkanun pada 1hb Oktober, 1985 di bawah Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia, 1985 (Akta 319). Sebelum itu, FRIM dikenali sebagai Institut Penyelidikan Perhutanan yang merupakan sebuah unit di dalam Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang bertanggungjawab ke atas penyelidikan perhutanan sejak tahun 1925 lagi.

Fungsi-fungsi FRIM dalam memelihara dan menyelamatkan warisan hutan-hutan Malaysia adalah tertumpu dibidang penyelidikan dan pembangunan, dengan izin, Research and Development dan meliputi:

- (i) menjalankan dan menganjurkan penyelidikan mengenai pembangunan perhutanan termasuk pengeluaran hutan, pemprosesan, penstoran, pengangkutan dan penggunaan hasil-hasil hutan dan bidang-bidang lain yang sesuai dengan pembangunan seterusnya bagi sektor perhutanan dan pemeliharaan sumber;

- (ii) mendapatkan, sekiranya kepentingan awam atau kepentingan pembangunan dan industri-industri perhutanan begitu memerlukan, kemajuan dan eksploitasi hasil-hasil penyelidikan yang didapati masih belum ataupun tidak dimaju dan dieksploitasi sepenuhnya;

- (iii) memperolehi, memegang, melupuskan atau memberi hak-hak yang berkaitan dengan hasil apa-apa penyelidikan yang dijalankan oleh Lembaga ataupun, sekiranya kepentingan awam ataupun kepentingan pembangunan perhutanan dan industri-industri perhutanan begitu memerlukan, berkaitan dengan mana-mana hasil yang dijalankan oleh individu ataupun organisasi;

- (iv) mengawal, menyelaras dan mengesan aktiviti-aktiviti mana-mana organisasi yang menjalankan program-program dan projek-projek penyelidikan dan pembangunan yang dibiayai sepenuhnya atau sebahagian besarnya dari Kumpulan Wang Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan;

- (v) memastikan bahawa Lembaga sentiasa diberitahu dengan sepenuhnya akan aktiviti-aktiviti yang relevan bagi mana-mana organisasi yang menjalankan program-program dan projek-projek penyelidikan dan pembangunan yang dibiayai sebahagiannya oleh Kumpulan Wang Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan;

- (vi) mengumpul, menyatukan dan menyebarkan maklumat berhubung dengan pengurusan dan pembangunan perhutanan, hasil-hasil hutan dan penggunaan hasil-hasil hutan;

- (vii) menyelaraskan aktiviti-aktiviti di dalam negara berhubung dengan penyelidikan dan pembangunan, publisiti dan perkara-perkara lain berkaitan dengan pembangunan perhutanan dan industri perhutanan serta mengadakan perhubungan dengan badan-badan di luar negara berkaitan dengan perkara-perkara tersebut;
- (viii) Sentiasa memberitahu Menteri dengan sepenuhnya semua perkara berhubung dengan penyelidikan dan pembangunan perhutanan; dan
- (ix) menjalankan apa-apa fungsi lain sebagaimana diarahkan oleh Menteri dari masa kesemasa.

KEMUDAHAN INPRASTRUKTUR DI KAWASAN LUAR BANDAR

44. Tuan Itam Wali bin Nawan minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, apakah usaha-usaha melengkap kemudahan asas perhubungan jalanraya, bekalan api dan air ke kampung-kampung tradisional dan kawasan pendalaman bagi kemudahan masyarakat luar bandar memasarkan hasil-hasil keluaran mereka.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yassin bin Kamari): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada akhir Rancangan Malaysia Kelima (RML) sepanjang 766km jalan luar bandar telah dapat dilaksanakan dan 80% penduduk luar bandar di seluruh negara telah menikmati kemudahan bekalan elektrik serta 72% menikmati bekalan air paip.

Usaha-usaha untuk meningkatkan liputan penyediaan kemudahan asas ini akan terus dilaksanakan di bawah

Rancangan Malaysia Keenam (RM6) ini. Sebanyak \$550.58 juta telah dipohon untuk membina sepanjang 1,035 km lagi jalan luar bandar, dan \$758.49 juta untuk program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) serta \$500.26 juta untuk program Bekalan Air Luar Bandar (BALB). Dengan peruntukan yang diminta ini, untuk program BELB adalah dijangkakan akan dapat menyelesaikan liputan bekalan elektrik di negri-negeri di Semenanjung dan seterusnya meningkatkan liputan di Sabah dan Sarawak, masing-masing daripada 48% dan 52% kepada 73% dan 77%. Manakala bagi BALB pula peruntukan yang diminta itu akan dapat meningkatkan liputan bekalan air dari 60.6% kepada 72.4% di seluruh negara.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada masa kini dan akan datang pelaksanaan projek-projek itu tidak lagi hanya merupakan penyediaan kemudahan asas semata-mata tetapi akan merupakan penyediaan kemudahan yang boleh menyokong aktiviti komersial dan memperingkatkan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat luar bandar. Kementerian Pembangunan Luar Bandar dari masa kesemasa sentiasa mengkaji skop pelaksanaan projek bagi mencapai matlamat memaju dan memodenkan masyarakat di kawasan luar bandar.

PAKAIAN SERAGAM INSPEKTOR KESIHATAN

45. Tuan K. Munisamy minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau bercadang menukar warna dan corak pakaian seragam (uniform) Inspektor Kesihatan (Health Inspectors) memandangkan Pakaian Seragam tidak sesuai dan lebih mirip kepada Pakaian Seragam Kumpulan Rendah.

Dato' K. Kumaran: Untuk makluman Yang Berhormat,

Kementerian Kesihatan sedar bahawa Pakaian Seragam bagi Inspektor Kesihatan selalu dikelirukan dengan pakaian seragam yang dipakai oleh kategori lain.

Untuk mengelakkan supaya perkara ini tidak terus berlaku di masa hadapan, Kementerian Kesihatan telah siap menyediakan satu rekabentuk yang baru dengan warna yang berlainan untuk Inspektor Kesihatan. Cadangan ini akan dikemukakan untuk kelulusan Kerajaan. Inspektor Kesihatan akan dapat memakai pakaian seragam berbentuk baru ini sebaik sahaja kelulusan diterima.

MEMULIHKAN PROJEK KERETA KEBEL

46. Tuan David Yeoh Eng Hock minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) memandangkan projek kereta kabel Bukit Nanas Kuala Lumpur telah lama terbengkalai, adakah Kerajaan Bercadang untuk memulihkan semula projek dengan tujuan menarik Lebih ramai pelancong; dan
- (b) sama ada Kerajaan bercadang melancarkan projek-projek lain yang boleh menarik perhatian pelancong untuk melawat Kuala Lumpur.

Dato' Drs. Suleimen bin Mohamed:

- (a) Kerajaan tidak bercadang untuk memulihkan semula projek kereta kabel di Bukit Nanas.
- (b) Kerajaan hanya bercadang untuk meneruskan konsep hutan simpanan di kawasan Bukit Nanas sebagai kawasan hijau dan tidak lagi bercadang menjadikannya sebagai kawasan tarikan pelancong.

FAEDAH ELAUN BERSALIN

47. Tuan V.K. Sellappan minta Menteri Sumber Manusia menyatakan Akta Buruh Kebangsaan menyatakan "jika seorang pekerja perempuan melahirkan 5 orang anak atau lebih, beliau tidak berhak untuk mendapatkan faedah elaun beranak":

- (a) adakah Kementerian berhasrat mengambil tindakan untuk memberi faedah ini kepada semua anak-anak yang dilahirkan kepada seorang perempuan dengan memandangkan keperluan tenaga manusia di negara ini; dan
- (b) adakah Kementerian ingin memindahkan syarat-syarat atau undang-undang buruh bagi faedah ini untuk memberi lebih kebaikan kepada pekerja-pekerja wanita. Sekiranya tidak, mengapa.

Dato' M. Mahalingam: Sebelum 1985 di bawah Akta Kerja 1955, pekerja-pekerja perempuan hanya berhak mendapat elaun bersalin untuk tiga orang anak yang hidup pada masa ia bersalin. Pada bulan Mac, 1985 perutukkan Akta berkenaan telah dipinda memperluaskan faedah-faedah kepada lima orang anak yang hidup sejajar dengan dasar baru Kerajaan untuk menambah bilangan penduduk negara ini. Undang-undang buruh hanya akan dipinda jika ada perubahan dalam dasar Kerajaan.

PROGRAM INDUK BELIA NEGARA—PELAKSANAAN

48. Tuan Shuib bin Endut minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah Kementerian Belia dan Sukan mempunyai personnel yang mencukupi untuk merealisasikan cita-cita yang terkandung dalam DIPN (Dasar Induk Belia Negara); jika tidak mencukupi

apakah Kementerian Belia dan Sukan telah mengubungi pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini untuk mewujudkan sepasukan personel untuk membantu Kementerian menjayakan cita-cita negara yang terkandung dalam DIPN (Dasar Induk Belia Negara) itu.

Cik Teng Gaik Kwan: Saya memang sedar bahawa Kementerian Belia dan Sukan menghadapi kekurangan pegawai di semua peringkat terutama di peringkat Daerah. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Belia dan Sukan akan menyediakan kertas cadangan penyusunan semula untuk dimajukan kepada pihak agensi Kerajaan yang berkenaan untuk memberi pertimbangan dan kelulusan sewajarnya.

Walau bagaimanapun, bagi merealisasikan cita-cita Program Induk Belia Negara, Kementerian Belia dan Sukan telah menubuhkan 10 Jawatankuasa mengikut Program Induk bagi memperkemas perancangan dan pelaksanaan program dengan lebih berkesan. Jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan telah melibatkan kepakaran tenaga daripada pusat-pusat pengajian tinggi dan juga pegawai-pegawai dari agensi-agensi Kerajaan.

Di samping itu juga, Kementerian Belia dan Sukan telah mewujudkan pasukan pelopor dan pelapis yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin belia yang akan bersama-sama melaksanakan Program Induk Belia Negara. Buat masa ini rancangan telah dijalankan untuk menambah kakitangan di peringkat negeri dan daerah dan Kementerian juga menjemput Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) untuk sama-sama membantu merealisasikan cita-cita yang terkandung dalam PIBN. Saya yakin strategi pendekatan penglibatan semua pihak akan dapat menjayakan cita-cita dan visi Program Induk Belia Negara dan Wawasan 2020.

GURU BERTANDING DALAM PILIHANRAYA

49. Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa jumlah guru-guru yang telah meletakkan jawatan kerana bertanding di dalam Pilihanraya Umum yang lalu dengan menyatakan Parti mana yang disertainya.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 29 orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan telah meletakkan jawatan kerana bertanding di dalam Pilihanraya Umum bulan Oktober, 1990. Seramai 23 orang adalah calon Barisan Nasional, tiga orang calon Semangat 46, dua orang calon PBS dan seorang calon PAS.

BUMIPUTERA DALAM PERNIAGAAN RUNCIT

50. Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna menyatakan setakat manakah penglibatan golongan bumiputera dalam industri peruncitan setelah tamatnya Dasar Ekonomi Baru 1970—1990. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan peratusan bumiputera dalam bidang peruncitan memenuhi masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang berdaya maju. Penglibatan bumiputera dalam bidang peruncitan ini haruslah mencapai pemilikan modal, pengurusan dan guna tenaga manusia.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Penglibatan golongan bumiputera dalam perniagaan runcit termasuk borong adalah masih rendah. Sehingga tahun 1990, bumiputera memiliki 32% pertubuhan perniagaan runcit berbanding dengan

61% oleh kaum Cina. Di Sabah dan Sarawak pula pemilikan bumiputera hanyalah 17%. Dalam perniagaan borong, bumiputera memiliki 10% daripada jumlah pertubuhan perdagangan borong.

Unlук meningkatkan lagi penglibatan bumiputera dalam sektor ini, Kerajaan akan mengambil langkah-langkah tertentu dengan tujuan untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Dalam Rancangan Malaysia Kc-6, Kerajaan telah menggariskan dengan jelas program-program yang akan dilaksanakan, antara lain:

- (i) menyediakan bantuan untuk menggalakkan penyusunan semula dan permodenan perniagaan peruncitan;
- (ii) Menganjurkan program-program latihan berkaitan dengan pengurusan perniagaan runcit dan borong;
- (iii) mengenalpasti sistem Franchise yang lebih kukuh dan berkesan; dan
- (iv) meningkatkan usaha untuk membantu bumiputera dalam bidang pengedaran dengan menjalankan program-program untuk memperbaiki dan memperkembangkan sistem maklumat pasaran.

BIJIH TIMAH—INSENTIF KEPADA PERUSAHAAN MELOMBONG

51. Tuan Foo Boon Liang minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah bantuan atau insentif yang dicadangkan untuk diberi kepada para pelabur untuk memulihkan industri perlombongan bijih timah supaya ia berdaya maju dan seterusnya dapat bersaing dengan pengeluar lain di dunia.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Suka saya jelaskan di sini bahawa pihak Kerajaan telahpun memberi banyak bantuan serta insentif kepada perusahaan melombong timah untuk membantunya dalam menghadapi kesukaran semasa kemelesetan harga timah dipasaran, supaya mereka menjadi terus berdaya maju dan dapat bersaing dengan para pengeluar timah lain di dunia. Di antara bantuan-bantuan yang telahpun diberikan ialah:

- (a) Skim Pinjaman Mudah
- (b) Diskaun tenaga elektrik sebanyak 25% kepada sektor perlombongan
- (c) Diskaun harga diesel
- (d) Penghapusan duti eksport ke atas mineral
- (e) Penghapusan duti import ke atas setengah-setengah peralatan perlombongan serta alat-ganti mereka.

Di samping bantuan-bantuan tersebut, Kerajaan juga turut berusaha, melalui penyertaannya di dalam Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (Association of Tin Producing Countries—ATPC), untuk menstabilkan pasaran timah dengan cara mengurangkan lebih stok logam tersebut di pasaran. Dengan susutnya lebih tersebut, pasaran timah dapat dipulih semula.

Walaupun Kerajaan telah memberikan beberapa bantuan secara langsung dan melalui usaha-usaha di peringkat antarabangsa, namun faktor yang menentukan daya saing sesuatu operasi melombong timah masih lagi bergantung kepada harga logam tersebut di pasaran. Oleh yang demikian, faktor penentuan sama ada pihak perusahaan timah tempatan akan dapat terus bersaing adalah bergantung kepada faktor ekonomi.

**PERUNTUKAN KIRAAN KEPALA
KEPADA KELANTAN**

52. Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud minta Menteri Kewangan menyatakan sehingga hari ini (24 Julai 1991) berapakah jumlah peruntukan perkepala mengikut keramaian penduduk untuk tahun 1991 telah diberi kepada Kerajaan Kelantan sebagaimana yang diperuntukan kepada negeri lain. Kalau tidak, kenapa peruntukan tersebut tidak diberi kepada Negeri Kelantan.

Jumlah peruntukan kiraan kepala, dengan izin, Capitation Grant unluk setengah tahun pertama bagi 1991, telah dibayar kepada Kerajaan Kelantan. Sehingga 24-7-91 jumlah dibayar ialah sebanyak \$3,522,999.96 (Ringgit Tiga Juta Lima Ratus Dua Puluh Dua Ribu, Sembilan Ratus Sembilan Puluh Sembilan dan Sen Sembilan Puluh Enam sahaja). Soal tidak berbayar tidak berbangkit.

USUL

**RANGKA RANCANGAN JANGKA
PANJANG KEDUA 1991-2000
DAN DASAR PEMBANGUNAN
NASIONAL**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:.

Bahawa Dewan ini, menyedari kemajuan pesat yang telah dicapai dalam pembangunan sosio-ekonomi negara bagi tempoh dua puluh tahun yang lalu di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama, 1971-1990 dan Dasar Ekonomi Baru;

mengambil maklum dan merestui usaha-usaha Kerajaan yang berterusan dalam melaksanakan

melaksanakan dasar-dasar, strategi-strategi dan program-program untuk mencapai matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama, menerusi Dasar Ekonomi Baru, bagi mencapai perpaduan negara serta mengekalkan pembangunan yang stabil dan berterusan di dalam persekitaran yang aman, stabil dan selamat;

melulus dan menyetujui Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991-2000 dan Dasar Pembangunan Nasional, yang menetapkan matlamat pembangunan negara dan dasar-dasar yang akan diikuti di dalam usaha negara mencapai matlamat yang dirancangan untuk dekad akan datang seperti yang ditetapkan di dalam Kertas Perintah Bil.8 Tahun 1991;

Bahawa, dalam meluluskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Dasar Pembangunan Nasional, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari berbagai lapisan masyarakat bekerja dengan lebih gigih dan bersedia menghadapi cabaran-cabaran sosio-ekonomi dan politik masa depan selaras dengan semangat Rukunegara dan bersama-sama bersatu padu dalam usaha yang benerusan untuk membangunkan sebuah negara yang adil, progresif dan berdayatahan 25hb Julai, 1991

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid bin Ismail untuk menyambung ucapannya.

4.01 ptg.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya menyambung ucapan saya pada hari semalam. Tuan Yang di-Pertua, untuk melahirkan sebuah generasi yang berilmu, penekanan mestilah diberi

kepada aspek pembacaan, dengan kata lain, kita mahu melahirkan generasi yang mencintai ilmu dan kita mestilah memberi kemudahan-kemudahan membaca di kalangan masyarakat. Di sini saya suka mencadangkan, untuk meningkatkan pembacaan di kalangan orang awam, pihak Kementerian yang berkenaan hendaklah mengadakan perpustakaan awam di tempat-tempat seperti dalam feri, keretapi dan hotel, dan juga kawasan perumahan haruslah diberi pertimbangan serius. Dan memang saya rasakan bahawa cadangan ini akan memberi keuntungan yang besar kepada penerbit dan pengedar buku, tetapi pihak Kementerian juga haruslah mencari jalan bagi mengurangkan harga buku bermutu yang diberikan kepada perpustakaan tersebut.

Kegemaran membaca hendaklah ditanam dengan segala daya agar kegiatan membaca menjadi cinta yang mendalam di kalangan masyarakat. Sehubungan dengan ini, buku haruslah dijadikan perkara pokok dalam semua bentuk, hadiah dan cenderamata. Bagi pihak Kementerian yang berkenaan haruslah mengambil satu inisiatif untuk menggarap seluruh jentera masyarakat, dan para pemimpin pula hendaklah menunjuk contoh dan pencinta ilmu yang serius.

Tuan Yang di-Periua, pada hemat saya, buku tidak boleh dibaca oleh orang awam jika jumlah buku bermutu terhad dan harganya mahal. Pada masa ini, jualan buku bermutu dalam Bahasa Malaysia amatlah sedikit. Malah jumlah buku yang diterbitkan di Malaysia dalam semua bahasa masih amat sedikit, jika dibandingkan dengan sebuah negara yang sedang pesat membangun seperti Korea Selatan, dan juga yang telah mencapai taraf pembangunan sosio-ekonomi yang dikagumi di dunia seperti Jepun.

Kajian menunjukkan bahawa kadar pengeluaran buku di Malaysia dengan rakyatnya lebih kurang 17 juta setiap tahun semenjak 10 tahun yang lalu,

pengeluarannya berjumlah lebih kurang 2,000 hingga 3,000 setahun, sedangkan Korea Selatan mengeluarkan lebih daripada 30,000 buku setahun untuk keperluan rakyatnya, manakala Jepun pula menerbitkan di antara 28,000 hingga 30,000 buku untuk rakyatnya dan didapati 60% daripada jumlah buku terbitan tempatan adalah buku teks, manakala 70% daripada buku yang diterbitkan di Korea Selatan adalah untuk bacaan umum.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita menyedari bahawa penerbitan buku bacaan umum yang serius dan bernilai tinggi memakan masa yang panjang dan ia juga menghendaki usaha ilmiah, kreatif dan memerlukan belanja yang besar untuk dicetak dan diedarkan dengan sempurna dan sudah pasti pula ramai cendekiawan dan penerbit tempatan tidak sanggup mengambil risiko untuk membuat usaha sedemikian, jika tanpa bantuan khusus daripada Kerajaan.

Oleh hal yang demikian, saya mencadangkan agar buku mestilah dijadikan sebagai satu sumber pembangunan negara yang penting. Saya mencadangkan supaya Kementerian Kewangan menjadikan rancangan pembangunan buku dan penghasilan ilmu pengetahuan hendaklah dirnasukkan dalam Belanjawan pembangunan negara seluruhnya dan ia hendaklah diberi keutamaan yang sama dengan keutamaan yang diberikan kepada rancangan pembangunan dalam bidang-bidang lain dalam Belanjawan negara.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, kepada generasi muda yang masa kini, yang hidup dalam kemewahan dan tidak pernah kenal erti kesusahan, ketahuilah bahawa bapa-bapa dan datuk nenek kita telah berjuang menggadai nyawa mereka, berkorban dan terkorban. Mereka berjuang dengan ringgit yang sedikit, berbekal perut dengan sesuap nasi dan ubi kayu bagi

menjamin masa depan anak cucu mereka. Sudah sampai masanya generasi baru ini di bawah Kementerian Belia dan Sukan hari ini harus berjuang mengisi kemerdekaan sebagai satu kesinambungan pelaksanaan amanah. Jika kita gagal membuat demikian kerana penyakit malas, leka dan angkuh, ini bererti kita telah mengkhianati amanah.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, keadaan masyarakat kita pada masa kini jika diselami dengan mendalam sebenarnya sedang menghadapi satu konflik dan perubahan nilai-nilai dalam masyarakat. Di kalangan anggota masyarakat, kebahagiaan dan kejayaan seseorang diukur dari jumlah benda-benda dan harta-harta yang dimiliki. Tegasnya, faktor ekonomi menjadi ukuran mutlak dalam menentukan kedudukan dan kebahagiaan manusia.

Hari ini sebahagian dari masyarakat kita telah menjadi terlalu kebendaan sehingga membelakangkan nilai-nilai kerohanian, kejiranan, kesopanan dan nilai-nilai murni. Kebendaan telah menghantui kita dan masyarakat pula telah dijajah dengan nilai kebendaan. Keadaan ini sebenarnya merupakan satu cabaran dalam menghadapi Wawasan 2020 di mana cabaran yang keempat menyebutkan sebagai cabaran membina masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, iaitu yang berwarganegara yang mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang mendukung standard etika yang tertinggi.

Bagi menghadapi cabaran ini, Tuan Yang di-Pertua, penekanan dalam pembinaan ilmu dan pengetahuan kepada setiap anggota masyarakat amatlah diperlukan. Saya berpendapat kedudukan ekonomi yang kukuh tidak dapat bertahan lama jika tidak didasari dengan kedudukan ilmu yang mantap. Dalam konteks ini, ilmu juga dapat

berperanan dalam mengubah pandangan hidup manusia dari nilai-nilai semata-mata kebendaan kepada nilai yang lebih unggul.

Tuan Yang di-Pertua, inginlah juga saya menegaskan di sini bahawa ekonomi bangsa yang tidak berilmu hanyalah ekonomi tumpangan yang menami belas ihsan dari bangsa yang kaya dan negara yang maju untuk membuat pelaburan dan memaksakan syarat-syarat tertentu ke atasnya. Pemindahan teknologi yang dimimpikan oleh negara penerima pelabur tidak terjadi, masakan negara maju akan membuka rahsia mereka, dengan itu mengurangkan sumber kekuatan mereka. Pada masa ini sudah menjadi hakikat perniagaan moden seperti gergasi perniagaan berusaha mengawal rahsia mereka dengan berbagai-bagai cara, agar tidak dikalahkan dalam persaingan yang begitu sengit.

Peribadi dan bangsa yang berilmu akan membina kekuatan ekonomi yang berdaya-cipta dan mengatasi segala saingan yang dihadapi. Dalam dunia masa kini terdapat negara-negara tertentu seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan beberapa buah negara di Eropah juga Jepun dan Australia, kini telah mengeksportkan ilmu dan pendidikan sebagai sumber ekonomi yang terpenting.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan ini saya bersama-sama dengan rakan saya menyokong Usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada dua hari yang telah sudah iaitu Usul RRJP2 1991-2000. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Frankie Chong Yu Chee.

4.12 ptg.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk mengambil

bahagian dalam perbincangan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tuan Abdul Ghafar bin Baba dalam Dewan yang mulia ini pada 24 Julai 1991.

Sebelum saya meneruskan perbincangan ini, inginlah saya menyahut seruan rakan saya Yang Berhormat Tuan Azman Atar sebagai pembahas pertama di hari pertama yang telah mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini berkenaan peranan dan tanggungjawab sebagai Ahli Dewan Negara. Beliau tidak mahu Ahli-ahli Dewan terutama sekali Ahli-ahli bukan daripada Barisan Nasional supaya jangan membuat heboh dan jangan menjadi hero di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham ucapan beliau itu adalah dikenakan kepada wakil-wakil terutama sekali daripada Sabah dan daripada Kelantan. Walaupun demikian, saya akan mengutarakan keadaan di Sabah dalam ucapan saya nanti. Soal heboh tidak heboh, hero tidak hero bukan soal pokok, yang jelas dan penting sekali ialah kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada daripada Barisan Nasional atau bukan Barisan Nasional dalam Dewan yang mulia ini berkewajipan untuk membetulkan apa yang tidak benar dan mengkritik secara membina, lebih-lebih lagi dalam kita ingin meluluskan satu-satu usul ataupun rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Imej Dewan Negara harus dijaga sebab kita tidak mahu disebutkan sebagai 'Rubber Stamp'. Kedudukan kita di sini tidak ada bezanya sama ada daripada Barisan Nasional atau pun bukan Barisan Nasional sebab tugas utama kita di sini ialah menjaga kepentingan rakyat di negara Malaysia yang kita cintai.

Pada hemat saya RRJP2 adalah satu program pembangunan secara menyeluruh yang mengandungi Dasar

Pembangunan Nasional yang boleh membawa kebanggaan rakyat Malaysia dan negara kita ke satu tahap pencapaian sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Ia juga telah mendapat sambutan yang baik dari semua lapisan masyarakat yang berbilang kaum di seluruh tanahair. Meski pun demikian, faktor-faktor penting yang terkandung dalam DPN harus diperhalusi dalam proses pelaksanaannya. Kerjasama daripada semua pihak adalah amat mustahak demi mencapai matlamat ini.

Keberkesanan pelaksanaan RRJP2 dan DPN ini amat bergantung kepada usaha-usaha gigih dari pihak Kementerian-kementerian, pegawai-pegawai dan agensi-agensi Kerajaan seterusnya kepada Kerajaan-kerajaan Negeri sebagai jentera dan nadi penggerak pelaksana program-program tersebut. Sebarang kecacatan dan kelalaian di pihak-pihak yang saya sebutkan tadi itu akan membawa kegagalan matlamat yang ditujui.

Saya berkeyakinan bahawa dengan adanya golongan profesional dalam pentadbiran awam dan peralatan yang moden dan etika kerja yang berdaya tahan seperti pegawai-pegawai yang ada di dalam Dewan ini, tentu sekali mereka akan lebih bersedia untuk menghadapi cabaran dan langgungjawab yang baru ini dengan semangat cintakan negara dan sama-sama mendukung cita-cita Kerajaan untuk membangunkan negara.

Dalam pada itu falsafah dan konsep pentadbiran 'Bersih, Cekap dan Amanah' harus diberi penekanan dalam pentadbiran negara. Satu perkara penting yang saya ingin sebutkan di sini ialah kerjasama yang erat di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan Wilayah. Satu sistem pentadbiran yang tidak memilih warna kulit, bangsa, agama dan keturunan dan sekali gus fahaman politik adalah asas membentuk sebuah negara yang progresif, maju dan makmur.

Tuan Azman Atar bin Othman: Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat ada menyebut penting kerjasama di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri. Apakah selama ini Kerajaan Pusat tidak bekerjasama dengan Kerajaan Negeri? Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat sabar sedikit, saya akan jelaskan dalam ucapan ini nanti.

Dalam kita melangkah ke permulaan RRJP2 dengan pelaksanaan DPN, negara kita juga menghadapi satu era baru dalam perkembangan politik dan sistem pentadbirannya, di mana dua buah negeri di negara ini adalah diperintah oleh parti Pembangkang kepada Kerajaan Barisan Nasional di peringkat Persekutuan iaitu Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Kelantan.

Namun demikian, keputusan rakyat di kedua-dua buah negeri itu harus diterima oleh semua pihak seperti yang termaklud dalam Perlembagaan Malaysia yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan juga perselisihan pendapat dan fahaman politik dalam pilihanraya yang lalu harus diketepikan buat sementara, yang jelas sekali rakyat telah membuat keputusan yang muktamad mengikut lunas-lunas demokrasi. Tumpuan masa ini adalah sama-sama kita mencari jalan untuk menyatu-padukan rakyat seluruh negara melalui proses pelaksanaan RRJP2 dan DPN sebagai sumber integrasi nasional.

Tuan Azman Atar bin Othman: Sedikit lagi penjelasan. Yang Berhormat juga menyebut bekerjasama.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia masih berdiri.

Tuan Azman Atar bin Othman: Boleh saya minta penjelasan sedikit?

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya belum habis lagi penjelasan saya.

Tuan Azman Atar bin Othman: Sedikit sahaja, takut Yang Berhormat lupa nanti.

Bila Yang Berhormat 'menyebut menyatu-padukan rakyat', apakah Kerajaan Federal tidak menyatu-padukan rakyat selama ini. Dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa Kerajaan Negeri Sabah yang memulakan perpecahan di antara rakyat sesama rakyat. Sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, ucapan saya belum selesai, jadi banyak penekanan-penekanan akan saya jelaskan sebentar lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila sambung.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Sebagai sebuah Kerajaan yang memerintah pada hari ini, sama ada di peringkat Negeri mahupun di peringkat Persekutuan, adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk menjaga kepentingan rakyat yang berbilang kaum di negara kita yang kita cintai. Sesungguhnya saya amat bersukacita melihat RRJP2 yang telah memperlihatkan usaha Kerajaan untuk memperseimbangkan semua aspek pembangunan dengan tanpa mengamalkan diskriminasi atau menjejaskan satu-satu pihak termasuklah negeri-negeri Pembangkang dalam negara Malaysia. Usaha mengurangkan jurang ketidakseimbangan yang luas dalam pembangunan ekonomi di kalangan negeri-negeri dan di antara kawasan bandar dan luar bandar adalah juga asas

memperkukuhkan lagi persefahaman dan perpaduan masyarakat Malaysia ke arah peningkatan integrasi nasional yang sejati.

Dalam pelaksanaan DPN, semua Kerajaan Negeri harus mendapat peluang untuk berunding dan mendapatkan pandangan mengikut program pembangunan negeri masing-masing. Dalam hal ini negeri Sabah tidak harus dikecualikan. Tindakan sedemikian akan membolehkan pelaksanaan DPN itu diperhalusi mengikut keutamaan dan keperluan yang mendesak. Selain daripada itu supaya kuasa-kuasa tempatan dapat memberi kerjasama yang penuh dalam membentuk satu-satu pembangunan yang ingin dilaksanakan. Dengan persefahaman ini Kerajaan Pusat dapat bertindak lebih tepat kepada sasaran dan sekaligus akan membantu mencapai matlamat RRJP2 dan DPN.

Saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini bahawa tidak dapat dinafikan negeri Sabah adalah ketinggalan di semua aspek pembangunan berbanding dengan pembangunan di negeri-negeri di Semenanjung. Di dalam perbezaan dan ketidakseimbangan pembangunan inilah yang menjadi sungutan dan rintihan rakyat di negeri Sabah. Sebagai rakyat Malaysia yang sama-sama mendukung kemerdekaan dalam Malaysia adalah wajar bagi Kerajaan Persekutuan mengambil perhatian dan tindakan yang adil dan saksama dalam penyusunan semula masyarakat dan semua aspek pembangunan di negeri Sabah.

Walaupun negara kita mencapai pertumbuhan ekonomi yang stabil dan kukuh dan pembangunan yang pesat setelah habisnya tempoh RRJP1 dan Dasar Ekonomi Baru, masih terdapat rakyat Malaysia di Sabah belum menikmati rancangan Dasar Ekonomi Baru tersebut. Ini nyata sekali diterangkan dalam Laporan RRJP2 di

mana negeri Sabah adalah negeri yang masih di tahap kemiskinan yang tinggi dan masih mundur dari segi pembangunan terutama sekali di kawasan-kawasan pedalaman dan luar bandar. Kemudahan-kemudahan asas yang masih jauh ketinggalan seperti bekalan elektrik, air paip, rumah sakit, klinik-klinik desa, dispensari dan dalam pendidikan pula masih jauh ketinggalan terutama sekali kekurangan bangunan-bangunan sekolah rendah dan menengah, kelengkapan dan kemudahan asrama seterusnya kekurangan tenaga pengajar yang terlatih dan banyak lagi kemudahan-kemudahan asas yang lain yang tidak perlu saya sebutkan satu-persatu oleh kerana rakan-rakan seperjuangan saya di Dewan Rakyat juga telah banyak menyentuh mengenai ketidakpuasan hati mereka mengenai pelaksanaan DEB terutama sekali dalam Rancangan Malaysia Kelima di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sejak pembentukan negara Malaysia 28 tahun yang lalu, negeri Sabah telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sosial, ekonomi dan politik di negara ini. Negeri Sabah memang kaya dengan sumber alam semula jadi seperti petroleum, gas, tembaga, kayu balak dan lain-lain. Hasil petroleum dari negeri Sabah adalah menjadi tanggungjawab dan jagaan Kerajaan Persekutuan. Keputusan ini telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri dalam Perjanjian yang telah ditandatangani. Dalam hal ini Kerajaan Negeri Sabah cuma mendapat royalti minyak sebanyak 5% daripada hasil pengeluarannya. Keputusan ini mendapat tentangan hebat daripada sebilangan pemimpin-politik pada masa itu. Walaupun demikian, sikap bertolak-ansur telah menjayakan keputusan tersebut dengan harapan kedudukan kadar ini dapat diulangkaji dari masa ke semasa mengikut keperluan yang munasabah. Pada waktu itu, kadar 5% adalah dianggap

munasabah oleh pihak Kerajaan Pusat oleh kerana negeri Sabah masih ada sumber alam yang lain yang boleh menampung ekonomi negeri tersebut.

Dalam pada itu kayu balak adalah menjadi sumber utama negeri Sabah. Setelah berpuluh-puluh tahun sumber kayu balak sudah berkurangan, pembatakan secara besar-besaran di Sabah adalah bermula sejak zaman pemerintahan Perikatan terutama sekali semasa Kerajaan USNO dan Kerajaan BERJAYA dahulu. Buktinya pada zaman USNO

Tuan Johan B.O.T. Ghani Christopher: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan?

Tuan Johan B.O.T. Ghani Christopher: Saya mendengar ucapan Yang Berhormat itu tadi, kayu balak adalah daripada Kerajaan USNO dan BERJAYA dahulu. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan yang ada sekarang harus berterima kasih kepada Kerajaan USNO dahulu kerana USNO adalah sebuah Kerajaan yang mengasaskan dan memerdekakan Sabah sehingga pada ketika ini rakyat Sabah mempunyai kenikmatan yang begitu baik. Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan yang dahulu dipersalahkan, itu tidak adil. Saya ingat dalam tahun 1960-1963, dia masih di bangku sekolah, jalan-jalan raya pun tidak ada, sekolah pun tidak ada, tetapi Kerajaan yang ada pada hari ini, jalan-jalan rayanya begitu luas terbentang, sekolah-sekolah ada, hospital-hospital ada

Tuan Yang di-Pertua: Apakah penjelasan Yang Berhormat

Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher: Ya, sepatutnya ini tidak harus dibangkitkan lagi. Tugas dan tanggungjawab Kerajaan Negeri iaitu PBS yang ada sekarang ini adalah

menyambung kesinambungan Kerajaan USNO dahulu. Kalau mereka gagal pada hari ini, jangan salahkan Kerajaan yang lalu. Ini bererti mereka tidak cekap dalam pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila sambung.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Tuan Yang di-Pertua, persoalannya di sini cuma satu aspek pembalakan yang saya cuba terangkan dan jelaskan. Saya tidak menuduh apa-apa terhadap pihak USNO, cuma satu penekanan, satu bentuk penyampaian yang saya sampaikan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, pada zaman pemerintahan USNO dan Kerajaan BERJAYA dahulu, buktinya pada zaman USNO Ketua Menterinya boleh mampu membeli kapal terbang Boeing 707 untuk kegunaan peribadinya. Perdana Menteri kitapun kalah. Dan semasa Kerajaan BERJAYA pula pemimpin-pemimpin politiknya membahagi-bahagikan hasil kayu balak dan kawasan membalak

Tuan Azman Atar bin Othman: Saya rasa lebih baik Yang Berhormat jangan membangkitkan cerita-cerita yang lama, kalau Yang Berhormat hendak menjadi penyelesaian masalah ataupun pendamai duduk bersama-sama dalam Dewan ini. Bila Yang Berhormat menyebut Ketua Menteri semasa pemerintahan USNO dahulu, sedangkan beliau tidak berada dalam Dewan ini amat paling tidak baik. Saya mintalah jangan dibangkitkan.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini dibangkitkan sebab banyak tuduhan-tuduhan liar yang dilemparkan kepada Kerajaan PBS pada masa ini. Sebab itu, perkara ini dibangkitkan adalah semata-mata untuk suatu perbandingan, tidak ada niat yang lain, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap tidak ada lagi gangguan-gangguan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Johan B.O.T. Ghani Christopher: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sedikit penjelasan berkenaan dengan pembelian kapal terbang itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berikan atau tidak beri jalan kepadanya?

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Saya masih berucap, Tuan Yang di-Pertua, biar saya habiskan ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Sambung, sambung.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Pada zaman pemerintahan BERJAYA, pembalakan atau membalak mengikut hasil kayu balak dan kawasan membalak mengikut gred yang ditetapkan yang dinamakan skim A, B, C. Orang besar, besarlah faedahnya. Tuduhan sebilangan orang yang menyatakan bahawa PBSlah yang menghabiskan hasil-hasil kayu balak di Sabah adalah tidak berasas sama sekali. Usia PBS baru enam tahun, pemerintahan USNO selama 13 tahun dan BERJAYA 10 tahun. Jika dicampur kedua-duanya adalah selama 23 tahun mereka menikmati kekayaan hasil balak di Sabah.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dasar Kerajaan PBS dalam hal ini telah mengamalkan sistem pengawalan yang rapi untuk mengurangkan eksport balak secara berperingkat-peringkat dan menggalakkan pengusaha-pengusaha balak untuk mengembangkan industri perkilangan kayu-kayuan yang berorientasikan eksport papan-bergaji dan papan lapis yang bermutu tinggi dan menggalakkan downstream processing, dengan izin, untuk membina alat-alat perabot untuk kegunaan dalam negeri dan juga untuk tujuan eksport. Di samping itu juga mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat negeri Sabah.

Dengan pengawalan dan pengurangan eksport balak yang telah disyaratkan oleh Kerajaan Pusat tentu sekali negeri Sabah akan mengalami kemerosotan pendapatan dari hasil royalti balak yang selama ini menjadi sumber pendapatan utama bagi negeri Sabah. Justeru itu Kerajaan Pusat harus mengambil perhatian dan faktor ini dalam menimbangkan pembahagian peruntukan kepada negeri Sabah. Kerajaan Negeri juga sudah berkali-kali meminta Kerajaan Pusat untuk menimbangkan kenaikan royalti petroleum ke satu tahap yang munasabah dan saya berdiri di sini juga turul meminta supaya kadar royalti minyak ini dinaikkan untuk perseimbangan pendapatan sumber alam yang lain yang sudah berkurangan di Sabah. Sudah sampai masanya Kerajaan Pusat untuk membuat review, dengan izin, kepada royalti minyak sejajar dengan Dasar Pembangunan Nasional yang mengutamakan bantuan kepada negeri yang masih di tahap kemiskinan dan mundur.

(Tuan Adam bin Kadir
mempengerusikan Mesyuarat)

Ini adalah salah satu permintaan yang ikhlas dan Kerajaan Negeri adalah berhak untuk meminta apa jua yang difikirkan patut daripada Kerajaan Pusat berlandaskan kepada faktor peruntukan Perlembagaan dan semangat pembentukan Malaysia yang bersatu-padu. Segala permintaan daripada Kerajaan Negeri Sabah adalah untuk kepentingan rakyat Malaysia di Sabah. Kerajaan Pusat tidak harus mendengar daripada pihak-pihak tertentu sahaja yang memang tidak senang hati dengan Kerajaan PBS di Sabah. Kerajaan Pusat harus peka kepada permintaan-permintaan Kerajaan Negeri Sabah, lebih-lebih lagi apabila PBS masih dalam Barisan Nasional pada ketika itu.

Permintaan-permintaan di antara lainnya ialah meminta Kerajaan Pusat membina sebuah universiti di Sabah yang bertujuan untuk menampung

pelajar-pelajar Malaysia dari seluruh negara dan mengenali Sabah dengan lebih dekat lagi di samping meningkatkan lagi integrasi nasional. Kedua, penyelesaian pendatang haram tanpa izin. Ketiga, permohonan sebuah stesen televisyen. Keempat ialah mengenai perjanjian 20 perkara yang terkandung dalam laporan Inter Governmental Committee Report, dengan **Tuan Adam bin Kadir: Nanti, ada** Cobbold Commission of Inquiry.

Tuan Azman Atar bin Othman:
(Bangun) **Adam bin Kadir:** Nanti, ada

yang bangun. Boleh beri kebenaran?

Tuan Azman Atar bin Othman: Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat oleh kerana Yang Berhormat mengatakan Kerajaan Negeri ada memohon untuk menubuhkan universiti dan sebagainya, kemudian Kerajaan Pusat tidak membenarkan. Adakah Yang Berhormat menuduh bahawa Kerajaan Pusat tidak meluluskan permintaan daripada PBS itu kerana kami dengar hasutan daripada USNO ataupun BERJAYA?

Saya ingin hendak tahu daripada Yang Berhormat. Kalau itu tuduhan Yang Berhormat, bererti Yang Berhormat menganggap Kerajaan Pusat ini bodoh.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya tadi saya belum menyatakan semuanya ini tidak diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan, cuma saya menyatakan permintaan-permintaan permohonan-permohonan yang telah disampaikan.

Tuan Adam bin Kadir: Teruskan.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: . . . yang disediakan oleh Cobbold Commission of Inquiry, dengan izin, semasa Sabah sama-sama menuntut Malaysia dalam tahun 1963. Laporan

perjanjian ini sepatutnya direview dalam tempoh setiap 10 tahun, tetapi nampaknya dokumen penting ini telah ditutup melebihi tempoh yang sepatutnya. Saya minta supaya Kerajaan Pusat tidak salah faham atas permintaan ini supaya dapat membawa perkara ini di meja perundingan dengan Kerajaan Negeri Sabah untuk mencapai a spirit of agreement, dengan izin, yang terkandung di dalam dokumen yang bersejarah itu.

Tuan Johan B.O.T. Ghani Christopher: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta sedikit penjelasan.

Tuan Adam bin Kadir: Nanti dahulu. Saya hendak bertanya kepada yang berucap, boleh beri laluan untuk bertanya?

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Tuan Yang di-Pertua, sebab banyak lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, kalau banyak interruption, saya rasa ucapan ini sampai esok pun tidak habis. Saya tidak beri jalan. Saya ingin teruskan.

Sekali lagi perkara ini disalah-ertikan oleh pihak tertentu yang sengaja memutar-belitkan keikhlasan permintaan ini dan dipolitikkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab sehingga membuat tuduhan yang liar kononnya pemimpin-pemimpin PBS terlibat dalam usaha membawa Sabah keluar dari Malaysia.

Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher: (Bangun)

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Sila.

Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan ini berkaitan dengan

Tuan Adam bin Kadir: Tunggu sekejap, ya?

Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher: Saya amat tertarik dengan kenyataan daripada Yang Berhormat. Setahu saya pada hari ini baru saya dengar, tetapi sebelum pilihanraya umum di negeri Sabah pada masa yang lalu, perkara ini telah banyak dikeluarkan di dalam kempen-kempen pilihanraya dan ini, Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah satu perkara yang boleh mengakibatkan perpecahan perpaduan di antara rakyat di negeri Sabah dan rakyat di Semenanjung dan saya percaya perkara ini bukan baru. Sebagaimana yang saya katakan tadi dalam pilihanraya umum yang lalu perkara ini banyak ditimbulkan sehingga di papan-papan tanda pun ada sehingga hari ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap perkara ini tidak harus dipanjangkan di sini. Yang pentingnya, kita di dalam negara Malaysia ini ialah keamanan, keikhlasan dan kejujuran kita dalam sesuatu perjuangan.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Tuan Yang di-Pertua, dengan perkembangan baru poliiik di Sabah, kelihatan ramai Menteri-menteri mula datang melawat ke Sabah untuk meninjau dan melihat lebih dekat lagi dengan mata sendiri keadaan di negeri Sabah. Ini tidak pernah berlaku sejak 28 tahun yang lalu dan kebanyakan Menteri-menteri daripada Persekutuan pada masa yang lalu jarang-jarang malahan ada yang tidak pernah ke Sabah. Yang Amat Berhormat

Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher: (*Bangun*)

Puan Aionon binti Ariffin: Saya ingin meminta penjelasan.

Tuan Adam bin Kadir: Saya beri kepada Yang Berhormat Puan Aionon dahulu untuk meminta penjelasan.

Puan Aionon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Senator dari Sabah yang

mewakili PBS. Apakah beliau bercadang untuk membuat ketnpen-kempen memburuk-burukkan pihak Barisan Nasional yang dahulu dan yang sekarang dan juga pihak-pihak yang memerintah di Sabah sebelum beliau itu. Apakah beliau bercadang hendak menggunakan platform di sini dengan tujuan untuk meniupkan semangat perpecahan dan juga untuk membangkitkan semangat perkauman bagi menuju kemusnahan yang nampaknya sangat bertentangan RRJP2 kita. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat yang 'handsome' dari Sabah ini.

Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher: Saya ingin sentuh sedikit fasal

Tuan Adam bin Kadir: Penjelasan?

Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher: Ya, Yang Berhormat menyatakan ramai Menteri-menteri daripada Semenanjung datang ke Sabah pada hari ini. Kalau dahulunya tidak ada. Tetapi pada zaman USNO dan BERJAYA dahulu tidak begitu ramai, tetapi pada hari ini, saya akui memang ramai Menteri-menteri ke Sabah dan terutama sekali Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebulan sekali ke Sabah. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas kedatangan mereka untuk lebih dekat lagi melihat keadaan Sabah. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, yang amat penting bagi saya, kenapa Menteri-menteri daripada Barisan Nasional datang ke Sabah, sebenarnya dahulu ..

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher: Sedikit sahaja lagi. Dahulunya memang Kerajaan PBS masih di dalam Barisan Nasional, maka Menteri-menteri di Barisan Nasional memang mengharapkan sangat kepada

Kerajaan Negeri. Tetapi pada hari ini Kerajaan PBS ini sudah tidak lagi menyertai Barisan Nasional, maka . . .

Tuan Frankie Chong Yu Chee:
Tuan Yang di-Pertua

Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher: tanggungjawab Menteri-menteri daripada Pusat mesti datang ke Sabah melihat dengan mata, kepala sendiri keadaan negeri Sabah di bawah pentadbiran PBS selama 6 lahun ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Adam bin Kadir: Ya, silakan.

Tuan Frankie Chong Yu Chee:
Nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, banyak yang berucap. Memang ini yang saya jelaskan bahawa Menteri-menteri daripada Persekutuan sudah mula datang ke Sabah. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, baru-baru ini juga telah menyatakan hasrat beliau untuk datang melawat ke Sabah setiap bulan. Oleh kerana

Tuan Azman Atar bin Othman:
(*Bangun*)

Tuan Adam bin Kadir: Ya, okay.

Tuan Azman Atar bin Othman:
Tidakkah Yang Berhormat bangga dan megah kerana Timbalan Perdana Menteri yang ingin selalu hendak melihat negeri Yang Berhormat sendiri. Kalau macam saya, saya bangga. Itu menunjukkan bahawa ada sentimen Yang Berhormat sendiri tidak suka pemimpin Semenanjung ini datang ke Sabah. Pada ucapan Yang Berhormat telah membuktikan seolah-olah menganggap kami ini sebagai penjajah.

Tuan Frankie Chong Yu Chee:
Saya belum habis ucapan saya, sebab itu, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Adam bin Kadir: Teruskan.

Tuan Krankie Chong Yu Chee: . .
. . . banyak penjelasan saya ini positif sebenarnya, bukan negatif.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini telah menyatakan hasrat beliau untuk melawat ke Sabah setiap bulan oleh kerana beliau sudah cinta kepada rakyat Sabah dan akan timbul atau tenggelam dengan rakyat Sabah, sink or swim with the people of Sabah, dengan izin. Ini adalah satu pendekatan baru. Saya amat mengalu-alukan kehadiran Menteri-menteri untuk melawat ke Sabah untuk mengenali rakyat Sabah yang berbilang kaum, berbilang agama dan kebudayaan yang hidup mesra di antara satu sama lain. Saya berharap setelah mengenali Sabah, Menteri-menteri tersebut akan mencintai Sabah seperti kata pepatah, "tak kenal maka tak cinta".

Negeri Sabah, negeri di bawah bayu dengan berlatar-belakangkan kekayaan suku kaum dan kebudayaan yang melebihi daripada 50 suku kaum dan keturunan melebihi 100 dailek, sudah tentunya tidak mampu untuk hidup berpuak-puak mengikut suku kaum masing-masing. Lebih-lebih lagi dengan kahwin campur, mixed marriage, dengan izin, yang begitu ramai di kalangan mereka sudah tentu tidak akan dapat menerima sebarang konsep perkauman. Pergaulan semua kaum sudah menjadi tradisi hidup rakyat Sabah sejak nenek-moyang mereka lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan salah satu matlamat DPN yang harus kita sama-sama hayati dalam pelaksanaan RRJP2 dan DPN iaitu untuk membina sebuah negara yang bersatu-padu akan terus diasaskan kepada prinsip dan garis-panduan yang diperuntukkan oleh Perlembagaan dan Rukunegara. Selaras dengan ini, DPN telah digubal untuk memenuhi hasrat dan harapan semua warganegara

Malaysia supaya tiada seorang pun merasa hak mereka kehilangan atau tergugat dalam pelaksanaan programnya.

Dalam konteks negeri Sabah matlamat ini tidak akan tercapai selagi masalah pendatang haram, pendatang tanpa izin tidak diselesaikan. Jumlah pendatang haram yang dipercayai melebihi 300,000 hingga 400,000 orang yang bermaharajalela di bumi Sabah. Kehadiran mereka di Sabah bukan sahaja menjadi masalah perebutan pekerjaan tetapi ia juga mengugat hak keislimewaan warganegara Malaysia di Sabah. Segala kemudahan yang diberi oleh Kerajaan yang terkandung dalam DPN itu sebahagian besar akan dinikmati oleh orang-orang pendatang tanpa izin. Mereka mendirikan rumah-rumah haram bukan sahaja mencecemarkan alam sekeliling tetapi juga menimbulkan kesihatan yang tidak terkawal. Sebab itulah hospital-hospital dan klinik-klinik Kerajaan dibanjiri oleh pendatang tanpa izin pada setiap hari. Dengan demikian, Kerajaan terpaksa menyediakan lebih banyak peruntukan untuk menampung kehadiran mereka.

Tuan Adam bin Kadir: Ada permintaan penjelasan.

Tan Sri Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator daripada Sabah banyak membangkitkan mengenai dengan masalah-masalah Kerajaan khususnya Kerajaan BERJAYA dan banyak menyentuh mengenai masalah-masalah yang sepatutnya beliau tidak sentuh. Mengenai dengan perkara masalah pendatang ini untuk makluman Dewan ini, dalam masa Kerajaan USNO dahulu dan semasa Kerajaan BERJAYA, pendatang-pendatang daripada luar negeri? khususnya dari Filipina ini, bilangannya cuma kecil. Tetapi di dalam Kerajaan PBSlah, baru ramai pendatang-pendatang yang

datang ke Sabah ini. Saya ingat pihak keselamatan sentiasa bertindak mengenai dengan masalah-masalah yang timbul daripada pendatang-pendatang ini dan ramai daripada mereka ini yang telah dihantar balik ke negeri asal mereka. Walaupun Yang Berhormat katakan tadi pendatang-pendatang ini merebut peluang-peluang penduduk di Sabah, tetapi yang sebenarnya peniaga-peniagalah yang beruntung, pengusaha-pengusahalah yang beruntung mengenai kedatangan orang-orang ini. Sebab mereka ini digunakan oleh taukeh-taukeh untuk menjadi buruh di dalam ladang-ladang dan digunakan oleh pihak kontraktor-kontraktor untuk menjadi buruh binaan dan hampir tiap-tiap rumah dan kedai-kedai itu menggunakan pendatang-pendatang ini menjadi pekerja-pekerja di rumah kerana mereka ini menerima gaji yang murah.

Jadi, ini Tuan Yang di-Pertua, kedatangan mereka ini walaupun dikatakan sebagai mendatangkan masalah kepada negeri kita, tetapi harus difahami bahawa yang mereka datang ini ada orang yang baik dan orang yang tidak baik dan orang-orang yang baik ini telah dapat menolong meninggikan ekonomi negeri kita, Tetapi tentang orang-orang yang baik ini, pihak-pihak keselamatan dan Polis telah bertindak untuk membawa mereka ke mahkamah dan ramai di antara mereka telah dihantar balik.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa Kerajaan Barisan Nasional sedang membuat perhitungan mengenai dengan pendatang-pendatang ini dan mengawasi supaya ianya dapat dikawal selaras dengan hasrat Kerajaan Barisan Nasional untuk memberikan peluang-peluang yang lebih utama kepada rakyat di negara kita ini. Ini terpulanglah kepada rakyat di dalam negeri ini untuk merebut segala peluang-peluang yang ada. Kita berharap Yang Berhormat, sebagai

anggota daripada Kerajaan PBS yang memerintah negeri Sabah sekarang ini, akan lebih bertanggungjawab mengenai dengan masalah-masalah sebagaimana Yang Berhormat katakan mengenai perpaduan. Tetapi saya lihat perpaduan ini daripada pihak PBSlah yang menimbulkan keretakan di dalam perpaduan ini. Di dalam pilihanraya tahun 1985, apabila Kerajaan parti PBS dan parti USNO telah membuat perjanjian untuk mengadakan Kerajaan campuran apabila menang, tetapi selepas kemenangan itu, parti PBS sendiri yang tidak mahu mengadakan alau mewujudkan Kerajaan campuran, Jadi, keretakan perpaduan ini bukanlah lahir daripada USNO atau BERJAYA tetapi daripada PBSlah sendiri. (*Tepuk*)

Mengenai pembangunan, kalau Yang Berhormat boleh melihat—berikan saya sedikit masa untuk penjelasan sebab saya telah mendengar banyak Yang Berhormat huraikan mengenai dengan masalah Sabah—saya ingat mengenai dengan pembangunan, Yang Berhormat masih ingat semasa USNO dan BERJAYA memerintah negeri Sabah, banyak pembangunan yang telah dibuat sehingga boleh dikatakan pembangunan-pembangunan yang ada di dalam negeri Sabah, jalan pantai barat sampai ke pantai timur, ini semua dalam Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Perikatan dahulu.

Mengenai dengan Yang Berhormat mengatakan tadi Tun Mustapha membeli kapalterbang untuk kegunaannya, ini tidaklah benar kerana pada masa itu, pada masa 20 tahun dahulu, keadaan perhubungan antara Semenanjung dengan Sabah

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, saya rasa

Tan Sri Datuk Haji Sakaran bin Dandai: ini sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Perhubungan antara Sabah dengan Semenanjung adalah susah

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Tuan Yang di-Pertua, ini ucapan gulungankah?

Tan Sri Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Berikan saya sedikit masa. Hanya dengan perhubungan kapalterbang sahaja yang boleh memberikan kita peluang untuk pendekatan antara pemimpin dan rakyat di antara Semenanjung dengan Sabah. Oleh sebab itu patut kita ada mempunyai kapaltrcbang.

Tuan Adam bin Kadir: Itu penjelasan?

Tan Sri Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Itu penjelasan.

Tuan Adam bin Kadir: Silakan.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya merasa hairan Yang Berhormat Menteri tadi mencadangkan dan telah menyatakan betapa untungya taukeh-taukeh di Sabah menggunakan orang-orang tanpa izin. Adakah orang-orang tanpa izin ini boleh digunakan oleh taukeh-taukeh di negeri Sabah?

Tan Sri Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Bukan orang tanpa izin, saya ingat Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Saya sedang membahaskan mengenai pendatang tanpa izin.

Tan Sri Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Nanti sekejap, Yang Berhormat, minta penjelasan. Orang-orang yang digunakan sebagai buruh di ladang-ladang ini adalah mereka yang mendapat izin daripada pihak Imigresen dan Polis. Mereka ini ada mempunyai kebenaran untuk bekerja di negeri Sabah.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Perkara kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan ramainya orang-orang tanpa izin sekarang ini sebab

kuasa Imigresen adalah kuasa Kerajaan Persekutuan. Sebab itu perkara ini saya timbulkan di Dewan yang mulia ini.

Di samping itu juga mereka mengambil bahagian dalam perniagaan sebagai penjaja secara haram, menjadi nelayan-nelayan haram dan yang paling serius sekali ialah mereka juga terlibat dalam rompakan-rompakan rumah dan kes-kes jenayah yang lain yang susah dikawal.

Mengikut laporan Polis dalam kejadian tembak-menembak di antara Polis dengan pencuri di Kota Kinabalu baru-baru ini, seramai 5 orang yang ditembak mati adalah orang pendatang haram yang dipercayai terlibat dalam kes pecah rumah dan beberapa rompakan di sekitar Kota Kinabalu. Terdapat banyak lagi kes-kes pembunuhan yang tidak dapat dikesan oleh pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang serius dalam negara kita yang harus diselesaikan oleh kerana ia ada hubungkaitnya dengan penyelesaian pendatang tanpa izin di Sabah yang majoritinya datang daripada negara Filipina, iaitu isu tuntutan negara Filipina terhadap Sabah. Ini telah menjadi faktor utama kepada pendatang-pendatang tanpa izin dari Filipina yang menganggap bahawa Sabah juga adalah negara mereka.

Dalam isu tuntutan negara Filipina terhadap Sabah, saya mahu Kerajaan memberi penjelasan yang sepenuhnya apakah kedudukan sebenarnya dalam hal ini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk penyelesaiannya dan bilakah isu ini boleh diselesaikan?

Saya amat kagum melihat Mesyuarat Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN yang diadakan di Kuala Lumpur dan ianya telah mendapat liputan dan publisiti yang begitu meluas oleh media-media massa dan

television. Mesyuarat tersebut banyak memberi penekanan kepada isu di rantau Asia dan banyak dibincangkan mengenai soal ekonomi, perdagangan, keselamatan dan politik. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri Luar, yang juga sebagai tuan rumah Persidangan Menteri-Menteri Luar ASEAN yang diadakan di Kuala Lumpur, sama ada isu tuntutan Filipina terhadap Sabah itu dibincangkan dalam sesi dialog di antara Malaysia dengan Filipina dan juga dalam Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN yang baru selesai beberapa hari yang lalu. Masalah ini bukan sahaja masalah Sabah, tetapi ini adalah masalah nasional/negara yang boleh menggugat keselamatan dan kestabilan politik negara.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang menggugat keselamatan negara ini harus mendapat perhatian yang serius dari Kerajaan Persekutuan. Saya berterima kasih dan bersyukur kepada Kerajaan Persekutuan yang telah mengadakan Pasukan Petugas Khas yang menjalankan pendaftaran pendatang-pendatang tanpa izin di Sabah yang sedang berjalan sekarang dan sebilangan pendatang tanpa izin itu juga telah dihantar balik ke negara asal mereka dan kebanyakannya dari negara Filipina.

Namun demikian, usaha-usaha penyelesaian ini saya anggap adalah cara yang dapat menyelesaikan secara sementara sahaja. Saya berkata demikian oleh kerana orang-orang pendatang tanpa izin, jika dihantar balik pada hari ini, mereka akan balik pada hari esok dengan cara mereka yang tersendiri. Ini adalah disebabkan oleh sistem pengawalan yang tidak cukup rapi dan lebih-lebih lagi dengan keadaan alam yang semulajadi, bumi Sabah yang mempunyai persisiran pantai yang begitu luas adalah juga menjadi faktor utama sebagai pintu masuk kepada pendatang haram.

Justeru itu, Kerajaan mestilah mempunyai satu rangka rancangan jangka panjang untuk menyelesaikan masalah pendatang haram di Sabah secara total. Masalah pendatang tanpa izin ini telah berpanjangan dan rakyat Sabah hidup dalam keadaan yang risau. Mereka hidup dalam keadaan yang tidak tenteram. Mereka memikirkan keselamatan mereka pada hari ini dan mereka juga memikirkan masa hadapan anak-anak mereka di hari esok, Saya takut kalau-kalau pada satu hari nanti, orang-orang pendatang haram ini akan menjadi Wakil Rakyat, Ahli Parlimen dan mungkin Ahli Dewan Negara di dalam Dewan yang mulia ini, dan rakyat Malaysia di Sabah pula akan menjadi orang-orang asing sebagai orang-orang pelarian di tanah tumpah darah mereka sendiri.

Justeru itu, saya meminta agar Kerajaan Persekutuan dapat bertindak lebih agresif dalam menyelesaikan masalah ini. Sekiranya belum ada Jawatankuasa Kabinet dalam hal ini, saya mencadangkan supaya satu Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah pendatang haram di seluruh negara khususnya di negeri Sabah.

Selagi masalah pendatang tanpa izin ini belum diselesaikan di Sabah, apa juga rancangan Kerajaan termasuklah RRJP2 dan DPN ini tidak akan dapat mencapai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri dengan ucapan terima kasih dan mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir: Saya menjemput Yang Berhormat Tuan Mohamad Wajdi bin Dato' Haji Ishak.

4.55ptg.

Tuan Mohamad Wajdi bin Dato' Haji Ishak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama

mengambil bahagian. Suka saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang telah membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang di Dewan Rakyat pada 17-6-91 dan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini pada 24-7-91 dengan begitu padat lagi bernilai untuk kita semua tetapi sebagai jaminan kepada kita dan seterusnya untuk keturunan kita di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, selepas meneliti kandungan RRJP2 dan ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini, maka saya dengan sukacitanya memberikan sokongan atas pembentangan itu yang saya kira semuanya akan memberikan kepuasan kepada seluruh rakyat Malaysia dalam menentukan arah dan matlamat negara di abad yang ke-21 bahawa sesungguhnya RRJP2 ini adalah merupakan satu asas kepada satu dasar pembangunan yang akan terus mengekalkan strategi asas Dasar Ekonomi Baru.

Landasan RRJP2 ini memang amat wajar dan kena pada tempatnya sebagai dasar nasional yang memang diwujudkan atas satu matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu padu mencrusi pembasmian kemiskinan serta penyusunan semula masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pembangunan Nasional ini lebih jelas merupakan sambungan dan penyesuaian kepada Dasar Ekonomi Baru yang lelah diberi nafas baru, dimensi baru, prospektif baru serta penekanan baru yang semuanya diperlukan kepada perubahan serta struktur sosio-ekonomi Malaysia di tahun 2020 kelak. Ianya digubal hasil

dari pengalaman dan analisis yang menyeluruh oleh pelbagai kumpulan di Malaysia termasuk sektor swasta dan juga Majlis Perunding Ekonomi Negara. Ini jelas membuktikan bahawa RRJP2 dan Dasar Pembangunan Nasional bukannya merupakan hanya ciptaan para pemimpin sebagaimana yang didakwa oleh parti Pembangkang tetapi ianya adalah hasil dari pemikiran dan keputusan bersama rakyat dan seumpama keputusan-keputusan yang dibuat melalui Majlis Perunding Ekonomi Negara.

Rumusan Majlis Perunding Ekonomi Negara bahawa pembangunan ekonomi selepas 1990 haruslah digubal dengan satu matlamat utama iaitu bertujuan mengukuhkan lagi perpaduan rakyat yang bersatu-padu dengan berlandaskan identiti Malaysia. Dalam pembentukan identiti nasional yang bersifat Malaysia itu, kita tidaklah harus menolak mengenai hakikat sejarah Melayu, agama Islam, Raja-raja Melayu, adat resam dan tradisi Melayu sebagaimana yang telah termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia sebagai asas pengenalan identiti Malaysia. Dengan cara inilah sahaja perpaduan negara yang menjadi matlamat Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional akan menjadi realiti jika kita semua rakyat dan para pemimpin sanggup berkorban memikulkan tanggungjawab serta sanggup berkongsi bersama-sama.

Tuan Yang di-Pertua, hampir lebih 20 tahun yang lalu selepas tragedi 13 Mei kita telah diperkenalkan dengan Dasar Ekonomi Baru sebagai landasan perjuangan pembelaan negara yang bersatu-padu dan juga ke arah pengagihan ekonomi negara yang lebih merata tanpa mengira lapisan rakyat dan keturunan ataupun bangsa.

Walau apapun pencapaian dan kelemahannya, Dasar Ekonomi Baru telah berjaya memenuhi citarasa serta

kehendak yang tidak boleh kita nafikan pada hari ini dan kita pada hari ini adalah untuk bersama-sama bertanggungjawab bagi memastikan penerusan dasar-dasar itu akan berjaya dan sampai kepada matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kemiskinan masih menjadi masalah yang besar, terutamanya kepada orang-orang Melayu yang rata-rata bergantung hidup kepada punca-punca pendapatan tradisional, seumpama menjadi petani ataupun kaum nelayan. Walaupun laporan yang diberikan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, peratus kemiskinan telah menurun daripada 49.3% dalam tahun 1970 kepada kira-kira 17% dalam tahun 1990 dan sehingga tamat Rancangan Malaysia Keenam yang berjumlah 7.2%, namun demikian ianya tidak memberi gambaran yang setepatnya atas beberapa sebab ataupun faktor. Kita lihat di tengah-tengah kemegahan dan kegagahan pembangunan industri, pembangunan perumahan, perkilangan dan pelancongan, masih terselit rumah-rumah yang usang, yang uzur yang memberi gambaran bahawa masih lagi ramai rakyat yang tergulung di bawah kemiskinan.

Kita akui bahawa banyak peruntukan telah dibuat untuk membasmi kemiskinan, tetapi ini tidak bermakna statistik yang diberi benar-benar mencerminkan bahawa golongan termiskin serta jurang perbezaan pendapatan yang kaya dan yang miskin akan turut berkurangan. Di kalangan orang miskin biasa terjadi apabila meningkatnya pendapatan kenaikan kos hidup dan kenaikan harga barang boleh menyebabkan kehidupan mereka lebih menderita. Justeru itu, di samping membasmi kemiskinan, kenaikan kos hidup atau inflasi hendaklah sama-sama diberikan perhatian yang serius agar ianya dapat diimbangi dalam usaha-usaha pihak Kerajaan membasmi kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan melalui Program Pembangunan Rakyat Termiskin ataupun PPRT telah sedikit sebanyak dapat membantu dan memberi manfaat melalui kegiatan-kegiatan seperti kebajikan, pembinaan atau pemulihan rumah, kesihatan, persekolahan ataupun kegiatan-kegiatan bercorak ekonomi. Apa yang telah saya difahamkan, program ini ialah membabitkan perbelanjaan lebih daripada \$90 juta dan kita lihat menerusi Rancangan Malaysia Keenam, PPRT mendapat peruntukan kira-kira \$218 juta menerusi Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Daripada jumlah ini \$141 juta dikhususkan bagi membaikpulih membina semula rumah-rumah rakyat termiskin dan \$77 juta pula untuk pelaksanaan projek peningkatan ekonomi mereka.

Persoalannya, dengan peruntukan dan bantuan yang sedemikian itu sejauh manakah kejayaan serta keberkesananannya? Kepada saya dalam tempoh mula ianya dilancarkan di dalam tahun 1989/90 keberkesannya langsung tidak dapat dilihat kerana mungkin bilangan atau golongan yang termiskin itu agak terlalu ramai dan jangka tempohnya agak pendek. Untuk itu, sudah seharusnya penekanan harus diberi kepada bantuan jangka pendek seperti bantuan kebajikan, rumah dan tanaman untuk kegunaan sendiri. Bantuan-bantuan berbentuk projek-projek ekonomi bagi meningkatkan pendapatan perlu dibuat berasaskan setelah golongan itu didahului dengan latihan serta kemahiran yang menyeluruh. Dengan kata lain, golongan sasar yang kita akan jadikan ia satu target untuk kita lihat perubahan taraf hidup dengan memberikan bantuan jangka pendek dan kemahiran sebelum diberikan bantuan peningkatan ekonomi. Maka saya kira ianya hendaklah disatukan dan dikumpulkan di bawah satu golongan yang dapat kita jadikan dan dapat kita keluarkan mereka itu dari jumlah ini ataupun tergolong daripada golongan rakyat termiskin.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, projek-projek yang dianjurkan oleh agensi-agensi Kerajaan juga boleh memainkan peranan dalam membantu mengeluarkan mereka yang termiskin daripada golongan termiskin, seumpama projek-projek yang dijayakan oleh Bank Pertanian Malaysia ataupun Amanah Ikhtiar Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana sekalipun apa juga bantuan dan sokongan yang diberikan, ianya tidak akan berjaya mencapai matlamat selagi individu yang terlibat tidak mahu membantu dirinya sendiri dan berikari untuk membebaskan dirinya dari belenggu kemiskinan. Sehubungan dengan ini, motivasi perlu diberi di samping dorongan-dorongan serta sokongan mesti ada untuk memastikan bahawa mereka itu mempunyai minat dan sikap untuk keluar daripada belenggu kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, \$1 bilion telah diperuntukkan bagi mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Jumlah ini akan dibelanjakan dalam tempoh 5 tahun untuk mewujudkan bumiputera yang mempunyai daya saing, mantap serta cekal menghadapi cabaran. Jumlah itu akan dibelanjakan dalam tempoh 5 tahun bagi menyediakan pelbagai latihan kepada bumiputera di bidang perniagaan yang akan dikendalikan oleh institusi-institusi yang sedia ada ataupun pihak swasta. Matlamat utama perancangan ini ialah tidak lain dan tidak bukan, untuk membina masyarakat bumiputera yang tidak lagi bergantung kepada makan gaji serta pertanian semata-mata, sebaliknya akan menjadi sebahagian daripada golongan yang aktif dalam pelbagai kegiatan komersial.

Jelasnya ini akan lebih menyediakan program dan memperkukuhkan bumiputera dengan pelbagai kemahiran agar mampu bergerak seiring dengan

kaum-kaum lain ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020. Dengan itu, pihak Kementerian yang berkenaan sudah seharusnya menggubal satu strategi mengenai pelaksanaan bantuan tersebut itu dan ianya hendaklah memberikan penekanan kepada semua aspek yang mempunyai kaitan dengan 9 cabaran yang digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menurutnya terpaksa ditempuhi sebelum Malaysia berjaya muncul sebagai negara maju 30 tahun lagi. Untuk melahirkan masyarakat usahawan bumiputera yang cekal, maka adalah perlu bagi mereka untuk memahami serta menghayati Wawasan itu. Apabila mereka telah faham dan sedia menyahut cabaran itu, maka barulah segala bentuk peruntukan dan bantuan akan memberi faedah dan manfaat kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana sekalipun dalam melaksanakan bantuan, beberapa perkara utama perlu diberikan perhatian dan penekanan yang sewajarnya. Ini termasuklah soal pengurusan dan pengagihan. Cadangan dan konsep memang baik, tetapi perkara penting yang perlu diberi keutamaan ialah pelaksanaan. Bagi memastikan kejayaannya, peruntukan \$1 bilion ini perlu diagihkan secara adil tanpa pilih kasih terhadap usahawan bumiputera. Kita tidak mahu kemungkinan berlaku kejadian di mana ada bantuan untuk bumiputera tidak sampai kepada usahawan bumiputera yang terbabit apabila dilaksanakan ini berpunca dari kelemahan sistem pelaksanaan yang tidak kemas.

Sebagai contoh, kita ambil contoh Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) yang tidak menepati matlamat penubuhannya walaupun mempunyai dana berjumlah beratus juta ringgit, namun tidak ramai usahawan bumiputera yang mendapat faedah daripada tabung itu kerana sebab-sebab

tertentu. Di antara masalah-masalahnya ialah masalah dengan institusi kewangan yang menguruskannya, sebab itu ada di kalangan usahawan bumiputera yang beranggapan dan mendakwa bahawa TPU hanya menguntungkan pihak bank dan syarikat perunding sahaja. Menurut mereka, pelaksanaan TPU hanya memikirkan kepentingan bank, sebaliknya gagal mencapai tujuan asal penubuhannya iaitu membantu usahawan bumiputera menyelesaikan masalahnya. Tabung itu hanya mampu mengikut arahan dari bank dan kejayaan sesuatu permohonan itu banyak bergantung kepada sokongan daripada pegawai-pegawai bank sendiri yang bertindak sebagai pegawai perunding. Dakwaan ini memang ada kebenarannya dan sedikit sebanyak menyebabkan tujuan pengwujudan tabung ini gagal mencapai matlamat yang diharapkan. Dengan itu, saya amat berharap pihak Kerajaan akan dapat berhati-hati dalam membuat penentuan dan cara pelaksanaannya agar ianya betul-betul dapat menjanjikan kejayaan kepada matlamat mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mempunyai semua jenis ramuan yang diperlukan untuk menjadi negara maju sebelum tahun 2020. Ekonomi negara semakin kukuh dan menyakinkan. Sejak kemerdekaan, Malaysia telah dikurniakan dengan pemimpin-pemimpin yang berkaliber serta berjaya membangunkan negara menjadi stabil. Mereka telah memerintah dengan bijak serta memberi masa untuk rakyatnya matang. Ekonomi kita dipertingkatkan di peringkat awal lebih mengutamakan pertanian dan kemudiannya kini ke arah perindustrian. Rakyat telah diberikan pendidikan yang sempurna. Kita juga telah dikurniakan dengan sumber-sumber alam semulajadi. Kita mempunyai segala kelebihan dan merupakan negara yang direstui oleh

Allah s.w.t. dan untuk itu semua akhirnya apakah peranan kita sebagai penghuni yang bertanggungjawab untuk membina negara kita ini? Tetapi, ada setengah-setengah daripada rakyat Malaysia lebih mementingkan diri dan tidak mempunyai keyakinan. Mereka tidak sedar dan tidak tahu menghargai nasib baik mereka menjadi rakyat Malaysia serta dapat tinggal di negara yang hebat ini. Ramai yang suka membuat perbandingan dengan negara-negara luar yang mereka sendiri tidak tahu mengenainya.

Kita lihat lebih ramai pelabur-pelabur asing amat berpuas hati serta kagum dengan kemahiran serta sikap para pekerja Malaysia. Justeru itu, setiap di antara kita rakyat Malaysia mempunyai tanggungjawab dan peranan untuk membina negara. Kita tidak boleh membiarkan tugas membina negara itu semata-mata kepada Kerajaan sahaja. Kadangkala apabila para pemimpin kita mengemukakan sesuatu idea dan belum pun sempat dijelaskan sudah ada cemuhan dan bantahan membabi buta. Setengahnya pula mengkritik kerana hanya ingin membuat kritikan dan setengahnya pula kerana kepentingan diri, kepentingan politik dan termasuk juga kerana perasaan hasad dan dengki. Parti-parti Pembangkang terutamanya sepatut berfikiran terbuka dan jika hendak mengkritik biarlah kritikan yang membina. Ianya boleh menghancurkan negara jika rakyat Malaysia sendiri yang mengkritik serta berusaha untuk menumbangkan Kerajaan.

Para pelabur asing tidak akan membuat pelaburan jika kita sebagai rakyat tidak yakin terhadap kepimpinan negara kita sendiri. Di kalangan kita ada seorang pemimpin yang terkemuka dan berwibawa, mempunyai pandangan jauh serta berkeyakinan, iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed selaku Perdana Menteri dan sudah sepatutnya kita sebagai rakyat Malaysia bersatu-padu dan menyokong beliau.

Tuan Yang di-Pertua, untuk merancang program perindustrian yang berjaya, kita perlu memajukan pasaran tempatan. Pengguna kita mesti menyokong barang-barang buatan tempatan walaupun masih terdapat mereka yang menggemari barangan-barangan buatan luar yang eksklusif. Kadang-kadang kita kekurangan keyakinan diri, kebanggaan dan semangat untuk mengembangkan matlamat ini. Tanpa sokongan menggunakan barang-barang tempatan oleh rakyat tempatan ia akan menjejaskan kemajuan perindustrian di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah dan universiti juga mempunyai peranan yang maha penting dalam merancang dan memperkembangkan program perindustrian di negara ini. Sekolah dan universiti perlu mempunyai dan mengutamakan matapelajaran yang mengutamakan matapelajaran yang berguna untuk digunakan dalam program perindustrian di dalam negara kita. Sekolah dan universiti perlu memberikan penekanan kepada latihan amali. Mungkin pelajar-pelajar kita boleh diatur mengikut latihan di kilang-kilang bagi pelajar-pelajar ketika bercuti sekolah. Semua syarikat ataupun kilang-kilang juga mesti mempunyai kelengkapan latihan mereka sendiri bagi meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja masing-masing. Pekerja-pekerja Malaysia tidak boleh dilatih menjadi burung kakak tua dan untuk itu pihak Kerajaan digalakkan untuk menimbangkan pemberian insentif cukai kepada syarikat-syarikat yang mempunyai kelengkapan latihan seperti ini.

Syarikat-syarikat juga perlu mengusahakan secara aktif program-program pembangunan dan penyelidikan. Kajian-kajian penyelidikan dan pembangunan akan membolehkan negara kita maju dan berupaya menguasai pasaran dan menerima

pasaran tempatan sebagai barang bahan buatan kita sendiri. Justeru itu, Kerajaan haruslah memainkan peranan bersama-sama dengan sektor swasta dalam mewujudkan penyelidikan dan pembangunan mengenai barang-barang buatan tempatan. Kita lihat banyak kejayaan yang diperolehi tidak mendapat publisiti dan tidak diketahui oleh rakyat Malaysia sendiri. Sebagai contoh, Malaysia adalah merupakan pengeluar utama "cheap computer" di dunia ini. Malaysia juga adalah pengeluar unit hawa dingin yang terbesar di dunia.

Peranan Kerajaan dalam hal ini perlu dimaklumkan dan diiklankan supaya memberi kesedaran kepada semua rakyat mengenai apa yang ada di negara kita. Dengan ini sedikit-sebanyak akan mempengaruhi pengguna tempatan dan menentukan bahawa perkembangan program perindustrian yang berjaya sebagaimana tercatat dalam RRJP2.

Dengan harapan itu saya dengan ini memberikan sokongan di atas pembentangan RRJP2 oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir:
Dipersilakan Tuan Chong Chi Siong.

5.16 ptg.

Tuan Chong Chi Siong: Terima kasih "Tuan Yang di-Pertua" kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama kawan-kawan Yang Berhormat membahaskan satu usul RRJP2 yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Encik Abdul Ghafar bin Baba pada 24hb Julai 1991. Dalam perbahasan ini sukalah saya membangkitkan beberapa hujah supaya dapat pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian-kementerian yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJPI) meliputi tempoh masa 20 tahun. Dalam 20 tahun ini Kerajaan telah melaksanakan empat rancangan pembangunan, iaitu (a) Rancangan Malaysia Kedua; (b) Rancangan Malaysia Ketiga; (c) Rancangan Malaysia Keempat; dan (d) Rancangan Malaysia Kelima.

Semua rancangan ini merupakan program pembangunan negara dan meningkatkan integrasi kaum. Konsep ini adalah sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan oleh Kerajaan selepas peristiwa tahun 1969. DEB telah banyak membawa kemajuan dan pembangunan negara asas sama ada dari segi fizikal tetapi juga sosial sesuatu kawasan itu. Ini jelas dapat dilihat dalam projek pembukaan tanah baru yang diambilalih oleh badan-badan berkanun atau oleh Kerajaan tempatan. Struktur susunan semula masyarakat secara mendadak adalah amat mengagumkan khususnya yang dijalankan oleh FELDA dan MARDI, tetapi sedihnya penyusunan masyarakat secara mendadak kurang atau tidak langsung diberi perhatian. Saya telah berulang kali menyeru dalam Dewan ini bahawa langkah manisnya sekiranya semua projek pembukaan tanah baru seperti yang dijalankan oleh FELDA itu dapat diagih-agihkan kepada penduduk yang miskin dengan satu kayu ukur nisbah kaum penduduk negara ini.

Secara tidak langsung pembangunan kawasan itu dapat membentuk suatu baka kaum dan seterusnya menanam benih muhibbah, kerjasama dan perpaduan kaum. Saya percaya juga nisbah kaum yang saya cadangkan itu mungkin akan membawa hasil bertuah kepada Kerajaan Barisan Nasional nanti.

Tuan Yang di-Pertua, DEB telah dapat meningkatkan taraf kehidupan semua lapisan masyarakat. Ini bukan sahaja dalam bidang pendidikan.

bahkan juga dalam kumpulan harta kekayaan negara. Pendidikan merupakan salah satu langkah yang unggul untuk membantu lapisan masyarakat yang mundur. Kelonggaran dan keistimewaan yang diberi kepada anak-anak desa serta kemudahan-kemudahan tertentu, maka ramailah anak-anak desa ini mendapat didikan yang tinggi. Sijil kerakyatan institusi tinggi ini juga memberi peluang kepada anak-anak desa ini mendapat pekerjaan yang mempunyai gaji bulanan yang agak lumayan sama ada dalam sektor Kerajaan atau swasta.

Pendapatan yang baik dan pendidikan yang tinggi telah membawa keharmonian seisi keluarga dan daya membeli serta nafsu keinginan telah meningkat. Akhirnya anak-anak desa ini berlumba-lumba memperbaiki keadaan hidup mereka.

Jika dilihat kadar kemiskinan pada tahun 1970 adalah sebanyak 49.3% atau dalam perkalaan yang lain purata pendapatan seisi keluarga hanyalah \$264 sebulan. Apabila DEB dilaksanakan maka pada tahun 1990, anggaran kemiskinan penduduk desa telah turun kepada 16.7% sahaja. Namun begitu, Kerajaan harus terus berusaha mengurangkan kadar kemiskinan ini. Pendek kata DEB telah berjaya dan mengatasi masalah kemiskinan penduduk-penduduk desa yang kebetulannya terdiri dari masyarakat bumiputera. Perkataan kebetulan ini telah menimbulkan banyak persoalan kurang senang, salah faham, syak-wasangka, menentang establishment dan tidak puas hati dalam pelaksanaan DEB. Isu ini telah diperalatkan oleh parti Pembangkang dan segolongan insan yang tidak bertanggungjawab untuk mencari pengaruh.

Pada hemal saya, DEB telah membuka peluang pekerjaan di samping meningkatkan sektor perdagangan dan perniagaan. Ini jelas dengan adanya kuasa membeli yang tinggi di kalangan bumiputera, maka

pasaran perniagaan bertambah luas dan secara tidak langsung mewujudkan peluang pekerjaan, perindustrian, petempatan, pengangkutan, pelancongan bahkan makanan dan lain-lain lagi.

Persoalannya sejauh manakah dan berapa lamakah DEB ini perlu dirasai oleh segolongan masyarakat Malaysia yang sudah merdeka selama 34 tahun tahun ini. Pada seorang insan yang berumur 34 tahun ini dia sudah cukup matang dan berupaya berfikir apakah perbezaan antara isi dengan kulit, gula dengan madu, inti dengan serpihan.

Sebagai seorang anak jati dan tanah tumpah darah ibunya semasa dilahirkan, maka wajiblah dia menikmati layanan yang adil dan pembahagian kekayaan negara yang saksama. Saya yakin dengan keinsafan inilah Kerajaan Barisan Nasional mengemukakan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua yang meliputi tempoh 10 tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menegaskan sekali lagi kaedah pelaksanaan Dasar Pembangunan Baru (DPB) itu. Format pelaksanaan DPB adalah sama dengan pelaksanaan DEB, cuma visinya lebih kompleks, iaitu:

- (a) mengalihkan lumpuan pembasmian kemiskinan ke arah membasmi golongan yang termiskin.
- (b) mewujudkan gunatenaga dan pembangunan pesat sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang aktif.
- (c) meningkatkan penglibatan sektor swasta.
- (d) pembangunan sumber manusia sebagai asas mencapai matlamat pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama.

Kerajaan Barisan Nasional merupakan satu-satunya Kerajaan yang mengambil berat tentang daya hidup rakyat, pemimpin yang berjiwa rakyat serta Kerajaan senasib dengan rakyat setelah mendapat kepercayaan serta sokongan rakyat. Jadi tidak hairanlah Barisan Nasional akan terus berkuasa di negara ini.

Projek Keluarga Termiskin yang dilancarkan adalah bertujuan mengenalpasti isi keluarga yang perlu menerima bantuan Kerajaan secara subsidi atau kemudahan lain. Kadar kemiskinan dijangka akan berkurangan kepada 7.2% dalam tahun 2000. Matlamat Kerajaan ini amat baik dan harus diberi kepujian tetapi adakah keluarga yang tertinggal ini akan terus diberi subsidi bulanan atau bantuan kemudahan, contohnya penduduk-penduduk di estet-estet dan ladang-ladang pertanian swasta. Pepatah orang tua ada berkata "lebih baik memancing ikan, daripada membeli ikan setiap hari".

Kerajaan harus menyediakan satu rancangan yang menyeluruh bagaimana mengatasi masalah kemiskinan dan taraf kehidupan yang amat rendah di estet-estet, kawasan setinggian haram sekitar bandar, jalan keretapi dan juga di kampung-kampung baru Cina. Kemiskinan ini akan merebak kepada masalah sosial dan nilai moral masyarakat. Segolongan manusia ini boleh diibaratkan sebagai "nanah dalam luka". Pada pandangan saya, alangkah manisnya jika sekiranya keluarga-keluarga yang dikenalpasti kemiskinannya itu dapat ditempatkan di kawasan FELDA atau tanah rancangan khasnya supaya mereka dapat diajar berdikari.

Selain itu anak-anak mereka diberi peluang belajar di sekolah-sekolah berasrama penuh atau latihan kemahiran yang lain. Saya percaya langkah ini akan memberi satu perubahan alam pengajaran dan pembelajaran kepada anak-anak yang tertinggal ini kerana jika dibiarkan

dalam estet atau sekolah kampung baru Cina, atmosphere dan budaya menuntut ilmu itu tiada wujud. Pengaruh kemiskinan keluarga dan sikap negatif serta sikap menolak kewujudan atau establishment itu amat tinggi. Pendek kata kaedah DEB dalam segi pendidikan kini dalam DPB sudah tepat pada masanya melimpah kepada golongan termiskin keturunan bukan bumiputera. Pengukuran kadar kemiskinan harus dilihat dalam konteks yang mengasaskan nada budaya geographical dan faktor sejarah.

Dari segi faktor sejarah, rata-ratanya kaum Cina adalah tinggal dalam kawasan pekan atau bandar. ini bermakna hak milik tanah mereka adalah terhad dan tidak mempunyai kawasan tanah kampung yang boleh dijadikan pertanian atau petempatan. Oleh itu ramai kaum Cina yang miskin ini tinggal dalam rumah sewa, tanah haram, rumah kongsi atau terpaksa membeli rumah. Kehidupan di bandar berbeza dengan kehidupan di desa. Di desa ada tanah di sekeliling rumah yang boleh ditukar menjadi bumi hijau, di sungai dan sawah dapat dicari ikan, dan di kebun boleh dapatkan ulam dan bayam atau pucuk paku. Tetapi di bandar selain daripada menyedut udara, yang lain itu semuanya memerlukan wang. Beban tanggungan dan hutang sekeliling pinggang ini telah menjerat taraf kehidupan mereka. Oleh itu paras ukur untuk mengenalpastikan keluarga yang miskin itu harus berbeza dari satu kawasan 'threshold' serta 'ranch', pertempatannya. Saya cadangkan pada masa ini keluarga di bandar dan kampung baru Cina yang mendapat purata pendapatan bulanan sebanyak \$500 ini harus dikategorikan keluarga yang termiskin.

Ingin juga saya cadangkan kepada Kerajaan dalam RRJP2 ini wujudkan satu skim pinjaman perumahan murah dengan kadar bayaran bonus pinjaman yang paling minima sekali. Struktur rumah murah Kerajaan harus diperbaiki

mutu, khasnya ruang bilik dan kelengkapan supaya penghuni tidak perlu menambahkan beban pinjamannya. Kementerian Pendidikan perlu merancang satu sistem penempatan sekolah rendah dan sekolah menengah dalam kawasan-kawasan perumahan atau sektor-sektor tertentu dalam perkembangan bandar. Ini mengatasi masalah pengangkutan dan juga peluang pendidikan kepada rakyat.

Sekiranya pendidikan merupakan langkah yang paling berkesan dalam mengatasi kemiskinan dan kemunduran masyarakat maka pihak Kementerian Pendidikan perlu menyediakan lebih banyak sekolah sama ada bercorak ilmiah atau vokasional.

Sekiranya kita melihat dari segi konsep penswastaan, saya cadangkan kepada Kementerian Pendidikan bahawa semua pendidikan tinggi boleh diswastakan sebagai TEN, PLUS dan lain-lain lagi. Cara ini akan meluaskan lagi bidang pendidikan kemahiran dan perkembangan pendidikan.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, nanti sekejap, ya. Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya menjemput Puan Ainon Ariffin mempengerusikan Mesyuarat sekarang.

Puan Ainon binti Ariffin mempengerusikan Mesyuarat

Puan Ainon binti Ariffin: Assalamualaikum warahmatullah, selamat sejahtera. Ahli Yang Berhormat yang berkenaan dipersilakan menyambung ucapannya.

Tuan Chong Chi Siong: Terima kasih, Puan Yang di-Pertua. Cara ini akan meluaskan lagi bidang latihan kemahiran dari perkembangan pendidikan tanpa membebankan Kerajaan dari segi kewangan dan tenaga kemahiran. Penswastaan ini

juga boleh mempercepatkan atau memantapkan lagi visi Dato' Seri Perdana Menteri kita dalam Wawasan 2020 itu. Kolej dan universiti swasta ini dapat mempelbagaikan jenis kursus dan menyediakan kelengkapan dan kemudahan yang sofistikated untuk pengajaran dan pembelajaran. Latihan secara ini dapat dilaksanakan seiringan dengan perkembangan teknologi dan perindustrian negara. Selain dari itu, menjalankan kursus dalam negeri itu akan menyekat pengaliran wang keluar, menjimat pertukaran wang asing dan akhirnya memperkukuhkan nilai wang negara kita. Penswastaan pendidikan ini sedikit sebanyak dapat membantu pelajar-pelajar yang lemah dalam pelajaran atau yang miskin merasai pendidikan tinggi yang setaraf dengan pelajar-pelajar yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, penswastaan merupakan langkah yang bijak kerana dalam menarik sektor swasta melibatkan diri dalam pentadbiran Kerajaan, pengagihan beban awam ini juga secara tidak langsung telah meningkatkan hakmilik saham serta penyertaan bumiputera dalam perdagangan dan perindustrian. Saya tidak akan sangsi tentang keupayaan sesuatu syarikat yang ditawarkan penswastaan itu. Apa yang saya bimbangkan ialah kebajikan pekerja-pekerja syarikat itu. Teori asas dalam ekonomi ialah mencapai keuntungan dan keuntungan ini tidak ada batasnya, tambahan lagi negara kita tiada undang-undang yang menetapkan kadar minima gaji pekereja-pekerja kilang atau syarikat-syarikat swasta ini. Saya memohon agar pihak perancang penswastaan di Jabatan Perdana Menteri dapat sentiasa mengawasi kebajikan sosial pekerja-pekerja.

Masalah pendatang yang tidak diizinkan itu adalah merupakan satu penghalang dalam rancangan RRJP2. Kumpulan tenaga buruh ini sudi bekerja dalam keadaan yang tidak selesa dan gaji yang rendah kerana

mereka tiada tanggungan atau membayar cukai pendapatan walhal mereka merasai segala yang ada di negara ini. Mereka yang mampu mendapatkan kad pengenalan sementara itu akan terus menjadi penduduk setingan dan beban Kerajaan. Kewujudan mereka ini juga merampas peluang pekerjaan dan perniagaan bumiputera sama ada dalam sektor pembangunan atau pertanian. Ini akan menjejaskan lagi hasrat Kerajaan dalam menyusun semula masyarakat. Saya mencadangkan bahawa Kerajaan dapat mendaftarkan semua pekerja-pekerja asing ini dan mengeluarkan permit kerja sementara dan bukanlah kad pengenalan sementara. Selain ini setiap pekerja yang mesti membayar cukai pendapatan dan kos penanggungan hidup semasa di Malaysia. Ini mungkin dapat menyekat penghijrahan pekerja asing dan sebaliknya menambahkan hasil pendapatan negara.

Berkaitan dengan kad pengenalan, izinkan saya, Puan Yang di-Pertua, menyatakan kebelengguan setengah-setengah penduduk di negara kita ini. Selepas 34 tahun merdeka, masih ramai penduduk kaum, Cina masih mempunyai kad pengenalan berwarna merah atas alasan tiada Sijil Kewarganegaraan. Seorang hamba Tuhan yang hidup lebih 34 tahun dan setengahnya sudah berumur lebih daripada 70 tahun, masih tidak diterima sebagai warganegara Malaysia, bukan alangkah pilu hatinya

Puan Ainon binti Ariffin: Maksud Yang Berhormat—pilu".

Tuan Chong Chi Siong: Ya, pilu—Bukan alangkah pilu hatinya.

Puan Ainon binti Ariffin: Itu yang sebenarnya.

Tuan Chong Chi Siong: Terima kasih. Seperti bak kata, "Di mana bumi dipijak di situlah langit dijunjung", tempat jatuh lagi dikenang apatah lagi tanah memberi rezeki. Pada mereka ini

diibaratkan, "layang-layang putus tali". Walaupun mereka sudah tua dan hampir mati, azam ingin merasakan kepunyaan masih kebal lagi. Jika dikira dari segi sumbangan dan pembangunan negara memanglah tidak boleh ditolok-bandingkan. Jadi apakah salahnya golongan ini diberi kelonggaran untuk mendapat suatu nikmat bumi Malaysia ini yang telah dinantikan begitu lama. Sekiranya tidak menjadi keberatan, pihak MCA boleh membantu melaksanakan permohonan ini. Selain dari itu, saya mencadangkan bahawa pertimbangan khas harus diberi kepada mereka yang dilahirkan pada tahun 1956 untuk mendapatkan sijil warganegara. Alasan ialah pada masa permohonan sijil warganegara golongan ini hanya berumur setahun, maka tidak layak menerima sijil warganegara, manakala bayi yang dilahirkan dalam tahun 1967 dengan sendirinya menjadi warganegara. Lantaran ini maka ramai yang tidak memohon sijil warganegara sehingga hari ini masih memegang kad pengenalan merah. Oleh itu, saya menyeru pihak Kerajaan dapat memberi perhatian yang agak serius dalam hal ini demi meningkatkan moral dan cintakan tanahair.

Akhir sekali, Puan Yang di-Pertua, dalam proses penyusunan semula masyarakat melalui membasmi kemiskinan relatif adalah merupakan langkah yang bijak, pembangunan secara relatif atau dalam perkataan lain, pembangunan secara seimbangan wilayah akan mengurangkan emigrasi penduduk. Ini juga akan mengatasi masalah pemuda meninggalkan kampung dan menjadi burung hantu di bandar. Selain itu proses perkembangan ini juga dapat menjaga ekologi yang lebih mementingkan ampangan dan kawasan tadahan. Konsep pembangunan ini boleh mengatasi banyak masalah pencemaran alam dan mengekalkan alam sekitar negara kita.

Dalam apa juga rancangan pembangunan pun, pada hemat saya, soal pokoknya ialah sistem accessibility atau pengangkutan, sistem jalan yang sempit, tidak bermutu, bengkok-bengkok dan bahaya tidak menarik pemodal-pemodal asing. Selain itu hasil pengeluaran juga susah hendak dibawa keluar dan mass media juga agak lambat sampai ke kawasan ini.

Jadi penduduk di kawasan luar bandar sentiasa mundur dan terbiar, walhal kawasan ini seperti daerah Jempol, Negeri Sembilan mempunyai potensi industri sama ada ringan atau berat yang tinggi. Bahan mentah seperti getah, kelapa sawit, balak, logam dan lain-lain lagi terdapat dengan banyaknya. Selain itu dengan penduduk seramai 80,000 orang merupakan sumber tenaga buruh yang murah, serta pasaran yang agak baik, sedihnya kemudahan asas seperti jalan raya adalah masih seperti dalam zaman British. Hospital juga tidak ada walaupun tapak hospital telah disediakan oleh Pejabat Daerah,

Dalam RRJP2 ini peruntukan membina hospital kawasan Jempol juga tidak dimasukkan. Dalam Dewan yang mulia ini saya, bagi pihak seluruh penduduk daerah Jempol, merayu sekali lagi agar pihak Persekutuan dapat memberi keutamaan dalam membina Hospital Daerah Jempol ini.

Puan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang tersebut di atas saya bersama-sama dengan kawan-kawan Yang Berhormat terus menyokong Usul RRJP2 yang dicadangkan oleh Yang Amat Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini. Sekian.

Puan Ainon binti Ariffin: Silakan, Ahli Yang Berhormat di kiri saya.

5.42ptg.

Tuan Ho Cheng Wang: Terima kasih, Puan Yang di-Pertua, tahniah

juga kepada Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin kerana jadi Puan Yang di-Pertua pada masa ini.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih.

Tuan Ho Cheng Wang: Puan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Puan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya membincang Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) ini bagi tahun 1991-2000.

Sebagai seorang Ahli Dewan yang baru saya rasa ini adalah satu penghormatan kepada saya di sini untuk membincang RRJP2 ini bagi tempoh masa 10 tahun yang akan datang ini.

Puan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh kepada Usul Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr Mahathir di Dewan Rakyat dan juga oleh Timbalan Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Tuan Abdul Ghafar Baba di Dewan Negara ini.

Saya bersetuju bahawa Dasar RRJP2 ini akan membasmi atau menghapuskan ataupun, jikalau tidak dapat menghapuskan, akan mengurangkan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat tanpa mengambil-kira kaum-kaum atau bangsa-bangsa supaya ketidakseimbangan sosial dan ekonomi antara kaum dapat diperbaiki dan dengan tujuan atau matlamat ini, kita menyumbang ke arah mengukuhkan perpaduan negara kita.

Puan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan oleh Timbalan Perdana Menteri kita, perpaduan negara akan terus menjadi matlamat terakhir Dasar Pembangunan Baru, sebab untuk mengukuhkan kestabilan sosial dan

politik, bersatu-padu tersangat penting untuk masyarakat yang mempunyai berbilang kaum seperti kita. Oleh sebab ini dalam proses membahagikan manfaat pembangunan, kita mesti memastikan bahawa tidak ada golongan-golongan kaum merasa hak mereka kehilangan atau tergugat atau mereka merasa harapan kehidupan mereka terancam dan sebagainya atau golongan-golongan kaum lain diketepikan.

Puan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru telah dilaksanakan 20 tahun dalam negara kita. Dari pengalaman, dari tuntutan, dari aduan yang kita terima dalam proses pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini, saya ingin di sini mengemukakan beberapa faktor atau cadangan saya untuk menarik perhatian pemimpin-pemimpin serta Dewan Negara ini.

Puan Yang di-Pertua, bagi bidang pendidikan, untuk mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru, pendidikan atau pelajaran adalah amat penting dan mustahak.

Sistem pendidikan kita mesti menyediakan sumber manusia yang mempunyai teknik dan kepakaran tanpa mengambilkira bangsa untuk mencapai Wawasan tahun 2020 yang akan datang atau untuk jadikan negara kita sebagai satu negara perindustrian menjelang tahun 2020.

Puan Yang di-Pertua, dalam proses pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang telah tamat berapa ramai pelajar kita, berapa ramai murid, berapa ramai kanak-kanak kita yang bukan bumiputera, terutamanya orang China, telah gagal memasuki universiti-universiti atau kolej-kolej tempatan. Mereka merasa kecewa bukan kerana keputusan ujian mereka yang tidak baik, tetapi oleh sebab quota memasuki univervisti, kolej atau sekolah kita. Pemuda-pemuda, pelajar-pelajar muda atau kanak-kanak serta keluarga mereka ini merasai keciwa merasa sedih, dan benci akan struktur

masyarakat seperti kami ini. Mereka juga merasai bahawa dalam bidang perniagaan, dalam bidang ekonomi, dalam bidang pertanian dan sebagainya mereka diketepikan oleh struktur masyarakat. Ini mengakibatkan ideologi mereka mendekati ideologi Parti Pembangkang. Ini kita boleh nampak dalam pilihanraya pada tahun 1990, di mana MCA sekali lagi gagal di kawasan orang Cina. Lagi sekali MCA terkorban. Terkorban untuk siapa? Bukan untuk hal-hal lain, tetapi untuk mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru yang lepas itu. Oleh sebab itu saya merayu di sini kepada rakan-rakan dan parti-parti komponen Barisan Nasional supaya janganlah menyentuh MCA sebagai yang tidak kukuh, yang tidak kuat untuk menahan Parti Pembangkang. Inilah satu permintaan saya di sini.

Untuk mengatasi masalah pendidikan, saya juga mencadangkan, Puan Yang di-Pertua, biarlah kita membenarkan lebih universiti swasta supaya ditubuhkan untuk mengambil pelajar-pelajar atau murid-murid kita.

Puan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan bahawa perhubungan muda-muda atau pelajar-pelajar kaum bumiputera dan kaum bukan bumiputera adalah sangat buruk, perhubungan yang tidak baik, perhubungan yang selalu bertengkar pada masa sekarang di dalam universiti, di dalam kolej dan di dalam sekolah ini. Saya ingat ini adalah satu kedudukan yang tidak baik.

Kita berasa sedih bahawa pelajar-pelajar atau murid-murid ini akan menjadi pemimpin-pemimpin negara pada masa yang akan datang. Kalau pada hari ini mereka bertengkar di kolej dan bertengkar di mana-mana universiti, apabila mereka menjadi pemimpin-pemimpin negara atau memerintah negara ini bagaimana mereka akan bertolak-ansur?

Puan Yang di-Pertua, saya merayu kepada pemimpin kita agar mengambil berat serta perhatian dan seterusnya mengambil tindakan yang keras, tindakan yang sesuai, tindakan yang dinamik untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah ini dan di samping itu menggalakkan dan membangunkan masyarakat yang progresif supaya pelajar-pelajar, kanak-kanak dan anak-anak kami mempunyai sikap keharmonian, persefahaman dan bertolak-ansur.

Puan Yang di-Pertua, dalam bidang perniagaan dan sosio-ekonomi, saya setuju bahawa dalam proses pelaksanaan Dasar Pembangunan Baru yang akan datang, tiada golongan kaum merasai hak mereka telah hilang atau tergugat. Dalam masa 20 tahun Dasar Ekonomi Baru yang lepas, kaum bukan bumiputera telah merasai kefaedahan dan keuntungan mereka telah hilang dan tergugat di mana-mana bidang perniagaan juga.

Saya di sini ada satu contoh untuk menunjuk kehilangan keuntungan orang bukan bumiputera, iaitu dalam perusahaan 'lapok alang'. Saya tidak tahu sama ada Puan Yang di-Pertua ada dengar mengenai perusahaan 'lapok alang'

Puan Ainon binti Ariffin: Yang Berhormat Tuan Ho, 'lapok alang' tak pernah dengar, 'dapur arang' barangkali ada.

Tuan Ho Cheng Wang: Jadi, perusahaan dapur arang ini terwujud di kawasan di tepi sungai yang mempunyai hutan bakau, sebab ia memerlukan pokok-pokok dari hutan ini untuk membakar dan menjadi 'alang'.

Puan Ainon binti Ariffin: Maksud Ahli Yang Berhormat, arang?

Tuan Ho Cheng Wang: Ya, arang. Sebelum tahun 1970, kita setuju penglibatan kaum bumiputera dalam bidang perniagaan ini tersangat kurang.

Kami juga menyokong penuh bahawa Kerajaan kita menolong dan membantu kaum bumiputera dalam bidang perusahaan ini dengan cara memberi permit-permit kewangan dan sebagainya. Tetapi janganlah Kerajaan kita mengurangkan jumlah dapur arang yang dipunyai oleh kaum bukan bumiputera atau orang Cina dan Seterusnya menambahkan jumlah dapur arang kaum bumiputera. Inilah yang dipraktikkan oleh Kerajaan dalam Dasar Ekonomi Baru yang telah lepas ini. Oleh sebab ini, Puan Yang di-Pertua, saya merayu kepada pemimpin Kerajaan kita untuk menaikkan atau meningkatkan status kaum bumiputera dengan cara membesarkan dan meluaskan peluang perniagaan dan bukan mengancam perniagaan orang lain yang sedang terwujud.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan bidang Perkhidmatan Awam, Kerajaan juga bercadang menambahkan peratus kakitangan kaum bukan bumiputera untuk tujuan mengurangkan kesilapfahaman antara kaum terutamanya apabila menguatkuasakan undang-undang seperti undang-undang laut oleh Jabatan Perikanan. Saya mendapati rantai nelayan terdiri dari bangsa orang Cina dan malangnya ramai kakitangan penguatkuasaan di Jabatan Perikanan terdiri dari orang bumiputera. Hal-hal kesilapfahaman pun selalu berlaku di laut pada masa pegawai kita mengambil tindakan terhadap nelayan-nelayan ini. Saya ingin juga menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di sini bahawa hal laut bukanlah sama seperti di jalan raya. Di jalan raya kita dapati ada tanda lalu-lintas, alat lampu isyarat yang menunjukkan di mana-mana tempat tidak boleh masuk, di mana ada lorong atau jalan yang tidak boleh masuk atau tidak boleh keluar. Tetapi di laut, kita tiada tanda yang menunjukkan ke mana bot ini tidak boleh masuk atau menunjukkan jarak jauhnya dari darat kita. Oleh sebab ini, di laut

terutamanya di negeri Perak, Selangor dan sebagainya kita selalu menerima aduan berkaitan dengan penguatkuasaan terhadap nelayan orang Cina di situ. Saya ingat jikalau kita menambahkan kakitangan penguatkuasaan, kita boleh mengurangkan kesilapfahaman seperti ini.

Puan Yang di-Penua, dalam bidang pertanian, terdapat banyak kekurangan kaum Cina yang terlibat dalam sektor ini. Kerajaan mesti mempunyai rancangan yang baik membuka tanah yang luas kepada petani-peiani yang sebenar-benar miskin untuk menggalakkan petani kami memasuki bidang pertanian ini.

Puan Yang di-Pertua, saya rasa seorang yang benar-benar petani atau peladang, selalu menghadapi kesusahan untuk dapat tanah pertanian. Tetapi orang-orang yang berpangkat, orang-orang besar selalu mempunyai banyak jalan untuk mendapat tanah ini. Saya ingat, kalau Puan Yang di-Pertua ada jalan-jalan ini lain kali silalah perkenalkan jalan-jalan itu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini. *(Ketawa)*

Puan Yang di-Pertua, dalam hal permohonan tanah pertanian yang masih wujud sekarang, saya haraplah Kerajaan kita akan memberinya kepada petani-petani atau peladang-peladang yang benar-benar bekerja sebagai petani atau peladang seperti orang yang membawa kereta sapu untuk 20 tahun yang belum lagi dapat lesen teksi.

Puan Yang di-Pertua, dalam bidang perikanan, saya hendak menarik perhatian dan merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid bahawa beliau telah berjanji memindahkan Akta Perikanan sebelum Pilihanraya. Saya ingat sampai hari ini tindakan belum diambil untuk memindahkan Akta Perikanan yang keras ini. Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita berbanding Akta Pengangkutan Jalan dengan Akta Perikanan, setakat ini nelayan kita bukan sahaja melawan

dengan alam semulajadi termasuk ombak besar, hujan lebat, mata hari panas untuk kehidupan mereka tetapi juga mesti menjaga diri daripada ancaman lanun dari negeri-negeri jiran kita seperti Siam atau Indonesia. Jikalau nasib tidak baik, mereka akan terkorban di laut dan mati di laut juga. Di samping itu, Akta Perikanan Malaysia ini selalu mengancam mereka sebab Akta ini tersangat keras. Di jalanraya, jikalau kita dapat seorang tuannya kereta yang tidak bayar cukai jalan itu, saya ingat setinggitingginya dia dapat saman atau didenda sahaja. Tetapi di laut, jikalau lesen bot ini tidak diperbarui, bot nelayan ini akan dirampas dan pemilik atau pelesen bot ini akan dipenjarakan atau dihukum atau dapat hukuman kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, sila bayangkan apakah akan terjadi kepada keluarga seorang nelayan jika beliau menghadapi hukuman yang keras seperti ini. Bagaimana kehidupan mereka akan terjadi? Oleh sebab ini, kami merasa inilah masa yang sesuai untuk meminda Akta Perikanan, pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan kita telah menswastakan Jabatan-jabatan seperti Pejabat Pos, Tenaga Nasional, Telekom Malaysia dan sebagainya. Tujuan penswastan ini adalah untuk mencipta atau untuk mendapat perkhidmatan yang lebih cekap dan cepat, menjimatkan perbelanjaan kita dan sebagainya. Dalam Rancangan Malaysia Keenam yang akan datang, kita juga sokong agar projek penswastan ini diteruskan. Saya sangat menghargai perkhidmatan Syarikat Telekom Malaysia yang telah jadi lebih cekap melalui projek penswastan ini. Tetapi syarikat swasta ini tidak menjimatkan perbelanjaan kos kita. Contohnya, dalam sebuah taman atau kawasan perumahan baru, Syarikat Telekom Malaysia telah menanggung

kos perbelanjaan menanam tiang dan memasang talian bagi pihak pemaju. Dalam hal ini, pada petang ini ada seorang Ahli Yang Berhormat yang bertanya mengapa taman baru ini tidak dapat bekalan telefon selama dua tahun. Ini adalah kerana STM akan menanggung kos perbelanjaan bagi pihak pemaju tetapi pihak pemaju tidak mahu terima kos ini, sungguhpun ini adalah satu tanggungjawab pemaju taman perumahan baru.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut proverb orang Cina, "mulut kambing datang dari badan kambing," yakni "mulut kambing dari badan kambing."

Puan Ainon binti Ariffin: Ahli Yang Berhormat, ulang sekali lagi. Saya kurang faham.

Tuan Ho Cheng Wang: Mengikut proverb orang Cina "mulut kambing dari badan kambing". Syarikat Telekom Malaysia akan menanggung kos perbelanjaan ini bagi pihak pemaju dan pihak pemaju akan memindahkan kos perbelanjaan ini kepada pihak pembeli. Oleh itu ini akan menambahkan beban kewangan rakyat kita. Kita selalu mengatakan bahawa kita akan menghapuskan kemiskinan, tetapi dengan menswastakan projek-projek ini, ia menambahkan beban langgungan kita.

Puan Yang di-Pertua, setelah mengamalkan ideologi penswastaan Kerajaan kita mesti mengawal supaya kos perbelanjaan ini tidak ditanggung oleh pihak rakyat kita.

Puan Yang di-Pertua, akhirnya, saya merayu kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan supaya memperbaiki perhubungan antara pelajar-pelajar kaum di universiti dan kolej atau sekolah tempatan kita. Ini adalah satu isu yang serius, yang kritikal, yang penting, sebab kita tidak akan mencapai satu negara perindustrian yang maju, yang cemerlang dalam

masa tahun 2020 jikalau perpaduan antara kaum tidak dikukuhkan. Sekian, terima kasih.

Puan Ainon binti Ariffin: Sekarang kita jemput Ahli Yang Berhormat dari Kedah iaitu Yang Berhormat Puan Hajah Che Pora.

6.02 ptg.

Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar: Terima kasih Puan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya sama-sama membahaskan Usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dulu semalam.

Saya juga turut menyokong Usul yang dibentangkan dengan harapan ianya akan memberi manfaat kepada masyarakat. Kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memberi penekanan kepada rakyat-rakyat yang termiskin. Saya ingin menyentuh perkara ini kerana negeri Kedah adalah satu negeri di mana banyak rakyat-rakyat termiskin yang tinggal di kampung-kampung. Dalam melaksanakan rancangan-rancangan dan bantuan-bantuan kemiskinan ini, kita dapati berlakunya kepincangan di mana amaun-amaun yang ditetapkan, yang disalurkan tidak sampai sepenuhnya kepada pihak berkenaan.

Jadi, kita mempersoalkan di manakah silapnya. Dalam Rancangan Malaysia Yang Keenam ini, kita mengharapkan pihak Kerajaan dapat menubuhkan satu badan yang mempunyai kuasa menyelaras dan juga check and balance, dengan izin, supaya perkara ini tidak berlaku. Saya memberi contoh dalam bantuan Rancangan PBRT yang dilaksanakan di seluruh negara, di mana kita difahamkan tiap-tiap satu rakyat miskin akan diberikan peruntukan sebanyak \$2,000 untuk perbelanjaan memperbaiki rumah-rumah tetapi apa yang

berlaku, barang-barang yang sampai tidak ternilai \$2,000. Orang-orang yang miskin ini mereka tidak tahu dan tidak tahu pula di mana hendak mengadu, mereka hanya menerima dan mengucap syukur kerana dapat bantuan, pada hal kita tahu mereka ini sepatutnya mendapat bantuan yang selebihnya lagi.

Puan Yang di-Pertua, dengan itu kita berharap kerana dalam Rancangan Malaysia Yang Keenam ini, penekanan diberikan kepada rakyat termiskin dan kita harap biarlah mereka ini menerimanya dengan sewajarnya dan sepenuhnya.

Puan Yang di-Pertua, mungkin ini berlaku kerana kurang perhatian dan kurang peka pihak pelaksanaan khususnya pegawai-pegawai dalam menjalankan atau mengagih-agihkan ataupun sebaliknya penyelewengan yang secara langsung dijalankan.

Puan Yang di-Pertua, kita difahamkan bahawa Kerajaan telah menyediakan banyak agensi-agensi Kerajaan untuk membantu rakyat meningkatkan taraf hidup masing-masing di pelbagai bidang. Apa yang menjadi halangan untuk pencapaian yang sepenuhnya adalah kerana rakyat kurang peka dengan rancangan-rancangan yang disediakan oleh Kementerian-kementerian masing-masing. Adalah diharapkan supaya Kementerian-kementerian ini dapat menyenaraikan rupabentuk rancangan, peruntukan dan sebarang apa lagi bantuan yang dapat diberikan kepada rakyat. Saya difahamkan kebanyakan orang-orang kampung hanya tahu bantuan daripada MARA, daripada RISDA dan pinjaman daripada bank. Dan kita tahu bukan senang untuk mereka ini membuat pinjaman-pinjaman daripada bank. Contohnya satu lagi ialah pejabat-pejabat pertanian di daerah-daerah dan mungkin ada lagi jabatan-jabatan yang serupa itu.

Kita tidak tahu apakah yang dirancangan oleh satu pejabat daerah pertanian di sesuatu daerah dan apakah bantuan-bantuan yang boleh diberikan. Ini adalah cuma contoh. Jadi, saya mengharapkan daripada Kementerian sendiri supaya dapat mengarahkan pejabat-pejabat ini keluar ataupun mengiklankan ataupun memberitahu melalui JKK, melalui Penghulu atau apa cara bentuk sekali pun memberi penerangan kepada orang-orang kampung, apa yang dapat mereka buat untuk meningkatkan taraf hidup mereka atau untuk memajukan perniagaan mereka ataupun untuk menerima apa sebarang bantuan. Kegagalan ini ialah kerana mereka tidak tahu sumber ataupun tempat-tempat yang dapat mereka pergi untuk mendapat bantuan nasihat atau membuat pinjaman-pinjaman.

Puan Yang di-Pertua, dengan itu, saya sangatlah berharap supaya pihak Kerajaan dapat menubuhkan satu badan yang hanya kerjanya memberi penerangan kepada rakyat apa yang dapat diberi, apa yang dapat dibantu.

Puan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Yang Keenam ini kita melihat pihak Kerajaan menitikberatkan juga kepada pihak pendidikan. Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat tadi berucap dengan memberi contoh-contoh di mana pendidikan memainkan satu peranan yang penting di dalam pembangunan negara.

Saya ingin menarik perhatian, Puan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pelaksanaan dengan dua skim oleh Kementerian Pendidikan baru-baru ini di mana ada segelintir golongan guru-guru yang merasa kurang puas hati dan juga merasa begitu sedih kerana keadaan mereka. Golongan ini ialah golongan guru-guru C2. Dalam pelaksanaan dua skim ini, guru-guru C2 tidak mendapat tempat di mana-mana sekali pun. Mereka yang

sudahpun menyandang Tingkatan tertinggi, Tingkatan Biasa, Tingkatan Biasa A, tidak lagi mempunyai peluang untuk kenaikan pangkat. Hanya guru-guru yang sedang menyandang jawatan Guru Besar dapat dikekalkan.

Puan Yang di-Pertua, oleh kerana dalam pelaksanaan Kurikulum Baru baru-baru ini guru-guru golongan C2lah yang menjadi pioneer, yang menjadi orang-orang yang menjalankan pelaksanaan KBSR, saya meminta pihak Kerajaan supaya dapat mempertimbangkan kedudukan guru-guru ini supaya mereka ini dapat meneruskan perkhidmatannya dengan rasa hati yang tidak sedih tetapi ingin memberi perkhidmatan yang lebih baik. Kita tahu mereka ini dengan keadaan yang begini tentulah berasa sakit jiwa juga dan kita harap keadaan yang begini tidak akan menjejaskan perkembangan pendidikan kanak-kanak.

Puan Yang di-Pertua, kenaikan bayaran yuran masuk ke universiti sangatlah membebankan rakyat yang termiskin. Kita dapat tahu banyak permohonan yang berjaya masuk ke universiti tidak dapat memenuhinya kerana pembayaran permulaannya begitu tinggi. Kita rasa, seseorang orang kampung yang anaknya mendapat peluang untuk belajar masuk ke universiti tetapi membayar wang pembayaran masuknya sebanyak lebih \$1,000 tentulah akan menarik-diri daripada penyertaan masuk ke universiti.

Puan Yang di-Pertua, dalam hal ini, dengan hasrat Kerajaan untuk membantu rakyat miskin dan dengan hasrat Kerajaan untuk membasmikan kemiskinan, saya menyeru pihak-pihak yang berkenaan supaya dapat mencipta ataupun membuat sesuatu untuk mereka ini yang ditawarkan tempat dapat masuk walaupun pembayaran yuran yang begitu tinggi tetapi ada cara yang dapat diselesaikan supaya mereka ini dapat bersama. Tetapi kita tidak mahu mendengar ada anak-anak yang

dikampung kerana apabila kita ke kampung-kampung, kita kata dasar Kerajaan ingin menolong dan mereka kata anak mereka yang mendapat tempat di universiti tidak dapat masuk kerana bayaran yang begitu tinggi.

Apakah ini dasar yang Kerajaan ingin menolong? Jadi, kita harap biarlah orang-orang kampung yang sentiasa dibelenggu dengan kemiskinan dapat merasa nikmat melalui anak-anak mereka dan berasa syukur diatas mereka mengundi Kerajaan Barisan Nasional. Tidak dapat dinafikan kemenangan Barisan Nasional adalah kesan mereka yang di luar bandar yang memberi sokongan yang begitu kuat kepada kita dan kita janganlah mengabaikan tanggungjawab yang kita terima daripada mereka.

Puan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong penuh usul yang dibawa oleh Kerajaan dengan harapan ia akan menjadikan Malaysia satu negara yang maju pada tahun 2020. Sekian, terima kasih,

Puan Ainon binti Ariffin: Sekarang kita jemput pula Yang Berhormat Senator Isli bin Haji Siput untuk memberikan ucapan.

6.14 *ptg.*

Tuan Isli bin Haji Siput: Puan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana diberi peluang berucap ke atas RRJP2.

Puan Yang di-Pertua, dengan visi Perdana Menteri ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara membangun dan rakyatnya juga dibawa ke arah arus pembangunan sejajar dengan Wawasan 2020.

Di sini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Perdana Menteri kerana melihat lebih jauh betapa pentingnya yang mana Perdana Menteri telah mentitikberatkan ke atas rakyat berbilang kaum di Malaysia

sebagaimana yang ternyata bahawa untuk membasmi kemiskinan selain dari mengubah corak dan wajah Malaysia dalam Wawasan 2020.

Puan Yang di-Pertua, RRJP1 telahpun berlalu. Memang ada di antara beberapa orang, malahan ramai rakyat Malaysia mengatakan RRJP1 tidak berjaya kerana percentagenya dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang telah dicapai begitu rendah. Tetapi pada pendapat saya DEB telahpun mencapai satu tahap yang boleh dibanggakan, memandangkan kepada ketika DEB diwujudkan, dengan izin, we were zero. Tetapi setelah tamatnya 1990 bahawa DEB telahpun mencapai satu tahap yang dibanggakan. Bermakna dalam ertikata bagi diri saya, iaitu pada ketika itu dasar telah dimulakan adalah ibarat sebuah bahtera yang mana pada ketika itu kita telahpun berlayar daripada hulu ke kuala. Pada 1990 kita telahpun sampai ke kuala, tetapi dengan kebijaksanaan pemimpin kita yang agung, maka sebuah bahtera yang lebih besar lagi telahpun dibina iaitu RRJP2. RRJP2 mempunyai nakhoda dan crewnya, dengan izin, yang telah berpengalaman dan bertauliah,

Siapakah penumpang-penumpang RRJP2 itu. Adalah rakyat jelata. Pada ketika ini bahawa RRJP2 masih selamat, yang mana kita pada hari ini telah membuat sebuah kapal yang diikat di jambatan sahaja, tetapi bukan itu tujuan kapal yang sebenarnya untuk dibina. Tujuan kapal dibina ialah untuk belayar menuju ke arah Wawasan 2020. Destinasi RRJP2 ialah tahun 2020, tetapi itu bukan final destination, dengan izin. Manakala sampai ke arah 2020, maka ada lagi satu destinasi yang lain.

Puan Yang di-Pertua, dalam pelayaran menghalu 2020, kita akan menempuh berbagai masalah, kita akan menempuh gelombang, kita akan menghadapi ribut dan petir di tengah lautan. Di situlah nanti bahawa pemimpin-pemimpin yang mana saya katakan tadi, anak-anak kapal, crew-

crew dan juga para penumpangnya akan merasa macam mana dan bagaimana kita mendapat dan mencapai matlamat yang dicita-citakan oleh pemimpin dan Kerajaan.

Puan Yang di-Pertua, sudah ramai Ahli-ahli Dewan Negara yang telahpun memberikan ucapan dan hujah berkenaan dengan pembangunan negara, berkenaan dengan membasmi kemiskinan. Membasmi kemiskinan bukanlah hanya terletak kepada Kerajaan dan para pemimpin. Membasmi kemiskinan mestilah terdiri daripada individu, terdiri daripada diri kita sendiri. Kalau kita tidak mahu mengubah sikap dan keinsafan pada diri sendiri, sudah tentu tidak ada yang akan dapat mengubah melainkan diri sendiri yang akan dapat mengubah masa depan kita sejajar dengan RRJP2 ini.

Puan Yang di-Pertua, dengan kestabilan politik, dengan keamanan yang terkawal, Barisan Nasional telahpun mencapai satu kemenangan yang cemerlang. Dengan kemenangan ini, maka timbullah suatu idea baru yang mana menimbulkan hasrat untuk meneruskan satu strategi baru bagi mencapai Wawasan 2020 ialah RRJP2.

Walaupun demikian, ada di antara Ahli Dewan Negara menimbulkan perkara-perkara yang tidak sepatutnya ditimbulkan di dalam Dewan ini kerana kalau ia ditimbulkan, maka sudah tentu mempunyai perasaan-perasaan yang sensitif. Itulah sebabnya kalau kita mencederakan ibu jari dan kalau ibu jari kita sakit, kita tidak sepatutnya mengambil keputusan untuk memotong ibu jari kerana setiap jari ini adalah penting bagi kita. Kalau dia sakit, kita patut berikan ubat, oleh kerana ada ubat yang patut membaiki ibu jari. Tetapi manakala sesudah kita potong ibu jari, sudah tentu pada ketika kehilangan ibu jari, kita merasakan satu kehilangan yang amat besar sekali. Jadi, kita tidak harus menimbulkan sesuatu perkara yang sensitif yang boleh menimbulkan kemarahan rakyat jelata.

Bila kita menimbulkan soal itu, dan ada di antaranya juga yang mengatakan bahawa orang bumiputera diberikan keutamaan dan yang bukan bumiputera kurang diberikan keutamaan, daripada segi pandangan saya, saya berpendapat bahawa walaupun bumiputera diberikan keutamaan yang harus diberikan, tetapi yang bukan bumiputera juga merasa senang dan mendapat nikmat. Seseorang-seseorang bumiputera tidak sama dengan seseorang-seseorang bukan bumiputera. Jadi, saya merasa tidak harus perkara ini ditimbulkan di dalam Dewan yang mulia ini kerana yang mendapat nikmat ialah rakyat Malaysia itu sendiri. Walaupun air jatuh daripada satu tangki ke satu tangki, tetapi akhirnya ia akan juga jatuh ke tanah membasahi bumi kita. Siapa dia yang berada di bumi itu? Sama-samalah di dalam Dewan ini mengetahuinya.

Puan Yang di-Pertua, di dalam kita menghala dan menuju ke arah pembangunan dan ke satu wajah Malaysia yang baru, iaitu bagi mencapai Wawasan 2020, perlulah pihak yang berkenaan mengenalpasti kejayaannya di dalam berbagai bidang pembangunan negara yang antara lainnya:

- (a) menghapuskan atau mengurangkan kadar kemiskinan di seluruh negara;
- (b) pembangunan infrastruktur bukan hanya di bandar-bandar yang diperlukan tetapi juga di luar-luar bandar dan daerah-daerah;
- (c) menambahkan dan memperbaiki sekolah amat penting sekali bagi anak-anak kita menimba ilmu pelajaran dari masa ke semasa.
- (d) memanjangkan industri kecil dan sederhana, khususnya kepada kaum-kaum belia; dan
- (e) mewujudkan bandar-bandar baru kecil dan sederhana di kawasan baru yang berhampiran dengan lebuh raya.

Puan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar Kementerian berkenaan hendaklah memberikan penerangan secukupnya kepada rakyat melalui seminar-seminar, majlis-majlis dialog bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.

Puan Yang di-Pertua, Labuan adalah sebuah pulau yang kini telahpun berada di dalam Wilayah Persekutuan tetapi yang masih jauh lagi ketinggalan dari segi pembangunan. Tetapi dengan adanya RRJP2, ianya meliputi Labuan, kerana Labuan juga adalah merupakan salah satu tempat di Malaysia yang telah diiktiraf sebagai IOFC. Dengan pengisytiharan Labuan sebagai Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa yang mana telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ianya dialu-alukan dengan harapan dan impian tersebut menjadi kenyataan. Mudah-mudahan kemudahan-kemudahan utama yang harus diberikan adalah seperti berikut:

- (i) Pelan Induk menyeluruh supaya Labuan dapat dibangunkan secara teratur;
- (ii) pembangunan rakyat di dalam bidang sosial dan ekonomi;
- (iii) kemudahan infrastruktur; dan
- (iv) peluang-peluang pelaburan dalam dan luar negeri.

Dengan ini saya mencadangkan agar pihak yang berkenaan mengadakan kursus insentif di semua bidang supaya membolehkan anak-anak tempatan mendapat peluang-peluang pekerjaan di dalam rangka Kerajaan hendak memajukan Labuan sebagai Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa di samping mengutamakan pembangunan tersebut.

Puan Yang di-Pertua, apakah wajah Labuan manakala sampai masanya Wawasan 2020, dan kita ingin melihat bersama-sama dan saya berazam supaya meneruskan cita-cita Kerajaan Untuk membangunkan bukan hanya di

negeri-negeri yang lain, tetapi Labuan adalah merupakan salah satu tempat yang akan diberikan pembangunan yang pesat di dalam bidang sosial dan ekonomi.

Puan Yang di-Pertua, ada sedikit masa lagi. Majlis Perbandaran adalah di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan ianya secara langsung adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin tahu apakah sumbangan yang diberikan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke atas Pulau Labuan? Setakat yang saya tahu, pada hari ini kita mempunyai direct access kepada Jabatan Perdana Menteri. Sekurang-kurangnya tanggungjawab Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendaklah melibatkan sama bagi pembangunan di Pulau Labuan.

Puan Ainon binti Ariffin: Yang Berhormat Tuan Isli, oleh kerana masa telah menunjukkan tepat jam 6.30 petang, saya minta Yang Berhormat supaya sambung ucapannya pada hari Isnin, 29-7-1991, selepas selesai Jawapan kepada Pertanyaan-pertanyaan Mulut.

Tuan Isli bin Haji Siput: Puan Yang di-Pertua, saya habiskan ucapan saya. Maka dengan ini saya memberikan sokongan ke atas RRJP2.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan ini Dewan ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang pada hari Isnin, 29-7-1991.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.